

Bil. 7

**Khamis
3 April 1997**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Ruangan 12)
USUL:	
- Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	(Ruangan 12)
- Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Ruangan 35)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

- Yang Berhormat Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- Yang Berhormat Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

Yang Berhormat	Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
“	Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
“	Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
“	Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
“	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
“	Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
“	Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
“	Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
“	Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
“	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
“	Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
“	Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
“	Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
“	Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
“	Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
“	Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
“	Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
“	Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
“	Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
“	Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

- Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

- Yang Berhormat Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K.. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
PARLIMEN MALAYSIA**

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Jainah binti Sakimin
Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWANRAKYAT

Khamis, 3 April, 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**AKTIVITI KUMPULAN
BERUNIFORM DI SEKOLAH -
PENGLIBATAN PELAJAR**

1. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin [Johor Bahru] minta Menteri Pendidikan menyatakan berkenaan dengan aktiviti kumpulan beruniform di sekolah termasuk kumpulan silat dan sukan:-

- (a) berapakah peratusan pelajar yang terlibat; dan
- (b) apakah tindakan kementerian bagi menggalakkan pelajar menyertai aktiviti yang boleh menanamkan sifat disiplin seperti ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada:

- (a) Penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum adalah diwajibkan. Setiap pelajar digalakkan menyertai tiga bidang utama kokurikulum, iaitu Pasukan Pakaian Seragam, Kelab/Persatuan dan Sukan/Permainan.
- Sehingga kini penyertaan pelajar dalam kegiatan sukan adalah menyeluruh di peringkat asas, namun demikian penyertaan sukan untuk tujuan pertandingan adalah berbeza mengikut peringkat serta kategori pertandingan yang dianjurkan. Peratus penyertaan pelajar sekolah rendah dan menengah di dalam kegiatan pasukan beruniform dan silat ialah 32%.
- (b) Bagi menggiatkan penyertaan pelajar dalam kegiatan ini, Kementerian Pendidikan telah mengambil beberapa langkah. Antaranya ialah:

- (i) mengeluarkan arahan supaya semua pelajar di sekolah menengah akan menganggotai pasukan pakaian seragam sekolah menjelang 1998;
- (ii) Menubuhkan Pasukan Kadet Remaja Sekolah dalam usaha menambahkan pilihan pasukan pakaian seragam sekolah;
- (iii) menyelaraskan program perkembangan dan pembangunan bersama dengan badan-badan penaja pasukan pakaian seragam; dan
- (iv) menyelaras dan menerbitkan buku-buku panduan pengurusan pasukan pakaian seragam.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan betapa pentingnya 'koko' ataupun kokurikulum ini kepada pelajar-pelajar terutamanya di sekolah menengah, adakah pihak kementerian sedar bahawa uniform yang dipakai oleh pelajar-pelajar ini ada yang disumbangkan oleh kerajaan dan ada yang disumbangkan oleh ibu bapa. Ini melibatkan ibu bapa yang miskin yang terpaksa membeli uniform bagi kegunaan pelajar-pelajar ini. Sama ada kerajaan berhasrat untuk mengajak swasta sama-sama berbelanja bagi menjadi bapa angkat kepada setengah-setengah badan beruniform ini?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar akan beban dari segi hendak membiayai khususnya dari segi mendapatkan uniform-uniform kepada pasukan-pasukan beruniform. Kita memang senantiasa mengalu-alukan mana-mana badan terutama sekali di sektor swasta dan korporat untuk bersama-sama meringankan masalah ini. Kita pun sedar ada di antara ibu bapa yang mampu memberikan sumbangan untuk membiayai pembelian uniform-uniform tersebut. Pada peringkat ini pihak kementerian sedang mengkaji sama ada dari segi kesesuaian, khususnya dari segi kemampuan kerajaan untuk membantu sedikit sebanyak bagi membolehkan lebih ramai lagi pelajar-pelajar mendapatkan kemudahan uniform tersebut.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila masalah sosial mula melanda di kalangan pelajar kita di peringkat sekolah, berbagai-bagai cadangan telah dikemukakan untuk mengatasi masalah ini, antaranya menggalakkan, menambahkan dan meluaskan program pasukan uniform dan termasuk juga untuk mengadakan program khidmat sosial masyarakat dan sebagainya. Saya ingin tahu dalam

banyak-banyak cadangan yang dikemukakan, apakah pandangan dan pendirian kementerian iaitu sejauh manakah keyakinan kementerian bahawa dalam banyak-banyak cadangan, pasukan uniform ini yang terbaik bagi mengatasi masalah sosial yang dihadapi oleh remaja di peringkat sekolah?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun mengadakan banyak perbincangan, banyak seminar dan seminar yang terakhir yang dibuat ialah di Institut Aminuddin Baki di mana banyak keputusan telah pun diterima dan ada di antara keputusan-keputusan itu telah pun mula dilaksanakan. Memang benar kita berpendapat melalui pasukan pakaian seragam yang ada kita kategorikan sebanyak 12 jenis pasukan pakaian seragam ini seperti Bulan Sabit Merah, St. John dan lain-lain. Semuanya ini merupakan pasukan-pasukan yang boleh menerapkan dan menanamkan unsur-unsur dan nilai-nilai yang boleh membentuk watak-watak dan akhlak yang lebih baik di kalangan pelajar-pelajar terutama sekali. Itu sebabnya kita membuat keputusan untuk mengarahkan sekolah-sekolah terutama sekali di sekolah menengah berasrama penuh mesti mengadakan sekurang-kurangnya satu pasukan pakaian seragam.

LEBUHRAYA GEMAS-SEGAMAT-KLUANG- JOHOR BAHRU- PASIR GUDANG DAN MUAR-TANGKAK-SEGAMAT - PEMBINAAN

2. **Tuan Lim Si Cheng [Senai]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada cadangan pembinaan rangkaian-rangkaian jalan Lebuhraya Gemas-Segamat-Kluang-Johor Bahru-Pasir Gudang dan Lebuhraya Muar-Tangkak-Segamat telah dipersetujui Kerajaan Pusat dan bilakah pelaksanaannya dapat bermula.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedua-dua projek lebuhraya, iaitu Lebuhraya Gemas-Pasir Gudang/Johor Bahru dan Lebuhraya Muar-Tangkak-Segamat sedang dalam kajian untuk dilaksanakan secara penswastaan.

Bagi penswastaan projek Lebuhraya Gemas-Pasir Gudang/Johor Bahru, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri sedang menyediakan memorandum Jemaah Menteri mengenai cadangan ini. Sekiranya Jemaah Menteri bersetuju dengan cadangan penswastaan projek lebuhraya ini, tindakan lanjut akan diambil untuk merundingkan syarat-syarat konsesi.

Bagi Lebuhraya Muar-Tangkak-Segamat, kerajaan sedang mengkaji cadangan penswastaan

daripada beberapa syarikat tetapi keputusan muktamad masih belum dibuat.

Tuan Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memaklumkan tempoh masa untuk pelaksanaan kedua-dua projek ini?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya jelaskan tadi ada juga beberapa perkara belum dapat diselesaikan lagi iaitu perbincangan berkenaan dengan kontrak, teknologi dan juga kewangan, semuanya belum dapat diselesaikan. Jikalau kita selesaikan masalah-masalah itu, baru sahaja kita boleh menetapkan bilakah kerja ini boleh dimulakan. Walau bagaimanapun, saya percaya kerja-kerja ini perjanjian di antara dua pihak, iaitu pihak kerajaan dan juga pihak syarikat konsesi boleh menandatangani dalam tempoh 6 atau 7 bulan lagi.

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada jalan-jalan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, adakah lagi jalan-jalan yang telah dikenal pasti oleh kerajaan untuk diswastakan terutamanya jalan-jalan yang diiktiraf sebagai jalan negeri yang ada potensi untuk diswastakan di seluruh negara?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat tidak mengkaji berkenaan dengan jalan-jalan yang dipunyai oleh negeri-negeri, tetapi ada juga banyak cadangan daripada pihak swasta untuk mendapat kelulusan daripada kerajaan bagi mendapatkan penswastaan. Tetapi projek-projek itu bukan satu atau dua, ada juga lebih kurang 50 atau 60 projek, oleh kerana itu saya tidak mempunyai masa untuk memberi maklumat berkenaan dengan perkara itu. Apabila kerajaan atau Jemaah Menteri memutuskan untuk mengadakan penswastaan di mana-mana jalan, baru saya akan mengumumkan.

GEJALA SOSIAL DAN KERUNTUHAN AKHLAK - MENANGANI MASALAH

3. **Tuan Amihamzah bin Ahmad [Lipis]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah cadangan kerajaan supaya perancangan dan pelaksanaan program-program pembangunan insan bagi mengatasi masalah keruntuhan akhlak dan masalah sosial seperti penagihan dadah, pergaulan bebas, pembuangan bayi, keruntuhan institusi keluarga dan lain-lain dapat ditangani secara bersepadu (integrated) oleh kementerian, jabatan dan agensi-agensinya bagi mengelakkan pembaziran penggunaan sumber, duplikasi fungsi dan seterusnya memenuhi matlamat sasaran.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dari Lipis, kerajaan sedang menggubal satu Pelan Tindakan Sosial Negara di mana semua dasar perancangan dan pelaksanaan program-program pembangunan sosial akan dibuat secara bersepadu dan menuju ke arah matlamat yang sama. Pelan Tindakan Sosial Nasional ini akan dibincang di mesyuarat Jawatankuasa Kabinet bagi membanteras masalah-masalah sosial pada 15hb. April tahun ini.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, ke arah menjamin tidak merebak dan tidak berpanjangan ke gawatan dan kebejatan sosial ini, adakah kementerian melalui Jabatan Kebajikan di peringkat daerah dan negeri mengatur program-program khusus untuk merapatkan hubungan antara jabatan dengan masyarakat. Kerana apa yang berlaku pada hari ini kita lihat seolah-olah Jabatan Kebajikan Masyarakat di peringkat-peringkat daerah langsung tidak menjalankan fungsi-fungsi ke arah merapatkan hubungan antara masyarakat dengan jabatan. Hanya apa yang dilihat ialah tentang masalah-masalah orang tua-tua yang susah, fakir miskin dan sebagainya. Ceramah-ceramah ataupun seminar-seminar di peringkat jabatan dan daerah langsung tidak dibuat dan tidak dianjurkan. Jadi, saya ingin tahu apakah perancangan dan strategi jabatan berkenaan ke arah untuk mengatasi masalah-masalah ini di peringkat kampung dan juga daerah-daerah?

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, semua rancangan akan dimasukkan dalam Pelan Tindakan Sosial Negara dan akan diumumkan selepas pelan ini diluluskan oleh Kabinet.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, suka saya sentuh tentang pertentangan keluarga. Dalam masyarakat Islam selalunya pertentangan keluarga ini ada berkait dengan masalah poligami dan bila poligami selalunya disalahkan kepada lelaki. Jadi, tanpa perempuan, lelaki tidak boleh berpoligami. Dalam hal ini, apakah program ataupun cadangan pihak kementerian Yang Berhormat untuk menangani masalah ini kerana kita faham bahawa hendak salahkan lelaki pun susah, hendak salahkan perempuan pun susah, kerana kita semua faham bahawa perempuan itu dari segi kepercayaan kita berasal daripada rusuk laki-laki dan apabila lelaki nampak perempuan dianggap sebagai tulang rusuknya dan perempuan nampak lelaki sebagai

tuannya dan tambah-tambah dalam istilah Inggeris, 'dalam *woman* ada *man*, dalam *she* ada *he* dan dalam *madam* ada *adam*'. Ini saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menyalahkan mana-mana pihak. Keduanya mesti salah [*Ketawa*] tetapi krisis kekeluargaan ini adalah disebabkan keruntuhan keluarga. Sebab itu, teras utama ialah kita ada pelbagai program untuk membangunkan keluarga.

SOCSO - JUMLAH BAYARAN PAMPASAN

4. Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan jumlah bayaran dan pekerja yang memohon untuk pampasan SOCSO di setiap tahun 1990-1997. Apakah tempoh permohonan dan adakah SOCSO sedar bahawa satu daripada sebab pembayaran lambat dibuat ialah SOCSO diberikan hak untuk merayu syor taksiran bayaran yang dibuat oleh jemaah doktor. Oleh itu, adakah pihak kerajaan bercadang untuk menghapuskan hak SOCSO untuk merayu sebarang keputusan Jemaah Doktor tetapi mengekalkan hak pekerja untuk merayu.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat membaca satu persatu maklumat yang diminta oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka khususnya mengenai jumlah bayaran pekerja yang dimohon untuk mendapatkan faedah PERKESO untuk setiap tahun, dari 1990 ke-1993. Walau bagaimanapun, maklumat tersebut saya akan kemukakan secara bertulis kepada Yang Berhormat sehingga tahun 1996 kerana maklumat bagi tahun 1997 masih dikumpulkan.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan, secara ringkasnya Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO menerima dan memproses purata sebanyak 129,988 permohonan tuntutan faedah di bawah Skim Insurans Bencana Pekerjaan setiap tahun dari tahun-tahun 1990 ke-1996. Daripada jumlah itu, kes-kes yang telah diluluskan adalah pada kadar purata 97.92% dan baki yang kecil sebanyak 2.08% sahaja yang ditolak. Jumlah faedah yang telah dibayar pula ialah sebanyak RM72.72 juta pada tahun 1990 dan meningkat kepada RM117.74 juta dalam tahun 1993, sehinggalah kepada RM200.71 juta pada tahun 1996.

Mengikut peraturan, majikan dikehendaki memaklumkan secepat yang mungkin kepada PERKESO tentang sesuatu kemalangan yang telah

menimpa pekerjaanya. Bagi kes-kes maut, PERKESO hendaklah dimaklumkan dalam tempoh 24 jam dari masa kejadian itu berlaku, manakala untuk kes bencana kerja yang lain-lain ialah 48 jam. Namun begitu, PERKESO tetap akan mempertimbangkan kes-kes yang melewati tempoh masa berkenaan, tetapi tindakan undang-undang akan tetap diambil terhadap majikan yang gagal melaporkan sesuatu bencana kerja kepada PERKESO dalam masa yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terus mengekalkan peruntukan yang ada untuk mana-mana pihak, iaitu pekerja ataupun PERKESO untuk membuat rayuan kepada Jemaah Doktor Rayuan terhadap sesuatu keputusan Jemaah Doktor. Bagi pihak kementerian, peruntukan tersebut tidak disalahgunakan untuk sengaja melambat-lambatkan pembayaran sesuatu tuntutan, malah ianya bukanlah sebab utama adanya beberapa tuntutan lambat dibayar. Sebaliknya, PERKESO dalam melaksanakan tanggungjawab untuk memastikan seseorang pekerja yang ditimpa bencana kerja dibayar faedah yang sepatutnya, secepat yang mungkin, ia juga perlu melindungi kepentingan kumpulan wang itu secara keseluruhannya daripada tindakan-tindakan tidak bertanggungjawab segelintir pemohon. Misalnya ada orang yang merayau pergi berjumpa dengan si jantung hati, selepas itu mendapat accident, dia membuat tuntutan seakan-akan dia dapat accident itu semasa dia membuat kerja. Jadi, kadang-kadang kita terpaksa jugalah tolak. Memang banyak berlaku begitu, demi untuk menjaga tabung khas itu.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada PERKESO bercadang untuk membuat bayaran 'no claim bonus' pada majikan-majikan di mana pekerja-pekerja tidak menghadapi bencana kerja dan tidak menuntut sebarang bayaran daripada PERKESO. Adakah pihak PERKESO bercadang untuk menaikkan bayaran minimum itu sebanyak RM167 sebulan yang dibayar kepada waris simati ataupun yang mengalami kecederaan, memandangkan bahawa jumlah RM167 iaitu bayaran minimum adalah jauh lebih rendah daripada tahap kemiskinan yang ditetapkan sebanyak RM500 sebulan. Kalau kita hendak melebihi tahap kemiskinan ia sepatutnya mesti melebihi RM500 sebulan.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini kerajaan tidak ada cadangan untuk hendak membayar 'no claim bonus' sebagaimana yang dicadangkan. Namun demikian, kerajaan sedang menimbang untuk mengembalikan semula faedah-faedah yang

berkaitan kepada pekerja-pekerja, misalnya menggunakan wang ini bagi maksud untuk mengadakan biasiswa pendidikan kepada keluarga mangsa dan sebagainya. Jadi, kita adakan juga faedah-faedah yang lain.

Keduanya, saya minta maaf, tetapi dalam satu soalan yang pernah juga saya jawab pada Ahli Yang Berhormat, saya telah menyatakan mungkin angka yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu tidak begitu tepat. Angka minimum itu adalah lebih tinggi apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat, malah ia baru sahaja dinaikkan. Angka ini selalu dikaji semula dari masa ke semasa supaya ianya dapat dinaikkan ke tahap yang sepatutnya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, salah satu masalah yang dihadapi dalam kes-kes tuntutan ini ialah kelambatan pengurusan pihak SOCSO ataupun PERKESO untuk menguruskan pembayaran. Tidakkah pihak kerajaan berhasrat untuk menetapkan satu tempoh tertentu misalannya dari tarikh tuntutan, pendengaran mestilah dibuat dalam tempoh katakan 6 bulan dan pembayaran dibuat dalam tempoh 3 bulan untuk menetapkan tempoh-tempoh bagi menjaga kepentingan si mangsa.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, di bawah PERKESO yang sedia ada, ia telah menetapkan jadual kursus mengenai kecederaan-kecederaan yang dialami iaitu misalannya 'kudung tangan' sebegini banyak. Jumlah pampasan ini kalau kita bandingkan dengan kecederaan yang dialami oleh si mangsa adalah terlalu sedikit. Adakah pihak kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula jadual tetap pembayaran yang terdapat dalam akta ini bagi meningkatkan jumlah pembayaran setimpal dengan kecederaan yang dialami oleh si mangsa.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang kedua dahulu, memanglah jadual itu sering dikaji semua dari masa ke semasa dan saya tidak ingat, tetapi kajian yang terakhir baru dibuat beberapa bulan yang sudah. Saya tidak ada angka detail di sini, boleh saya kemukakan kemudian, tetapi pada pandangan saya angka itu adalah berpatutan dalam keadaan yang ada.

Mengenai lambatnya bayaran itu, saya rasa kalau pihak majikan mengemukakan semua butir-butir dengan lengkap, saya rasa soal kelewatan itu tidak akan timbul. Misalnya kita memang ada satu jadual bagi satu target, iaitu bagi faedah pengurusan mayat, kita membayarnya dalam masa 15 hari. Biasanya dalam masa 2-3 hari sahaja, tetapi the latest, yang paling akhir iaitu 15 hari.

Faedah Hilang Upaya Sementara - bayaran pertama selewat-lewatnya dalam masa sebulan. Faedah Hilang Upaya Kekal; Faedah Orang Tanggungan; Faedah Pencen Ilat; Faedah Pencen Penangkat - semuanya untuk bayaran pertama selewat-lewatnya 3 bulan, kerana kita perlu mengadakan kajian tertentu mengenai siapakah waris-waris dan sebagainya.

KEMALANGAN MAUT DI SARAWAK 1996 - JUMLAH

5. Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu] minta Menteri Pengangkutan meyakakan:

- (a) jumlah kemalangan maut di seluruh negeri kita dan Sarawak pada tahun 1996 dan bagi kedua-dua bulan yang berakhir 28/2/97; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan jalan Persekutuan diperiksa dan dibaikpulih demi untuk mengelak daripada kemalangan yang tidak diingini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Dewan yang mulia ini jumlah kemalangan maut di seluruh negara pada tahun 1996 dan tahun 1997 berakhir pada 28 Februari 1997 adalah seperti berikut:

<u>Negeri</u>	<u>Jumlah Kemalangan Tahun 1996</u>	<u>Jumlah Kemalangan Maut Jan-Feb 1997</u>
Seluruh		
Malaysia	5,655	432
Sarawak	193	19

- (b) langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan jalan-jalan Persekutuan diperiksa dan dibaikpulih bagi mengelak dan mengurangkan kemalangan yang tidak diingini adalah seperti berikut:
 - (i) Di bawah langkah-langkah pencegahan iaitu audit keselamatan jalan raya. Buat masa ini pihak JKR sedang menjalankan audit keselamatan jalan raya untuk mengenalpasti kecacatan dan kekurangan dari segi keselamatan yang ada pada peringkat perancangan, reka bentuk, pembinaan jalan baru dan juga maintenance jalan, dengan izin.

- (ii) Langkah-langkah pemulihan. Buat masa ini juga JKR telah mengenalpasti 200 lokasi kemalangan atau black spots, dengan izin, yang mempunyai kadar kemalangan yang tertinggi di Malaysia. Kajian sedang dijalankan untuk mengenalpasti punca-punca kemalangan dan tindakan-tindakan baikpulih yang perlu diambil. Projek ini dijangka dapat disiapkan dalam tempoh 3 tahun lagi dan dijangka akan menelan belanja di antara RM60 hingga 80 juta.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah sebab utama kemalangan maut di jalan raya seperti berapa peratus faktor pemandu dan berapa peratuskah dari kondisi jalan raya?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari Sibu. Sebenarnya keadaan jalan ataupun rekabentuk jalan hanya menyumbang peratusan yang amat kecil jika dibandingkan dengan faktor-faktor yang lain, yang menyebabkan kemalangan jalan raya.

Pada hemat kementerian, sebab utama, walaupun terdapat beberapa sebab, tetapi sebab utama yang didapati dalam kajian kita ialah iaitu sikap pemandu-pemandu kenderaan di Malaysia adalah sebab yang paling penting sekali.

Bila saya sentuh tentang sikap ianya merangkumi sikap 'tidak apa' dan yang tidak ambil berat terhadap keselamatan jalan raya, tidak mengambil berat tentang keselamatan diri sendiri dan juga pengguna jalan raya, termasuk kecuaiian dan lain-lain. Semua ini adalah sikap 'negatif' pemandu-pemandu.

Yang kedua, mungkin juga penting ialah kadar motorisasi di negara kita. Dalam 10 tahun kebelakangan ini seperti kita semua maklum pertumbuhan ekonomi Malaysia begitu baik, maka rakyat dapat membeli kenderaan seperti kereta dan juga motosikal. Memang pada puratanya disatu-satu tempat bila terdapat lebih banyak kenderaan, lebih banyak kemalangan.

Faktor yang ketiga ialah faktor motosikal sebab dalam negara kita terdapat, buat masa ini 7,686,000 buah kenderaan yang telah didaftarkan dengan JPJ dan didapati angka ini merupakan melebihi 50% jumlah kenderaan di negara kita dan pada lazimnya motosikal selalu mempunyai masalah kurang

kelihatan bila di jalan raya dan banyak kemalangan ataupun melebihi 50% kemalangan di negara kita adalah melibatkan motosikal. Sekian, terima kasih.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, lanjutan daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi tentang kecuaiian manusia ataupun sikap pemandu salah satu daripada punca utama kemalangan, ada setengah-setengah orang berpendapat bahawa undang-undang mengenai kecuaiian memandu di negara ini hukumannya agak ringan. Itulah sebabnya maka kebanyakan di antara para pemandu tidak mengendahkan undang-undang ini. Jadi, mereka sanggup melanggar undang-undang sebab hukumannya terlalu ringan.

Sebagai misalannya, dalam satu kejadian di Ipoh baru-baru ini di mana salah seorang daripada pemandu yang terlibat, yang sedang menghadapi tuduhan di mahkamah, beliau mengakibatkan kematian seramai tujuh orang pekerja kilang, ada dua orang lagi cedera. Di bawah seksyen di mana beliau didakwa, beliau hanya boleh dikenakan denda maksimum sebanyak RM10,000 ataupun jel 5 tahun ataupun kedua-duanya sekali. Ini saya rasa merupakan satu hukuman yang paling ringan dibandingkan dengan tujuh nyawa yang terkorban dan dua lagi yang cedera termasuk seorang yang terpaksa menghadapi miscarriage. Jadi, adakah kementerian bercadang mengkaji semula undang-undang ini supaya hukuman yang dikenakan setimpal dengan perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini supaya ia boleh menjadi satu macam deterrent kepada para pemandu? Terima kasih.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, memang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat mempunyai asas dan sukacita saya ingin memberitahu iaitu kementerian telah mengambil langkah ataupun sedang mengambil langkah untuk mengkaji semula undang-undang yang sedia ada khususnya dari segi penalti-penalti yang dikenakan ke atas pemandu-pemandu kenderaan yang bersalah dan apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat iaitu seksyen 41(1) saya percaya, di bawah Akta Pengangkutan Jalan.

Dari segi penaltinya tidak boleh dikatakan ringan. Sebenarnya kalau tanpa sebarang sebab yang munasabah yang menyebabkan kemalangan, maka mahkamah memang akan menjatuhkan hukuman yang paling maksimum iaitu denda RM10,000 atau juga 5 tahun penjara atau kedua-duanya. Sekiranya mahkamah betul-betul menjatuhkan hukuman ini iaitu denda dan juga penjara, saya percaya hukuman

ini adalah cukup berat, tetapi oleh kerana banyak kes ini mempunyai alasan-alasan "mitigating" dengan izin seperti bukan seratus peratus kecuaiian pemandu, maka kita selalu lihat hukuman yang dijatuhkan agar ringan sebab bukan maxima. Kerajaan memang meneliti perkara ini dan kita harap dapat memperhebatkan lagi penalti-penalti di bawah undang-undang yang sedia ada. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Asmat Nungka.

[Soalan No. 6 - Y.B. Asmat Nungka [Beluran] tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan.

[Soalan No. 7 - Y.B. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut] tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Nik Mohd. Amar bin Abdullah.

[Soalan No. 8 - Y.B. Tuan Nik Mohd. Amar bin Abdullah [Pengkalan Chepa] tidak hadir]

YURAN PERUBATAN IBU BAPA - KEJAYAAN RANCANGAN

9. **Puan Rohani binti Abdul Karim [Santubong]** minta Menteri Kesihatan menyatukan tentang rancangan untuk memastikan bahawa anak-anak dimestikan membiayai segala yuran perubatan bagi ibu bapa mereka. Apakah langkah yang akan diambil untuk memastikan kejayaan rancangan ini supaya anak-anak lebih bertanggungjawab terhadap kebajikan dan kesihatan ibu bapa mereka.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian belum mempunyai rancangan untuk memastikan anak-anak dimestikan membiayai segala yuran perubatan bagi ibu bapa mereka. Walau bagaimanapun, kerajaan sedang mengkaji penubuhan skim pembiayaan penjagaan kesihatan (health financing scheme) yang sesuai bagi Malaysia termasuk skim pembiayaan bagi penjagaan kesihatan ibu bapa.

PENDATANG TANPA IZIN - PENGHANTARAN BALIK

10. **Tuan Abdul Aziz bin Yassin [Muar]** minta Menteri Dalam Negeri menyatukan apakah sefahaman atau persetujuan yang telah dicapai tentang penghantaran balik pendatang-pendatang tanpa izin dengan negara-negara Indonesia, Bangladesh, Thailand, Filipina, India, Pakistan dan

Myanmar supaya dapat mengurangkan beban negara atas perbelanjaan menghantar balik ke negara masing-masing.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini negara-negara Indonesia, Bangladesh, Thailand, Filipina, India, Pakistan dan Myanmar bersetuju untuk mengeluarkan dokumen perjalanan kepada pendatang tanpa izin yang sah sebagai rakyat mereka bagi tujuan untuk balik ke negara asal.

Di samping itu, persetujuan telah dicapai dengan negara Indonesia untuk menghantar kapal tentera lautnya bagi tujuan membawa balik pendatang tanpa izin dan kos penghantaran pulang dikongsi bersama. Bagi negara-negara lain persetujuan yang sama masih belum dicapai.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya sedar bahawa beberapa langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk menghalang pendatang-pendatang tanpa izin ini. Walau bagaimanapun, bolehkan Yang Berhormat menyatakan mengapa pihak negara-negara tersebut terutamanya Indonesia dan Bangladesh tidak dapat mengeluarkan permit secara sah kepada pendatang-pendatang ini supaya tidak ramai datang ke negara ini tanpa izin.

Misalnya, dikhabarkan bahawa ada 50,000 rakyat Bangladesh sekarang berada di sempadan di Selatan Thailand yang ingin masuk ke negara ini dan.....

Beberapa Ahli: Soalan, soalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang tidak cukup, ini masalah rumit yang lebih satu dekad....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat..... teruskan.

Seorang Ahli: Straight to the point.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak payah layan sangat suara....

Dr. Tan Seng Giaw: Sumbang! *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Suara tepian tu, Yang Berhormat *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Sedar pun suara sumbang.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya pun tidak mahu layankan suara seumpama ini. Walau bagaimanapun, memandangkan masalah yang begitu rumit, yang begitu serius yang dihadapi oleh negara ini lebih satu dekad yang berkali-kali kita ulang masalah ini pada lebih 10 tahun yang lepas, tidak ambil kisah, tidak ambil pusing, sekarang baru hendak.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, apa soalnya Yang Berhormat?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Menyampuk dalam bahasa Cina]*

Dr. Tan Seng Giaw: Soalnya ada saya beri. Yang Berhormat pun tahu dah apa soalan, cuma saya hendak menerangkan lebih terperinci.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Menyampuk dalam bahasa Cina]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, kalau tidak ada soalan, kita beri peluang kepada orang lain.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada, memang ada. Tuan Yang di-Pertua, apakah yang boleh kementerian buat untuk menghalang daripada memasuki ke Malaysia seramai 50,000 orang pendatang yang menunggu hendak masuk ke negara ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan tidak dapat sahkan berapa ramai lagi yang tunggu hendak masuk tetapi yang paling berkesan kita tahu kalau semua majikan di sini bekerjasama tidak mahu mengambil mereka itu bekerja dan sindiket tidak ada pelanggan, dia tidak boleh hantar mereka kepada siapa-siapa, maka mereka itu tetap tidak akan masuk. Sebab kalau mereka masuk, mereka tidak boleh dapat kerja. Sindiket pun tidak tahu hendak kutip wang daripada siapa. Itu cara yang paling berkesan.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas kepada kementerian kerana usaha-usaha yang telah diambil oleh mereka untuk memulangkan pendatang tanpa izin. Tetapi saya ingin tahu oleh kerana Malaysia mempunyai begitu ramai pendatang tanpa izin ini, kalaulah yang baki-baki itu hendak balik, adakah kementerian ataupun kerajaan sudi ataupun sanggup menanggung perbelanjaan menghantar mereka pulang supaya Malaysia bersih dari pendatang asing ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, seperti sebahagian daripada jawapan saya tadi kita sedang berunding dengan negara-negara sumber mereka. Cuma Indonesia sanggup hantar kapal tentera, dan kita kongsi sama perbelanjaan. Bagi negara yang lain kita seboleh-bolehnya dapat kerjasama mereka. Kerajaan bukan sanggup atau tidak sanggup, mampu atau tidak mampu kita tanggung. Kalau kita jadi satu precedent, orang datang secara tidak sah kita hantar dengan perbelanjaan Malaysia, kita akan galakkan mereka

datang, kemudian hantar balik free. Orang yang tidak pernah datang ke Malaysia pun datang kemudian dia boleh balik percuma. Itu bukan prinsip kita. Tetapi kita kena hukum mereka yang tidak menghormati undang-undang kita. Kemudian sampai masa 'last resort', dengan izin, kalau tidak ada pilihan yang lain, orang yang sudah lama berada di sini ditangkap, ditahan, dia terpaksa balik, itu baru kita cari jalan. Tetapi tidak boleh senang-senang hantar percuma dengan wang rakyat.

MOTOSIKAL, KERETA, BAS, LORI YANG MENDAFTAR DENGAN JPJ - BILANGAN

11. Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bilangan kenderaan mengikut jenis (motosikal, kereta, bas, lori dan lain-lain) dan mengikut negeri yang berdaftar dengan JPJ pada hujung 1996; dan
- (b) apakah kerja penyelarasan yang dijalankan di antara Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kerja Raya untuk merancang sistem lalu lintas dan pembinaan lebuh raya-lebuh raya yang dapat memuatkan 'traffic volume' yang semakin bertambah.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kesuntukan masa, saya minta keizinan Dewan yang mulia ini hanya memberitahu angka bagi negeri yang mencatatkan terbanyak sekali kenderaan dan juga bagi Pulau Pinang dan juga pada angka keseluruhan bagi negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baik.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, bilangan kenderaan mengikut jenis dan negeri yang didaftarkan sehingga 31hb. Disember, 1996 adalah seperti berikut:

- (a) (i) Bagi Wilayah Persekutuan yang mencatatkan terbanyak sekali pendaftaran kenderaan-kenderaan, iaitu 1,502,890. Kalau saya hendak bahagikan jenis-jenis kenderaan memang cukup lama. Mungkin saya beri secara bertulis;
- (ii) negeri yang kedua mencatatkan pendaftaran kenderaan yang banyak ialah negeri Johor - 1,064,110;
- (iii) negeri yang ketiga ialah negeri Selangor - 1,036,624;
- (iv) bagi negeri Pulau Pinang, oleh sebab Yang Berhormat dari negeri Pulau Pinang, jumlah pendaftaran ialah 837,023 buah; dan

- (v) bagi negeri yang paling rendah sekali ataupun negeri yang tidak mempunyai kenderaan terbanyak jika dibanding dengan negeri-negeri lain ialah negeri Perlis - hanya 25,466.

Pada hari ini kita dapati jumlah kenderaan yang didaftarkan bagi seluruh negara ialah 7,686,684 buah kenderaan.

- (b) Rancangan Sistem Lalu lintas dan pembinaan lebuh raya adalah di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya. Yang Berhormat Menteri pun ada. Namun demikian, Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Pengangkutan sememangnya mempunyai kerjasama yang rapat dalam merancang serta membina lebuh raya dan juga jalan raya yang sistematik dan berkesan bagi kesesuaian dan keselamatan para pengguna jalan raya, iaitu dari segi membekalkan perangkaan kenderaan yang terkini semasa kajian dijalankan, di samping membantu menentukan had berat kenderaan perdagangan yang boleh digunakan di jalan raya yang dibenarkan serta had laju yang bakal ditetapkan oleh pihak JKR.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada pihak JPJ, polis dan juga agensi-agensi lain yang mengendalikan kenderaan-kenderaan ini diselaraskan atau tidak di dalam menjalankan peraturan pengangkutan ini. Contoh, apabila mahkamah Pahang menolak satu kes iaitu tentang kita 'black list' pengguna-pengguna jalan yang tidak membayar denda. Adakah itu peraturan yang termaktub di bawah undang-undang ataupun peraturan jabatan yang dikuatkuasakan sehinggakan pihak mahkamah 'over rule' peraturan tersebut. Jadi, kalau peraturan tersebut tidak boleh diterima pakai, adakah pihak kementerian bercadang untuk membuat satu kajian yang mendalam supaya kita dapat membendung orang-orang yang lari daripada membayar denda dan mengikut peraturan supaya kes-kes seperti ini tidak timbul lagi dan agak memalukan kerajaan?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini JPJ bersama dengan pihak polis dan juga JKR senantiasa bekerjasama rapat dalam perkara mengenai kesalahan jalan raya dan juga kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Pengangkutan Jalan.

Tadi Yang Berhormat membangkit tentang satu kes di Temerloh, Pahang yang mana isu masalah penyenaikan hitam kenderaan tuan pemilik adalah dijadikan isu dibicarakan. Tetapi kementerian berpendapat bahawa di bawah seksyen 17 Akta Pengangkutan Jalan, pihak JPJ berhak untuk memasukkan nombor-nombor kenderaan dalam senarai hitam jika terdapat lagi masalah-masalah yang masih belum selesai dengan JPJ ataupun pihak polis. Dalam perkataan lain, di bawah seksyen ini, Akta Pengangkutan Jalan, pihak JPJ berhak untuk menolak sebarang permohonan yang dibuat oleh pemilik kereta untuk mengeluarkan LKM jika terdapat urusan-urusan yang masih belum selesai di antara pemohon, JPJ ataupun pemohon dan polis. Tetapi Walau bagaimanapun, oleh kerana kes-kes ini telah bangkit isu mengenai undang-undang maka kementerian saya telah merujuk perkara ini kepada AG supaya satu penelitian dapat dibuat sama ada JPJ berhak atau tidak terpulang kepada AG. Sebaik sahaja kita terima laporan ini kita akan mengambil langkah untuk menyelesaikan ataupun mengatasi masalah ini.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada sejumlah 7.68 juta kenderaan yang telah didaftarkan sehingga kini, saya ingin tahu berapakah daripada sejumlah berkenaan yang tidak lagi aktif di jalan raya atau dengan kata lainnya, pendaftarannya telah dibatalkan oleh kerana kemalangan maut ataupun musnah dan sebagainya. Adakah cadangan kementerian bagi mengatasi masalah yang berlaku sekarang ini di kalangan penjual kereta untuk kereta-kereta yang didaftarkan bagi dijual untuk second hand, dengan izin, ataupun kereta terpakai terlebih dahulu diperiksa oleh pihak PUSPAKOM dan barulah pertukaran milik dibuat supaya kes-kes penipuan dapat diatasi?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, bagi angka-angka mengenai kenderaan yang tidak aktif ataupun yang tidak bergerak di jalan raya pada hari ini saya minta notislah, sebab pada perangkaan pihak JPJ hampir semua kenderaan yang didaftarkan adalah aktif.

Bagi menjawab soalan yang kedua, dari segi peperiksaan kereta yang terpakai sebelum ianya didaftarkan atas nama pembeli yang dijual oleh pihak penjaga kereta terpakai, kementerian masih belum mempunyai cadangan supaya semua jenis kereta diperiksa terlebih dahulu oleh pihak PUSPAKOM sebelum dapat membenarkan pendaftaran.

Tetapi buat masa ini, kita telah mewajibkan jenis kereta-kereta yang lebih mewah macam Mercedes

diperiksa terlebih dahulu dan pihak JPJ pun telah pernah memberi amaran kepada penjual-penjual kereta terpakai iaitu di bawah Akta Pengangkutan Jalan, mereka harus mendaftarkan segala jenis kenderaan yang berada di dalam premis mereka walaupun hingga hari mereka (penjual kereta-kereta terpakai) tidak berbuat demikian.

Secara tidak langsung, kita berharap langkah ini akan juga mencegah kereta-kereta yang telah dicuri untuk dijual kepada orang yang tidak mempunyai pengetahuan.

DEFISIT AKAUN SEMASA NEGARA - KEDUDUKAN PADA TAHUN 1996 BERBANDING 1995

12. Dr. Yap Yit Thong [Lumut] minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) kedudukan defisit akaun semasa tahun 1996 berbanding dengan tahun 1995; dan
- (b) adakah defisit semasa negara semakin bertambah kurang dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi defisit tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kedudukan defisit akaun semasa imbalan pembayaran pada tahun 1996 adalah sebanyak RM13 bilion ataupun 5.5% dari Keluaran Negara Kasar (KNK) berbanding dengan defisit sebanyak RM18.7 bilion atau 9.0% dari KNK pada tahun 1995.
- (b) Defisit akaun semasa negara pada tahun 1996 adalah semakin berkurangan disebabkan oleh keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk menangani defisit tersebut. Di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:-
 - (i) Meningkatkan eksport dan mengurangkan import:

Eksport akan ditingkatkan dengan menggalakkan eksport ke pasaran bukan tradisional dan negara baru muncul. Ke arah ini, kecekapan, daya saingan serta produktiviti akan dipertingkatkan. Pengurangan import barangan akan dilaksanakan melalui rantaian yang lebih kukuh di antara industri kecil dan sederhana dengan industri besar agar ianya lebih banyak input dalam negeri dapat digunakan.

Ini dilakukan melalui pelbagai program seperti Program Pembangunan Vendor dan galakan khusus kepada industri kecil dan sederhana.

- (ii) Memperkukuhkan sektor perkhidmatan negara:

Sektor perkhidmatan negara akan diperkukuhkan terutamanya untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan perkapalan dan juga mendinamikkan sektor kewangan. Usaha-usaha sedang dijalankan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pasaran modal dan perkhidmatan yang ulung di Asia dengan melakukan reformasi sektor kewangan melalui program liberalisasi perkhidmatan perbankan dan kewangan. Usaha untuk memperkukuhkan sektor perkhidmatan ini bertujuan untuk menjadikannya sebagai pemangkin kepada pendapatan pertukaran wang asing.

Langkah-langkah lain adalah termasuk usaha meningkatkan pendapatan pertukaran wang asing melalui pelancongan serta meliberalisasi dan meningkatkan kualiti pendidikan negara ini ke arah menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan cemerlang serantau. Industri insurans juga telah diperkembangkan, khususnya dalam perniagaan insurans semula, bertujuan untuk membendung aliran keluar premium insurans semula dan menjanakan pendapatan premium dengan memberi perkhidmatan insurans semula kepada pelanggan-pelanggan serantau. Kerajaan akan terus berusaha untuk memastikan bahawa kedudukanimbangan pembayaran akan terus mampan

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah dalam usaha mengurangkan kadar defisit negara, apakah langkah kementerian untuk memastikan para pengusaha kita mengurangkan ataupun terus memberhentikan penggunaan pelabuhan di Singapura dan berapa peratuskah penggunaan Pelabuhan Singapura ini menyumbang kepada kadar defisit negara kita?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, di dalam Belanjawan yang lalu telah diadakan levi kepada setiap lori ataupun setiap kenderaan yang membawa barang ke Singapura. Itu adalah satu langkah. Dan satu langkah lagi ialah

memperkemas dan mempercepatkan perkhidmatan di pelabuhan utama kita iaitu Pelabuhan Klang dan juga menjadikan pelabuhan-pelabuhan lain di negara kita sebagai 'feeder port' ataupun pelabuhan-pelabuhan yang menyumbang kepada Pelabuhan Klang, bukan menyumbang kepada Pelabuhan Singapura.

Mengenai dengan percentage, itu saya meminta notis kerana saya tidak ada angkanya di sini.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan negara kita ada banyak pekerja asing, saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri kesan-kesan kepada amaun semasa berhubung dengan jumlah amaun gaji yang telah dihantar balik oleh pekerja asing ke negara asal mereka.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita lihat angka defisit akaun semasa sejak beberapa bulan yang lalu, angkanya bukan RM13 bilion, malah lebih kurang RM11 bilion, tetapi apabila Bank Negara mengeluarkan laporannya ia menjadi RM13 bilion. Ini menunjukkan sebelum RM11 bilion yang saya katakan tadi, tidak termasuk keseluruhan pengeluaran pendapatan daripada pekerja-pekerja asing.

Jadi, apabila dimasukkan pendapatan yang diremit, yang dihantar balik oleh pekerja asing sebanyak RM2.5 bilion maka ianya menjadi RM13 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, sepertimana yang saya selalu kata di sini, bahawa remittance, dengan izin, gaji ataupun pendapatan pekerja asing tidak boleh dilihat dari segi ianya berdiri dengan sendiri. Sebenarnya, pekerja asing datang ke sini bukan sahaja dia mengeluarkan wang daripada negara kita, dia menambahkan produktiviti negara. Pada hakikatnya pertumbuhan negara pada 8.2% sehingga 9.5% dahulu itu adalah sumbangan daripada pekerja asing.

Jadi, kita mesti lihat, kalau kita hendak memperdebatkan soal pekerja asing mengeluarkan banyak wang daripada negara kita, kita mesti melihat daripada keseluruhannya, banyak mana pula yang disumbangkan oleh mereka kepada pertumbuhan negara? Itu kita mesti lihat sama, jangan kita hanya melihat dari satu segi sahaja.

Jadi, pada saya, sumbangan pekerja asing memang banyak kepada pertumbuhan ekonomi negara sehingga kita mendapat 9.5% pada tahun 1995, tetapi persoalannya jikalau boleh kita tahan

banyak daripada pengeluaran ini tahan suruh dia belanja di negara kita dan banyak lagi cara-cara untuk meningkatkan lagi pertumbuhan negara kita.

**KEMUDAHAN PERUBATAN KEPADA
ORANG RAMAI - JUMLAH NGO YANG
TERLIBAT**

13. Tuan Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut] minta Menteri Kesihatan menjelaskan:-

- (a) jumlah Badan Berkanun Kerajaan (NGO) yang menyediakan kemudahan perubatan kepada orang ramai dan apakah jenis perubatan yang disediakan; dan
- (b) jumlah pengguna-pengguna kemudahan tersebut dan apakah bentuk galakan serta bantuan daripada pihak kementerian bagi mengembangkan perkhidmatan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah Badan Berkanun Bukan Kerajaan (NGO) yang menyediakan kemudahan perubatan kepada orang ramai adalah sebanyak 22 buah pertubuhan NGO. Jenis kemudahan perubatan yang disediakan bergantung kepada Perlembagaan, objektif dan misi pertubuhan NGO tersebut. Peranan utama dalam bidang perubatan merangkumi aspek pendidikan, pemulihan dan sokongan.

Penyelarasan diurus oleh Kementerian Kesihatan Malaysia supaya segala aktiviti NGO dari segi penyediaan, perkhidmatan perubatan, complementary dengan program dan aktiviti Kementerian Kesihatan Malaysia.

- (b) Jumlah sebenar pengguna-pengguna kemudahan yang disediakan oleh NGO adalah sukar diperolehi kerana jumlah NGO banyak dan setiap NGO mempunyai aktiviti-aktiviti yang pelbagai.

Pihak kerajaan sentiasa memberi galakan serta bantuan kepada pertubuhan NGO dalam pelbagai bentuk seperti menggalakkan dan memberi kerjasama dalam menjalankan aktiviti projek-projek memberi bantuan dan sokongan dari segi penyertaan pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia dalam:-

- (i) majlis dan lembaga Majlis Dialog di antara Kementerian Kesihatan dan NGO;
- (ii) bantuan kewangan tahunan dalam bentuk grant kepada beberapa NGO; dan
- (iii) perlu bantuan kewangan berkala;

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kementerian memastikan bahawa pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan ini yang melibatkan diri menyediakan skim perubatan ini terutamanya mendapat kelulusan dahulu daripada pihak Kementerian Kesihatan kerana kalau besoknya dia bercadang hendak buat, kemudian dia buat, kemudian tidak ada menyalahi undang-undang perubatan ini, susah. Jadi, apakah satu sistem kawalan kualiti dan satu sistem perkhidmatan juga diberi kepada NGOs ini supaya mereka ini akan dapat menjalankan perkhidmatan sekurang-kurangnya kalau tak terbaik daripada Kementerian Kesihatan, sekurang-kurangnya setanding dan dapat memberi manfaat kepada orang-orang yang memerlukan perkhidmatan mereka ini.

Adakah pihak Kementerian Kesihatan juga menghantar pakar-pakar perubatan untuk membantu NGOs ini dalam memberi perkhidmatan mereka kepada masyarakat dan adakah pihak kementerian menggalakkan NGOs ini bergerak di dalam kawasan luar bandar di mana taraf kemiskinannya masih lagi tinggi di negara kita ini. Saya harap ini dalam bidang kementerian Yang Berhormat dan soalan yang baik. *[Ketawa]*

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, soalan pun baik juga. Memang ada kriteria dengan NGO iaitu kriteria untuk menjadi pertubuhan NGO adalah perlu didaftarkan dalam Pendaftaran Pertubuhan. Tidak ada kriteria yang tertentu yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan sekarang ini.

Walau bagaimanapun, Bahagian Amalan Perubatan telah membuat soal selidik untuk mendapat maklumat dari pertubuhan-pertubuhan NGO. Mana-mana NGO yang berminat untuk dimasukkan ke dalam senarai Kementerian Kesihatan Malaysia telah memberi maklum balas. Dengan pakar-pakar dan kerjasama dengan NGO memang kita galakkan.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bilangan pusat haemodialysis dioperasikan oleh NGO dan caj dikenakan oleh pesakit bagi setiap rawatan.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka jumlah bilangan pusat haemodialysis yang dijalankan oleh NGO. Tetapi apa yang saya difahamkan dari Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan, mereka caj RM60 bagi satu sesi.

AKTA KEHAKIMAN - PINDAAN TERHADAP PERATURAN HAKIM-HAKIM

14. **Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan akan membuat pindaan kepada Akta Kehakiman dengan mengadakan peraturan-peraturan baru di mana seseorang hakim, Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim-hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan dalam kes-kes rayuan atau dirayu, dikehendaki mesti menulis 'alasan kehakiman' (ground of judgement) dalam tempoh enam minggu selepas membuat penghakiman mereka di akhir perbicaraan kes-kes itu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Seputeh kerana keprihatinan beliau terhadap penulisan 'alasan penghakiman' oleh para hakim di peringkat Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi.

Para hakim adalah dikehendaki berkhidmat dengan cekap sepertimana peruntukan di bawah Kod Etika Hakim (1994). Ini termasuklah penulisan 'alasan penghakiman' dalam tempoh yang singkat.

Alasan penghakiman bertulis hanya wajar diberi jika isu-isu yang ditimbulkan belum lagi dibincang atau belum ada lagi keputusan mengenainya atau dengan lebih tepat lagi jika ia adalah merupakan keputusan yang pertama kali dibuat mengenai isu-isu tertentu.

Alasan penghakiman untuk isu-isu yang telah lama diputuskan boleh didapati dalam berpuluh-puluh penghakiman yang kini telah pun dilaporkan dalam Jurnal Undang-undang. Oleh itu, hakim-hakim tidaklah perlu menyediakan alasan bertulis. Dalam hal ini, memadailah hakim-hakim merujuk kepada kes-kes yang telah diputuskan terdahulu oleh hakim-hakim lain dengan memberitahu peguam yang hadir di hadapan berkenaan, keputusan adalah berdasarkan keputusan yang telah dilaporkan dalam Jurnal Undang-undang.

Walaupun begitu, dalam setiap keputusan yang dibuat, setiap hakim akan memberi alasan penghakiman secara lisan dan peguam hadir kenalah mencatat sebab-sebab kes itu kalah atau menang. Jika setiap hakim dipaksa menulis alasan penghakiman, perbicaraan kes akan lambat kerana

menulis alasan penghakiman memakan masa sehingga enam minggu.

Cadangan Ahli Yang Berhormat untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1994 yang mewajibkan hakim-hakim menulis alasan penghakiman dalam masa enam minggu tidaklah perlu.

Walaupun demikian, arahan Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara, Bil. 1/1995 telah pun dikeluarkan. Arahan itu menghendaki alasan penghakiman disiapkan dalam tempoh enam minggu daripada notis rayuan difailkan. Ini bermakna pihak pengurusan di mahkamah adalah sentiasa peka berkenaan hal ini. Untuk memastikan rekod rayuan boleh disediakan dalam tempoh yang singkat, Setiausaha-setiausaha Hakim telah juga diarahkan untuk menaip nota keterangan dan alasan penghakiman dengan segera.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun suntuk.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6, 7, 8 dan 15 hingga 48 dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN TERHAD LUAR PESISIR LABUAN 1997

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi memperuntukkan undang-undang baru bagi penubuhan, pengawalseliaan dan pembubaran Perkongsian Terhad Luar Pesisir dan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN - AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesembilan.” [2hb. April, 1997]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sebelum Ahli-ahli Yang Berhormat diberi peluang untuk berucap, saya hendak meminta Ahli-ahli Yang Berhormat yang menunjuk minat dan mengambil bahagian dalam perbahasan ini, eloklah memaklumkan Setiausaha Bagi Parlimen terlebih dahulu. Ini untuk memudahkan sama ada perbahasan akan dilanjutkan pada malam ini atau tidak. Baik, Tanjong Karang.

3.39 ptg.

Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Usul Menjunjung Kasih yang telah dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani sempena Ucapan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Kesembilan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa begitu suntuk, saya hanya ingin menyentuh tiga perkara sahaja.

Yang pertama, saya ingin menyentuh mengenai kepentingan penyelidikan dan pembangunan (R&D). Salah satu daripada cabaran utama bagi kita untuk mencapai status negara maju ialah dengan meningkatkan lagi usaha kita dalam penyelidikan dan pembangunan atau R&D kerana kurangnya usaha dalam aspek ini, kita selamanya bergantung kepada negara lain untuk memajukan diri kita sendiri.

Kita hanya menjadi pengguna teknologi dan bukannya penyumbang kepada pembangunan teknologi dunia, bahkan kemajuan ekonomi negara kita sangat-sangat bergantung kepada teknologi luar selain daripada modal dan juga pasaran luar.

Apa yang dapat kita kuasai setakat ini ialah teknologi dalam bidang komuniti seperti getah dan kelapa sawit, sedangkan pencapaian dalam bidang lain masih perlu dipertingkatkan.

Penekanan kita terhadap R&D untuk membangunkan teknologi belumlah memuaskan. Ini dapat dilihat dengan perbelanjaan negara pada kadar 0.4% daripada KNK untuk tujuan R&D

berbanding dengan 1.8% bagi Korea dan 2.9% bagi Jepun.

Selain itu, kebanyakan usaha penyelidikan dilakukan oleh pihak kerajaan dan bukannya sektor swasta. Perbelanjaan R&D sektor awam dan swasta ialah pada nisbah 55:45 berbanding dengan hampir lebih 50% penyertaan sektor swasta di negara maju.

Untuk mengatasi jurang ini, syarikat tempatan perlulah meningkatkan Program R&D masing-masing. Pada waktu ini usaha R&D terbantut kerana banyak syarikat mengambil jalan mudah dengan menggunakan kepakaran asing. Tindakan ini sangatlah dikesali, kerana ia menghalang kita daripada membina kepakaran tempatan dalam industri yang berintensifkan modal yang menjadi teras kepada pembangunan industri negara.

Kita tidaklah boleh mengharapkan syarikat-syarikat gergasi luar memindahkan teknologi mereka kepada kita. Pengalaman setakat ini menunjukkan bahawa teknologi yang dibawa masuk adalah teknologi yang sudah ketinggalan zaman dan tidak bersesuaian dengan persekitaran ekonomi dalam negara kita.

Satu perkara yang harus kita ingat ialah teknologi bukanlah sesuatu yang bebas daripada nilai, sebabnya ia mengandungi nilai masyarakat yang ‘mencipta’. Oleh itu, selagi kita mengimport teknologi luar, selagi itulah pihak luar akan dapat mengembangkan ‘hegemoni’ mereka ke atas kita dan selagi itulah nilai-nilai dan budaya kita tidak dapat berkembang. Laungan tentang kebangkitan semula Asia, termasuk peranan yang boleh dimainkan oleh negara kita untuk turut sama menyumbang kepada tamadun dunia tidak bererti selagi kita belum mencipta teknologi kita sendiri. Hanya teknologi ciptaan kita sahajalah yang dapat memancarkan falsafah hidup kita terutamanya dalam rangka mengharmonikan hubungan antara manusia dengan pencipta, antara manusia sesama manusia dan antara manusia dengan alam. Agama kita menggalakkan keharmonian antara manusia dengan alam sehingga Rasulullah s.a.w. melarang sahabatnya dari membazir air untuk berwuduk meskipun dia berada di tebing sungai.

Kecemaran adalah suatu yang tidak dapat diterima kerana ia menghalang wujudnya keharmonian antara manusia dengan alam. Justeru teknologi yang dihasilkan mestilah sesuatu yang tidak mencemarkan alam. Begitu juga teknologi yang dihasilkan mestilah membantu dan mewujudkan keharmonian hidup antara sesama manusia serta membawa manusia lebih hampir kepada penciptanya.

Teknologi maklumat ataupun IT yang melahirkan lebuhraya maklumat seperti Internet perlulah diberikan perhatian khusus. Buat masa ini penekanan hanyalah terhadap penggunaan teknologi tersebut tanpa adanya kesungguhan R&D di pihak kita untuk membendung gejala negatif daripada teknologi ini seperti cyberform. Dalam aspek ini R&D haruslah mencari jalan 'coding' dan 'decoding' untuk membendung gejala tidak sihat ini bagi memastikan penggunaan IT yang membina. Selain daripada itu kita juga mestilah menekankan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang kemanusiaan dan sains kemasyarakatan.

Masyarakat kita yang sedang mengalami transformasi yang begitu pesat perlu menentukan hala-tujunya sendiri. Kita tidak perlu mengemukakan teori-teori kita sendiri dan bukan teori luar untuk mengurangkan fenomena yang berlaku dalam masyarakat kita. Tanpa teori sendiri mungkin ada kecenderungan di kalangan intelek kita untuk menerangkan perubahan masyarakat berdasarkan kerangka Barat dan seterusnya mencari penyelesaian kepada keruntuhan moral dan institusi kekeluargaan di negara kita, berdasarkan teori sosial Barat.

Sikap negatif warga kota misalnya, mungkin dapat dibendung dan sifat penyayang akan dapat dipupuk sekiranya bandar-bandar kita dirancang berdasarkan teori masyarakat kita sendiri.

Pada abad ke-10 Masihi, kota Baghdad telah pun dapat menampung kira-kira 2 juta penduduk berbanding dengan kota London yang hanya dapat menampung 180,000 penduduk pada kurun ke-18 Masihi. Ini bererti kota Baghdad telah mencapai satu status kota besar jauh lebih awal daripada bandar-bandar besar yang lain di Eropah. Meskipun begitu sifat penyayang dapat ditanam dalam warga kota Baghdad sehingga kadar jenayah adalah begitu rendah sekali. Bangsa Melayu telah mengalami perubahan yang begitu pesat dalam tempoh beberapa dekad mutakhir ini, sehingga kedudukan sosial psikologi dan sosio budayanya telah banyak berubah. Oleh itu R&D khusus untuk menentukan hala tuju masyarakat Melayu ini khasnya diperlukan untuk mengelak daripada berlakunya satu pertembungan ataupun collision course yang boleh menghancurkan bangsa kita.

Fenomena baru dalam masyarakat seperti 'ibu tunggal', 'bapa tunggal', 'seks rambang', lahirnya sekian ramai jutawan, pendatang asing dan buruh asing perlu dikaji untuk kepentingan bangsa dan negara kita.

Kita juga memerlukan teori remaja kita sendiri untuk memahami fenomena yang berlaku di

kalangan remaja kita dalam suasana masyarakat yang berkembang maju. Dengan berbuat begini kita akan terselamat daripada terpedaya dengan justifikasi bahawa masalah belia liar adalah fenomena mana-mana masyarakat industri.

Menyahut cabaran R&D tentunya memerlukan komitmen kita yang tidak berbelah bahagi terutamanya komitmen tenaga manusia selain dari komitmen dana. Kerja-kerja penyelidikan secara umumnya adalah sesuatu yang kurang menarik bagi ahli-ahli saintis.

Masyarakat pula kadang-kadang melihat ahli-ahli sains sebagai kalangan yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan anggota masyarakat yang lain. Tetapi pada waktu yang sama mungkin memberikan sanjungan yang berlebihan kepada warga masyarakat yang lain, walaupun sumbangan mereka untuk memajukan masyarakat tidak seberapa. Itulah antara sebabnya kita mempunyai hanya 400 ahli sains bagi setiap sejuta penduduk berbanding dengan nisbah 1,300 ahli sains bagi setiap juta penduduk di Korea Selatan dan 5,600 ahli sains bagi setiap juta penduduk di Jepun.

Ramai juga ahli sains kita yang telah menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dan korporat, justeru itu tidak melakukan R&D lagi. Selain dari imbuan yang lebih kompetitif, kalangan penyelidikan hendaklah diterapkan dengan suatu semangat juang bahawa sumbangan mereka itulah yang bakal membentuk model tamadun saintifik kita.

Semangat ahli sains dan penyelidik silam, seperti Albirani hendaklah ditanam pada generasi muda untuk berkecimpung dalam bidang yang penting ini dan tidaklah hanya memberikan tumpuan kepada bidang yang glamour semata-mata. Program IRPA juga mungkin memerlukan penilaian dari semasa ke semasa untuk memastikan penggunaan dana yang berkesan dan membawa hasil yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua, yang saya ingin menyentuh ialah mengenai gejala sosial yang berlaku di negara kita. Saya tidak berhajat untuk mengulas lebih panjang kerana ramai Ahli Yang Berhormat yang lain telah pun membahaskan dengan panjang lebar mengenai isu gejala sosial ini.

Saya hanya ingin mencadangkan dua perkara iaitu yang pertama, saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian yang terlibat untuk memikirkan supaya mewujudkan satu etika moral remaja nasional yang berdasarkan nilai-nilai Islam supaya dengan adanya etika moral remaja nasional ini, maka dapatlah remaja-remaja di negara kita ini menghayatinya dan mengamalkannya semoga dengan adanya etika ini, akan dapat membantu

mengatasi masalah gejala sosial yang melanda negara kita sekarang ini.

Begitu juga saya ingin mencadangkan supaya Akta Juvana ini perlu dikaji semula kerana saya berpendapat bahawa Akta Juvana ini sepatutnya dibolehkan mendakwa ibu bapa pesalah-pesalah juvana jika dari penyiasatan pihak berkuasa menunjukkan atau membuktikan bahawa ibu bapa ini tahu bahawa kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh anak-anak mereka ini secara langsung. Dalam erti kata lain ibu bapa ini di dalam pengetahuan mereka tahu bahawa anak mereka ini melakukan kesalahan. Sebagai contoh, seandainya seorang remaja itu ditangkap di waktu malam kerana terlibat dalam bohsia atau lain-lain kesalahan jenayah, maka saya berpendapat ibu bapa ini patut dipersalahkan kerana menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk memastikan anaknya yang masih remaja ini berada di rumah, di waktu malam. Begitu juga kalau kita dapati ada anak-anak remaja yang terlibat di dalam 'budaya kuning' seperti 'punk' sebagai contoh.

Tuan Yang di-Pertua, 'punk' ini rambutnya kalau kita tengok pun, kita sudah tahu, pelik daripada yang lain, takkan ibu bapa dia, takkan keluarga dia tidak tahu bahawa anaknya mengamalkan budaya yang tidak sesuai dengan budaya kita. Jadi, kalau persoalan-persoalan yang secara langsung ini, yang sepatutnya ibu bapa mengambil berat, tetapi kita masih lagi meletakkan tanggungjawab ini kepada pihak-pihak yang berkuasa, maka saya rasa sukar untuk kita membendung masalah gejala sosial ini.

Begitu juga kalau seandainya kita dapati ibu bapa-ibu bapa ini telah pun diberitahu ataupun dimaklumkan bahawa anak-anak mereka ini terlibat di dalam kesalahan-kesalahan juvana tetapi mereka tidak mengambil tahu. Sebagai contoh, kalau misal kata seorang bapa, pihak sekolah telah beberapa kali menghubungi ibu bapanya, memanggil datang ke sekolah, berbincang untuk mengatasi masalah anak mereka tetapi kalau tidak ada apa-apa layanan daripada ibu bapa mereka, maka ibu bapa seperti ini juga harus boleh didakwa di bawah akta juvana.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Tuan Noh bin Omar: [Ketawa] Masa tidak ada ni.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak bertanya sedikit, tadi Yang Berhormat ada bercakap tentang 'punk'. Punk itu bagi lelaki, kalau perempuan apa namanya? Yang

keduanya, sedarkah Yang Berhormat, banyak yang kata 'punk' ini yang lelaki, perempuan ini saya tidak tahu namanya, dia cucuk di bahagian-bahagian badannya. Ada tempat-tempat yang tidak pernah kita dengar pun dia cucuk juga. Tahukah tidak Yang Berhormat tentang perkara ini?

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, yang pakai cucuk mencucuk ini saya tidak tahu. [Ketawa] Sebab punk ini yang saya kenal tengok rambutnya sahaja, kalau lelaki dipanggil 'punk', kalau perempuan boleh jadi 'pink'lah sebab rambutnya banyak yang pink. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya rasa tidak lengkap kalau saya tidak menyentuh mengenai masalah kawasan pilihan raya saya iaitu kawasan Tanjong Karang kerana Tuan Yang di-Pertua, kawasan pilihan raya saya ini 90% adalah terletak dalam kawasan Projek Barat Laut Negeri Selangor. Jadi, kalau saya tidak sebut dan Projek Barat Laut ini tidak dipertingkatkan, saya khuatir masalah rakyat di tempat saya ini sukar hendak saya atasi.

Tuan Yang di-Pertua, Projek Barat Laut Selangor merupakan projek keempat yang dilancarkan oleh Kementerian Pertanian Malaysia berdasarkan kepada konsep pembangunan kawasan pertanian yang disatukan (integrated agriculture development project concept). Projek ini melibatkan pembangunan kawasan pertanian di mana penduduknya yakni *in situ* development. Dalam kawasan ini memang telah sedia ada kemudahan-kemudahan prasarana dan perkhidmatan yang diberi oleh pelbagai jabatan dan agensi kerajaan. Sejak dilancarkan pada tahun 1983 kemudahan prasarana telah diperbaiki dan ditambah sementara perkhidmatan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan telah ditingkatkan dan disusun dengan lebih berkesan lagi.

Keberkesanan ini dapat dilihat dengan peningkatan hasil padi sejak ditubuhkan iaitu peningkatan hasil padi yang boleh dibanggakan. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan hasil yang sangat ketara di antara kalangan petani termaju dan termundur. Pada masa ini terdapat kurang hasil yang sangat ketara di antara hasil padi termaju dan termundur di kawasan Projek Barat Laut Selangor. Dari sumber maklumat, hasil yang didapati oleh petani maju boleh meningkat sehingga 12 tan per hektar sementara yang termundur hasil lebih kurang 3.4 tan sehektar. Ini bermakna terdapat jurang sebanyak 8.6 sehektar.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan syabas kepada MARDI negeri Selangor yang telah

pun membuat beberapa kajian secara berkelompok dengan kerjasama projek Barat Laut Selangor untuk mempertingkatkan pendapatan petani di kawasan Tanjong Karang. Projek yang telah dilaksanakan merupakan sumbangan komponen MARDI dengan PBLs kepada peserta-peserta projek secara langsung dan kepada PBLs secara tidak langsung.

PBLs telah menetapkan sasaran hasil purata padi sebanyak 7 tan per hektar sebelum berakhir Rancangan Malaysia Ketujuh. Ketika ini hasil purata adalah dalam lingkungan 4 sehingga 4.5 tan sehektar. Sekinchan adalah satu daripada 8 blok dalam kawasan Projek Barat Laut Selangor yang telah mencapai sasaran tersebut. Oleh itu, matlamat 7 tan per hektar boleh dicapai dan modelnya boleh difahami sebelum disebarkan di kawasan lain. MARDI dengan bekalan teknologi dan kepakaran akan cuba mengolah teknik tanaman padi ke tahap komersial dengan mengambil kira faktor agronomi, environment, sosio budaya dan juga ekonomi. Projek ini telah pun bermula sebanyak 2 musim iaitu pada musim pertama 1996 dan juga musim kedua 1996.

Daripada kajian yang dibuat oleh MARDI negeri Selangor, maka kita dapati bahawa jumlah pengeluaran hasil padi bertambah sebanyak 11.8% di mana hasil purata mencapai 6,815 kilogram per lot. Julat hasil juga telah meningkat kepada 3,900 hingga 8,780 kilogram per lot daripada 3,450 sehingga 7,910 kilogram per lot. Terdapat 7 peserta memperolehi hasil melebihi 8 ton per hektar buat pertama kalinya. Rata-rata komponen hasil masih rendah berbanding petani Sekinchan musim 1/96 kecuali pada bilangan biji dan juga benih padi yang telah digunakan.

Jadi, daripada hasil yang dapat, maka saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada MARDI dengan Projek Barat Laut negeri Selangor. Walau bagaimanapun, daripada perbincangan yang saya jalankan dengan mereka, cita-cita mereka yang begitu baik dan hasrat mereka untuk meningkatkan lagi pendapatan petani begitu memberangsangkan tetapi malang sedikit kerana peruntukan yang diberi tidak mencukupi. Jadi, dalam Dewan yang mulia ini saya merayu kepada Kementerian Pertanian supaya memberi peruntukan yang lebih kepada MARDI negeri Selangor dan Projek Barat Laut negeri Selangor kerana kawasan Tanjong Karang ini telah pun digazetkan sebagai kawasan sawah padi, jadi ertinya di Tanjong Karang ini tidak mungkin akan wujud kawasan industri oleh kerana kawasan Tanjong Karang ini mungkin akan seterusnya menjadi kawasan sawah padi, maka kemudahan-kemudahan asas harus dipertingkatkan dan saya

harap Kementerian Pertanian dapatlah melihat kawasan Tanjong Karang ini sebagai satu kawasan yang lebih keistimewaan memandangkan ia adalah 'periuk nasi' negeri Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kawasan Tanjong Karang ini masih banyak yang perlu kita pertingkatkan daripada segi jambatannya, sudah tidak sesuai jambatan kayu mesti ditukar kepada jambatan calvert, begitu juga jalan-jalan ladang yang kita lihat begitu sedih pada hari ini. Sepatutnya dipertingkatkan lagi dengan jalan-jalan tar ataupun crush run.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan keprihatinan pihak Kementerian Pertanian dengan digemblengkan semua agensi di bawah Kementerian Pertanian, Projek Barat Laut, MARDI, Jabatan Parit dan Saliran, Jabatan Pertanian, Pertubuhan Peladang yang semuanya ini ada di Tanjong Karang dan kalau dapat diwujudkan satu jawatankuasa penyelarasan, maka saya yakin bahawa Tanjong Karang ini boleh maju sebagai satu kawasan pertanian untuk mencapai hasrat negara untuk melihat petani-petani menghasilkan 7 tan per hektar sewaktu menuai padi.

Dengan kata-kata tersebut, saya ingin menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ipoh Timor.

3.58 ptg.

Tuan Chang Kon You [Ipoh Timor]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang saya ingin sentuh ialah tentang kemungkinan tiada jalan alternatif suatu hari nanti.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Menteri Kerja Raya telah mengumumkan bahawa jalan raya Persekutuan dari Kuala Lumpur ke Seremban akan diswastakan suatu hari nanti dan mungkin tidak lama lagi pada masa kelak tiada lagi jalan alternatif bagi semua pengguna jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, pengumuman seperti ini cukup menakjubkan dan banyak bantahan telah disuarakan di kalangan rakyat jelata dan saya rasa Kementerian Kerja Raya patut menimbang dengan sedalam-dalamnya dan satu jalan alternatif patut disediakan. Kalau ada jalan yang ditol patut ada satu jalan alternatif bagi pengguna yang tidak berkemampuan untuk menggunakan jalan tol.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mempunyai tanggungjawab sosial untuk membaik pulih,

memelihara atau membina jalan raya alternatif untuk golongan rakyat yang tidak berkemampuan dalam menggunakan jalan tol. Kepada ramai orang, kenderaan bukanlah harta kemewahan tetapi ialah satu alat keperluan pada masa sekarang.

Mereka perlukan kenderaan untuk mencari nafkah ataupun sebagai alat pengangkutan dan bukanlah untuk makan angin sia-sia sahaja. Jadi, kita tidak boleh paksa rakyat menggunakan jalan tol. Ini adalah tidak adil dan cukup membebankan rakyat. Walaupun negara kita telah mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat pada lapan tahun yang lepas, tetapi bukan semua rakyat yang kaya dan mampu membayar tol. Contohnya, seorang yang membawa kereta dari Ipoh ke Kuala Lumpur, tol yang dikenakan ialah sebanyak RM19.70 tetapi harga minyak petrol cuma RM15.00. Jadi, kalau kita buat perbandingan memang tol adalah terlalu tinggi jika dibandingkan dengan harga minyak.

Di negara-negara lain yang telah maju pun bukan semua jalannya diswastakan dan didirikan rumah tol. Walaupun setengah-setengahnya ditol, kadar tol yang dikenakan tidaklah terlalu tinggi dibandingkan dengan pendapatan per kapita rakyat. Jadi, jika kerajaan hendak menggunakan kaedah jalan tol untuk menggalakkan rakyat menggunakan kenderaan ataupun pengangkutan awam, terlebih dahulu kita patut meninggikan taraf atau mutu pengangkutan awam dahulu. Jika Kementerian Kerja Raya terlalu tergesa-gesa menswastakan jalan raya, ia hanya menguntungkan syarikat swasta sahaja dan membebankan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya jalan raya yang telah dibina oleh kerajaan dengan wang rakyat sendiri diswastakan, ini telah melanggar prinsip keadilan, kerana syarikat swasta mengambil alih jalan raya yang dibina dengan wang rakyat untuk keuntungan syarikat selanjutnya. Ia boleh disifatkan 'rob A to enrich the B'. Sekiranya syarikat swasta ambil alih jalan raya Persekutuan, kadar tol tentu semakin hari semakin mahal dan inflasi yang disebabkan oleh tolakan kos akan tercetus.

Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat banyak syarikat swasta yang tengah berfikir atau merebut untuk membuat cadangan menswastakan jalan raya yang sedia ada. Contohnya, di Ipoh juga ada terdapat satu syarikat swasta yang telah membuat cadangan untuk menswastakan jalan raya yang keluar daripada Ipoh ke Lumut, Ipoh ke Gopeng, Ipoh ke Chemor dan lain-lain. Semua ini saya rasa kerajaan patut memberi pertimbangan yang sewajarnya sebelum ia diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menjalankan tanggungjawab sosialnya dengan membaik pulih dan memelihara jalan raya yang sedia ada. Tanggungjawab ini patut dipikul oleh kerajaan. Prinsip yang harus ditekankan di sini ialah kerajaan patut mengadakan alternative road kepada rakyat yang tidak berkemampuan. Kepentingan rakyat mesti difikirkan dahulu, dan bukanlah kepentingan syarikat swasta.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang ingin saya sentuh ialah tentang cadangan menaikkan kadar tol. Sekiranya express way ataupun jalan ekspres PLUS dipasangkan lampu di sepanjang jalan - ini adalah perkara yang kedua yang saya ingin sentuh, ini juga diumumkan oleh Menteri Kerja Raya tidak lama dahulu, iaitu kerajaan mungkin akan setuju dengan PLUS bahawa sekiranya PLUS akan nyalakan lampu di sepanjang jalan PLUS, mungkin kerajaan akan setuju PLUS boleh menaikkan kadar tol.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, PLUS sendiri patut menanggung kos untuk memasang lampu di sepanjang jalan express way PLUS, bukan melepaskan tanggungan kos ini kepada pengguna express way PLUS. PLUS telah banyak kali menaikkan kadar tol sehingga ia telah menjadi satu beban kepada orang umum. PLUS patut membuat jangkaan daripada awal lagi untuk menjaga keselamatan dan meningkatkan keselamatan di express way PLUS, termasuk menyalakan mana-mana tempat yang merbahaya pada waktu malam. Belanja untuk ini juga patut disediakan daripada awal lagi. Sekiranya tidak, saya rasa PLUS telah gagal sebagai satu syarikat lebuhraya yang cekap. Misalnya sekiranya satu hari nanti PLUS mahu indahkan sepanjang jalan PLUS, dan gunakan ini sebagai alasan untuk menaikkan kadar tol lagi, saya rasa ini adalah terlalu memberatkan pengguna PLUS.

Jadi, kerajaan seharusnya memikirkan dengan sewajarnya tentang apa juga cadangan oleh PLUS dengan menggunakan alasan-alasan untuk menaikkan kadar tol kerana memang sekarang rakyat telah 'feel the pinch of the tol.'

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin buat satu pertanyaan, dalam perjanjian yang asal antara kerajaan dengan PLUS, adakah tersirat bahawa salah satu sebab di mana PLUS boleh menaikkan kadar tol ialah kalau PLUS menyalakan lampu di jalan raya, dan sekiranya tidak, adakah PLUS telah melanggar syarat perjanjiannya kalau ia menaikkan kadar tol bila jalan dinyalakan. PLUS seharusnya memikirkan tentang kebajikan dan keselamatan pengguna dan

bukan menggunakan ini sebagai satu kesempatan untuk mengaut keuntungan yang berlebihan. Ia harus memikirkan juga tentang tanggungjawab sosialnya.

Satu soalan lagi ialah bolehkah Kementerian Kerja Raya meminta PLUS mengemukakan keuntungan yang telah diperolehi oleh PLUS setakat ini? Tidakkah ia boleh cover kos tambahan daripada menyalakan atau memasang lampu di setengah tempat di Lebuhraya Utara-Selatan. Mengapa ia cepat sangat menuju sasaran kepada pengguna untuk menanggung kos tambahan ini? Jadi, kenaikan kadar tol tidak boleh dipandang dari sudut Syarikat PLUS sahaja, tetapi lebih penting saya rasa ialah dari sudut pengguna. Saya tidak setuju bahawa orang yang menggunakan express way PLUS ialah orang yang kaya. Tadi saya sudah sebut bahawa kenderaan kepada orang ramai pada waktu sekarang, pada masa kini ialah satu necessity dan bukan satu harta yang mewah. Jadi, mereka perlukan kenderaan untuk mencari nafkah dan sebagai satu alat pengangkutan.

Rumusan ialah saya harap kerajaan memikirkan dengan sedalam-dalamnya dan PLUS haruslah menanggung kos untuk memasang lampu dan juga kos elektrik selepas lampu telah dipasang.

Satu soalan yang ingin saya tujukan kepada PLUS ialah tentang tanah runtuh di bahagian Gua Tempurung. Tanah runtuh di Gua Tempurung telah berlaku lebih kurang pada awal tahun 1996. Sehingga hari ini sudah melebihi satu tahun. Saya mahu bertanya PLUS bilakah cerun bukit yang sudah runtuh itu akan diperbaiki, akan dibaik pulih? Kerana tiap-tiap kali saya lalu di sana cerun bukit masih tinggal begitu sahaja, tidak dibaik pulih dan reinforcement tidak dibuat. Adakah Bukit Gua Tempurung ini masih kuat atau masih selamat? Kerana ada dua bahaya yang saya perhatikan semasa kita lalu Gua Tempurung. Pertama, bahaya ialah bahagian cerun bukit yang telah runtuh dan juga bahagian jalan yang dilalui oleh kenderaan, kerana jalan yang kita gunakan sekarang ialah jalan sementara yang dibuat daripada tanah yang telah ditampal atau reclaim.

Jadi dua bahaya yang akan kita hadapi semasa kita lalu jalan ini. Adakah PLUS telah memastikan kedua-dua jalan ini selamat. Adakah PLUS menyediakan satu laporan lengkap tentang keadaan ini. Jadi saya menyeru PLUS boleh memberikan laporan yang kemaskini tentang keselamatan Gua Tempurung dan bilakah cerun bukit yang telah runtuh itu akan dibaikpulihan dan dibuatkan jalan yang tetap permanent.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga yang saya ingin sentuh ialah MSC, Multimedia Super Corridor, sedikit sahaja. Banyak telah diperkatakan tentang Multimedia Super Corridor dan di sini adalah tujuh flag sheets yang akan di lancarkan di MSC iaitu:

- (i) Smart School Concept.
- (ii) Kad Pintar.
- (iii) R& D (Research and Development) cluster of multimedia.
- (iv) Kerajaan elektronik.
- (v) Worldwide manufacturing web.
- (vi) Borderless Marketing Centre.
- (vii) Rawatan tele (tele-medicine).

Setakat ini terdapat 122 syarikat luar dan 461 syarikat tempatan yang telah menunjukkan minat untuk melabur dalam MSC. Soalan saya ialah, daripada 461 syarikat tempatan ini, berapakah syarikat IKS iaitu syarikat industri kecil dan sederhana, itu ialah soalan pertama. Soalan yang kedua ialah, bolehkah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos memberitahu kepada kita apakah program yang telah disediakan untuk membolehkan IKS masuk ke MSC. Apakah bidang-bidang daripada tujuh flagship ini yang iks boleh melabur. Dan soalan yang ketiga, apakah bentuk bantuan dan insentif yang telah di atur untuk IKS supaya IKS boleh bersama-sama merebut peluang dalam MSC ini. Dengan kata-kata demikian, saya menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sepang.

4.13 ptg.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut serta menyokong usul menjunjung kasih kepada Yang di-Pertuan Agong yang telah memberi Titah DiRaja di Dewan yang mulia ini.

Bismilla-hirrahma-nirrahim, Datuk Yang di-Pertua, kita merasakan bahawa Titah Di Raja yang disampaikan tempoh hari sangat bertepatan dengan iklim ekonomi negara yang semakin berkembang dan bergerak tangkas mengharungi cabaran era globalisasi yang pelbagai bentuknya menjelang alaf mendatang. Kemakmuran ekonomi hari ini jelas memperlihatkan hasil gigih kerajaan dalam mempertingkatkan taraf hidup rakyat hingga menimbulkan rasa cemburu yang amat sangat kepada rakan dan jiran kita yang paling dekat baru-baru ini. Persoalan provokasi yang berlaku sudah

cukup jelas dibicarakan oleh Yang Berhormat Parit Sulong tempoh hari. Dan saya rasa, tak perlu saya menambahnya lagi, cuma saya berharap agar Ahli-ahli Yang Berhormat semua sama ada dari Barisan Nasional mahupun dari pembangkang mengambil ini sebagai pengajaran dan peringatan bagi menghadapi mereka yang tidak pernah mengengang budi, budi dan kasih kita curahkan, tuba pula menjadi balasan.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam titah Baginda telah dengan sepintas lalu menyatakan tentang perkembangan pesat ekonomi negara dalam tempoh dekat ini. Perkembangan ini telah dengan cara langsung meningkatkan bilangan golongan berpendapatan pertengahan dan tinggi serta mengurangkan paras kemiskinan dengan kadar yang pantas. Ianya sekaligus membantu negara dalam mengekalkan perpaduan dan membentuk kesatuan antara ras yang berbeza lantaran jurang perbezaan ekonomi antara kaum semakin mengecil.

Ini semua menyumbang kepada kestabilan negara yang dianggap di antara yang terbaik di rantau ini. Dalam menyedari dan menangani perkembangan ekonomi yang tangkas ini, saya ingin menyanjung usaha kerajaan dalam mengambil iktibar dari peristiwa Nabi Yusuf a.s. ialah menyediakan payung sebelum hujan dan menggalakkan tabungan sebelum kekeringan. Kempen menggalakkan tabungan yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahun lalu mesti diperluaskan, bukan hanya kepada golongan rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana tetapi juga yang berpendapatan tinggi. Hanya melalui kadar tabungan yang tinggi kita mampu membiayai sebarang projek negara tanpa perlu bergantung kepada negara luar. Hanya melalui tabungan kita dapat mengubati sikap boros sebahagian daripada kelompok masyarakat kita yang sentiasa berbelanja mewah dan membazir serta mengutamakan barangan luar, lantas meningkatkan kadar defisit akaun semasa imbalan pembayaran dan meningkatkan kadar inflasi. Sikap sebegini hanya akan memberikan kesan yang cukup besar kepada golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Hasil dari sikap dan perlakuan golongan mewah. Kadar beli mereka akan terbatas dengan kenaikan harga barangan dan ini akan mengakibatkan penumpuan kepada institusi keluarga akan berkurangan dan akan berlaku apa yang kita katakan sebagai permasalahan sosial umat.

Tuan Yang di-Pertua, hubungan antara perkembangan ekonomi dan gejala keruntuhan moral dan rohani di dalam masyarakat sering di perbincangkan. Tetapi ini selalunya hanya berakhir di meja perbincangan. Kita khuatir fenomena perkembangan ekonomi yang kita nikmati ini hanya akan menjadi pembangunan ekonomi yang sifar atau dengan izin "zero sum development" kerana kita gagal menangani permasalahan dasar yang semakin mencengkam umat. Apa yang kita katakan dengan "zero sum development" ini dengan izin, ialah pembangunan ekonomi yang tidak bermakna jika di bandingkan dengan kos memulihkan dan menangani gejala sosial dan rohani yang melanda masyarakat.

Sebagai contohnya sebuah negara jiran kita beberapa tahun lalu disebut-sebutkan sebagai negara perindustrian baru yang paling berjaya, tetapi kini telah kehilangan kira-kira 21 billion ringgit bagi menghadapi masalah AIDS sahaja yang meliputi perbelanjaan mengurus pesakit, kehilangan pendapatan dan hasil dari pekerja yang terlibat dan kehilangan sumber pendapatan dan jumlah pelancongan yang berkurangan. Di negara kita sendiri fenomena agak serupa, semakin dijelmakan saban tahun. Dalam belanjawan yang di bentangkan, peruntukan untuk mengubati penyakit moral dan rohani rakyat semakin bertambah.

Sebagai contoh, jumlah yang dibelanjakan untuk AIDS, penyalahgunaan dadah dan alkohol serta gejala sosial hari ini yang memerlukan pelbagai jenis rumah perlindungan dan pemulihan semakin meningkat. Kita yakin, bahawa tujuan Allah s.w.t. mengurniakan kemakmuran ini bukan untuk kita salah guna atau selewengkan, tetapi untuk kita tangani dengan bijak, dan berhikmah mengikut landasan yang sudah ditetapkan. Adakah kita akan terus menerima kenyataan yang popular iaitu inilah harga yang perlu dibayar untuk pembangunan. Keperihatinan pihak kerajaan yang cukup tinggi dalam usaha menangani kepejatan moral dan sosial sangat kita sanjungi. Kita juga sedar bahawa kerajaan sudah cukup berhati-hati dalam menangani permasalahan ini supaya ia tidak seperti tikus membaiki labu.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin dicadangkan di sini ialah bagi kerajaan untuk mewujudkan satu mekanisma bagi mengkaji kesan pembangunan ini terhadap kadar perubahan nilai sosial di kalangan masyarakat atau dengan kata lain mengadakan satu bentuk kaji selidik yang dinamakan 'social impact assessment' (SIA) dengan izin, atau penilaian kesan sosial. Kalau

penilaian kesan sosial alam sekitar boleh di wujudkan dalam meluluskan sebarang bentuk pembangunan, kenapa tidak SIA? Kita merasakan bahawa dalam soal pembinaan negara dan pembinaan budaya bangsa ke arah mewujudkan masyarakat wasasan 2020 yang dicitakan atau masyarakat madani seperti yang diungkapkan, SIA akan memainkan peranan yang lebih penting dari segala bentuk penilaian yang wujud hari ini.

Ini adalah kerana SIA sendiri selain dari pelbagai program pendidikan dan pemulihan, mempunyai peranan terus kepada pembentukan peribadi dan sahsiah individu, tidak mengira sama ada mereka dari golongan pemimpin, intelektual, rakyat mahupun anak-anak. Pembangunan ekonomi yang sifar tidak akan membawa makna apa-apa jika jiwa rakyat terus kosong dan kelam, bahkan kita yakin yang akan berlaku hanyalah pembaziran sumber ekonomi bagi menangani pelbagai masalah sosial umat. Peningkatan kadar masalah sebegini, terutamanya yang berkaitan dengan jenayah kolar putih, pada dasarnya mencerminkan kebejatan moral dan ketidakendahan terhadap prinsip keadilan dan tuntutan sosial dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, masalah moral dan kerapuhan rohani bukan hanya masalah sesuatu kaum atau bangsa, tetapi masalah semua. Semua agama di Malaysia walaupun mempunyai theology yang berbeza, tetapi mempunyai persamaan pada tahap atau nilai etika moralnya yang mampu mempengaruhi kerohanian dan kesatuan negara. Dalam konteks ini, jelas semua pihak mesti berperanan. Program-program menyeru kepada kebaikan tidak akan bermakna sekiranya tidak ada tindakan susulan bagi menidakkan kemungkaran atau unsur-unsur yang menjurus ke arah itu. Sejak kebelakangan ini, kita sedari media cetak dan elektronik begitu ghairah memaparkan pelbagai gejala moral dan sosial yang melanda generasi muda. Kita menganggapkan usaha ini sangat baik sebagai usaha yang prihatin dan membuka mata semua terhadap situasi moral yang melanda generasi muda.

Apa yang kita kesali ialah penumpuan atau pembongkaran yang keterlaluan seolah-olah tanpa kawalan di kalangan pihak media sehingga menenggelamkan segala yang baik yang dilakukan oleh sebahagian besar generasi ini kepada masyarakat. Segala usaha dan program mereka yang baik jarang diberi pendedahan yang sewajarnya sedangkan jika pendedahan dan publisiti yang baik diberikan kepada program mereka, terutamanya yang di peringkat universiti, ianya mampu dijadikan contoh dan ikutan rakan-rakan segenerasi mereka

sama ada yang sudah rosak moralnya atau yang sedang dalam proses pembinaan akal budinya.

Sudah banyak timbul kekesalan dari mereka sendiri tentang ketidakseimbangan laporan ini seolah-olah cerita sensasional yang lebih utama untuk membina sahsiah dan akal budi mereka. Media massa tidak harus hanya menonjolkan keburukan generasi muda itu sahaja kerana kita khuatir akan berlaku seperti satu bentuk revolusi dalaman oleh generasi muda terhadap siapa yang dikatakan sebagai the establish group, dengan izin, kerana terlalu asyik mendedahkan keburukan mereka. Ini bukan merubah keadaan tetapi memburukkan lagi keadaan sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menarik perhatian kepada kemudahan Talian 600 yang mendapat sambutan yang cukup hangat di kalangan generasi muda kerana ianya juga berhubung kait dengan gejala yang sedang diperkatakan. Talian ini yang pada dasarnya memberikan kemudahan maklumat yang baik kepada masyarakat kita hari ini, kini seolah-olah berperanan sebagai satu bentuk pembaziran era baru. Tahap penggunaannya sudah di luar kawalan pihak kementerian, apatah lagi rakyat secara umum, remaja-remaja akan terus menggunakan talian-talian yang tidak bermanfaat tanpa menyedari kos ekonomi yang bakal ditanggung oleh keluarga.

Saya merasakan dalam era teknologi yang serba canggih ini, penggunaan talian ini terutamanya yang berbentuk hiburan dihadkan dengan mewujudkan satu sistem langganan, iaitu ianya hanya boleh digunakan oleh mereka yang melanggannya. Sistem aksesnya harus diperketatkan, hanya melalui permohonan rasmi atau code service, dengan izin. Dalam era teknologi telekomunikasi yang tinggi, saya rasa cadangan ini bukanlah sesuatu yang rumit untuk dilaksanakan. Dengan mengehadkan penggunaan talian ini, banyak permasalahan dapat diselesaikan. Tambahan pula, talian ini yang pada mulanya bertujuan murni, hari ini seolah-olah seperti talian yang rendah moralnya digunakan semata-mata untuk memenuhi tuntutan nafsu.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita memperkatakan soal pembangunan fizikal negara dan pembangunan kejiwaan rakyatnya, kita sebenarnya akan lebih merujuk kepada sistem pendidikan yang kita amalkan. Kegagalan dan kejayaan sesuatu sistem pendidikan itu mendidik rakyatnya akan dicerminkan dengan kadar gejala moral rohani dan jenayah seseorang rakyat itu. Atas dasar itulah penekanan yang tinggi harus terus diberikan oleh kerajaan dalam soal pendidikan di negara ini.

Sebagai contoh, setiap kali dalam Belanjawan, pendidikan memperoleh peratusan peruntukan yang tertinggi, bahkan dalam Titah DiRaja yang sedang dibahas inipun telah disebutkan bahawa kerajaan akan mengambil langkah meningkatkan mutu pendidikan dengan mengkaji semula kurikulum dan mengamalkan perkembangan teknologi maklumat serta menggalakkan ciri budaya berfikir dalam pendidikan.

Pendidikan yang kita perkatakan tidak seharusnya hanya merujuk kepada pendidikan formal di sekolah-sekolah sahaja, tetapi ianya merujuk kepada proses melatih semula tenaga pengajar, latihan belia, penyediaan prasarana yang sewajarnya dan lebih penting penyepaduan nilai agama dan rohani dalam sistem pendidikan itu sendiri. Langkah mengkaji semula kurikulum pendidikan sangat dialu-alukan.

Apa yang sangat diharapkan ialah kerajaan tidak terburu-buru dalam menukar bentuk kurikulum yang sedia ada kerana kita perlu memberikan masa bagi kurikulum yang ada sekarang untuk berperanan dan membuah hasil. Kita kluatir sekiranya kurikulum sering ditukar, sistem pendidikan akan menjadi sedikit gawat, lantaran tiada kesinambungan serta para pendidik yang terpaksa melalui proses penukaran yang membebakan.

Apa yang perlu ialah pihak Kementerian Pendidikan memastikan agar hala tuju pendidikan negara menepati aspirasi falsafah pendidikan negara itu sendiri, iaitu dalam melahirkan insan yang baik dan kental benteng moral dan kerohaniannya serta bukan hanya memenuhi keperluan dan pasaran industri. Ciri-ciri pembinaan insan dalam kurikulum pendidikan negara harus terus dijadikan sebagai teras kerana kita tidak mahu lagi melahirkan tenaga profesional yang rapuh iman dan akal budinya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam proses meminda masyarakat serta memastikan pewaris negara masa depan mampu meneruskan kecemerlangan, kepimpinan negara hari ini, usaha membangunkan belia atau generasi muda perlu dipertingkatkan dan diperkembangkan. Penanganan proses, penerimaan ciri jati diri dan pengukuhan akal budi generasi ini mesti dilakukan dengan penuh ikhlas, berhikmah dan bersepadu oleh semua pihak. Tidak akan ada kesannya jika kita tampil dengan pelbagai program dari pelbagai pihak jika tidak ada usaha penyelarasannya kerana ianya akan hanya memberikan mesej atau signal yang mengelirukan kepada mereka. Kita menyanjung usaha pelbagai pihak yang prihatin, cumanya jika kita laksanakan pelan bertindak kita dengan lebih sepadu dan hikmah

serta mengetepikan kepentingan peribadi, insya-Allah, segala usaha murni ini akan menepati sasarannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar dari kandungan Titah DiRaja tempoh hari memperkatakan tentang pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi dan ianya lebih dijuruskan kepada projek Koridor Raya Multimedia serta pembangunan bandaraya Siberjaya. Seruan baginda supaya seluruh anggota masyarakat memastikan rancangan ini berjaya kena pada tempatnya memandangkan perancangan raksasa yang sepadu ini lebih tertumpu di Sepang iaitu di Bahagian saya, saya merasa terpanggil untuk turut sama membahaskannya.

Kesungguhan kerajaan dalam mempromosikan MSC ini begitu tinggi hinggan ianya mendapat maklum balas yang sangat baik dari hampir semua gergasi multimedia dan institusi pengajian tinggi yang terkenal dari seluruh dunia. Keikhlasan kerajaan dalam menyediakan pelbagai prasarana, sokongan bagi memastikan pencapaian ke arah itu adalah kita sanjung kerana menyedari semua perancangan ini melibatkan kos berbilion ringgit, satu jumlah yang cukup tinggi dalam memastikan pelaburan masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, semua ini dilaksanakan berdasarkan keyakinan tinggi pimpinan hari ini bahawa kewujudan MSC mampu memangkinkan rentak kita menuju pencapaian matlamat negara maju dan saya rasa usaha sebegini diperakui oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang sendiri tempoh hari. Apa yang kita kluatirkan ialah maklumat dan gambaran sebenar tentang pembangunan seumpama ini masih kabur di kalangan rakyat, malahan di kawasan Sepang sekalipun, ini lebih-lebih lagi bila mereka disogokkan dengan pelbagai gambaran negatif akibat dari perkembangan teknologi ini dan kedatangan arus pembangunan di kawasan mereka.

Kita merasa kluatir kerana jika fenomena ini berterusan, ianya akan mengakibatkan mereka tidak akan bersedia menghadapi cabaran arus teknologi masa depan, lantas ketinggalan dari perancangan pembangunan negara dan tenggelam dalam arus kerisauan mereka sendiri. Kita mengharapkan agar pihak kerajaan dan juga swasta yang terlibat secara langsung dalam projek MSC ini akan turun ke gelanggang untuk sekurang-kurangnya memberikan pendidikan dan gambaran yang lebih jelas tentang konsep dan fungsi MSC sendiri supaya mereka tidak terus merasa terasing di bumi sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, faktor kos tidak seharusnya dijadikan alasan oleh pihak swasta yang

terlibat sekiranya mereka menyedari pertanggungjawapan sosial mendidik masyarakat dan menyedari bahawa pelaburan yang terbaik itu ialah mendidik sumber manusia sendiri. Kita sudah melihat contoh-contoh yang berlaku di mana pribuminya tidak mampu berubah dan merubah, akan ketinggalan dan tertindas di tanah air sendiri. Insya-Allah, kita yakin dengan komitmen yang ditunjukkan oleh kerajaan hari ini akan dapat mengelakkan tragedi yang sama berulang di Malaysia.

Akhir sekali, sesuatu pembangunan peradaban manusia selalunya bermula dari impian, disusuli dengan keazaman, perancangan rapi dan pengisian nilai-nilai murni melalui proses pendidikan ke dalam masyarakatnya sebelum mencapai kemuncak peradaban. Peradaban itu akan akhirnya runtuh bila runtuhnya nilai moral dan akal budi umatnya. Apabila sesuatu bangsa yang agung itu runtuh moralnya, maka keagungannya akan diambil alih oleh bangsa yang membina moralnya. Itulah proses yang sedang kita lalui sekarang iaitu mengukuhkan nilai moral dalam masyarakat.

Dalam melaksanakan tanggungjawab kepada masyarakat, prinsip keadilan harus ditegakkan kerana asas pentadbiran negara itu seharusnya bertunjangan keadilan dan kesaksamaan. Harapan kita untuk menjadi sebuah negara yang kuat, yang bermaruah, tidak akan terlaksana sekiranya yang kuat di kalangan kita tidak melaksanakan tanggungjawab membela golongan yang lemah dan menumpukan pada percakaran terhadap isu yang tidak berhemah. Kita yakin dengan komitmen dan kewibawaan kepimpinan yang ada sekarang, harapan kita untuk melihat negara terus makmur dan mencapai hasrat wawasan akan terlaksana.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Rompin.

4.35 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk merakamkan rasa setinggi menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan DiRaja yang lalu. Banyak perkara yang telah disentuh oleh Baginda dan saya yakin bahawa rakyat telah mengambil manfaat daripada wisdom Tuanku.

Saya ingin mengajak Dewan yang mulia ini marilah kita menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya kadang-kadang kita lupa bahawa keselamatan dan keamanan negara, kestabilan politik dan kebebasan

negara ini adalah satu perkara yang kita semua usahakan dan kita patut bersyukur dalam perkara ini.

Kita sedar bahawa kalau kita lihat dari segi petunjuk-petunjuk ekonomi sama ada pertumbuhannya, pendapatan per kapita, kadar kemiskinan, celik huruf dia, sekarang ini kita cakup 'celik komputer', semuanya menunjukkan bahawa kita sudah berjaya. Kita yakin bahawa kejayaan ini oleh kerana semua, sama ada sektor swasta ataupun pegawai-pegawai kerajaan sendiri yang menggembelkan tenaga untuk memajukan negara kita.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar hanya berjaya, this is only possible, dengan izin, kerana kita mempunyai pemimpin yang ulung, pemimpin yang cemerlang. Pengiktirafan ini bukan sekadar negara kita telah diberi oleh dunia, oleh kerana itu kita mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana mendapat Anugerah King Faisal dan Anugerah Nehru. Dalam ucapan beliau bila kita meraikan beliau baru-baru ini, beliau amat modus. Beliau mengatakan bahawa anugerah itu bukan kerana kecemerlangan kepimpinan beliau, tetapi ialah kerana kewibawaan rakyat dan negara itu tersendiri. Ini saya nampak sebagai satu sifat yang modus daripada seorang pemimpin yang ulung.

Saya rasa bahawa mungkin kita cukup, sebagai contohnya, dengan beras, gula, resepi yang baik tetapi tidak ada 'cook' yang cemerlang, sebab itu kita tidak dapat membangkitkan satu masyarakat yang baik. Mungkin itu contoh tidak begitu baik yang saya kemukakan, tetapi nyatalah kita mesti menghayati bahawa generasi kita amat baik sekali mendapat seorang pemimpin yang sekarang ini kita semua tahu sudah diiktiraf oleh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan yang kita dapati ini kadangkalanya tidak diiktiraf oleh semua orang. Sebab itu kadang-kadang kita ada kalanya mendengar suara-suara yang sumbang, terutama yang dahulu kita dengar mereka yang menggunakan akhbar-akhbar tertentu seperti *Sunday Times* di London, pemberita-pemberita surat khabar di Australia yang mempersoalkan kemajuan dan pencapaian kita. Sekarang ini yang menyedihkan, rakan sendiri, sebelah rumah kita sendiri yang tanpa berfikir panjang dan tidak sensitif telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mengguris dan mengecewakan hati kita. Walaupun Menteri Kanan ini telah meminta maaf, tetapi kita tertanya diri kita mengapa terkeluar dari naluri hati seorang pemimpin kanan negara ini yang dahulunya pernah menjadi warganegara kita. Adakah tersalah kata atau ada perkara-perkara yang lain?

Saya merasakan bahawa mungkin tokoh ini tidak dapat memikirkan bahawa satu negara yang ditinggalkan itu boleh berjaya. Mungkin dasar-dasar kita boleh dipersoalkan kononnya kita tidak ada meritokrasi, yang sebenarnya kita ada meritokrasi. Jelutong tak tahulah sama ada dia bersetuju dengan kita atau bersetuju dengan Singapura? Saya rasa dia setuju dengan kita sebab Ketua Pembangkang, Ketua Pemuda menyokong kita dalam hal isu ini. Ini all parties stand. Saya mengucapkan syabas dan sokongan kepada DAP membawa nasional agenda ini bersama-sama dengan kita dalam isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bahawa mereka mungkin telah lama tidak datang ke negara kita tidak boleh menerima kejayaan di negara kita ini. Dengan pula adanya rancangan kita seperti lapangan terbang baru yang lebih besar daripada mereka. Kita ada satu tempat yang kita panggil Multimedia Super Corridor yang boleh menyaingi, penuh dengan infrastruktur undang-undangnya untuk membangunkan IT. Kita mempunyai LRT. Kita mempunyai prasarana yang mencukupi untuk bersaing dengan mereka. Mungkin ini yang mereka takut dan mereka bimbang, saya rasa sebagai anak muda. Oleh kerana itulah saya merasakan bahawa ini jelas rakyat Malaysia kena berjaga-jaga, persaingannya akan lebih rapi, lebih lagi hebat di masa akan datang dan persaingan ini bukan hanya kita akan dapati daripada negara Barat, tetapi daripada negara-negara jiran itu yang tersendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita melangkah abad ke-21, selepas merdeka kita mula memasuki dengan Dasar Pertanian ataupun Agriculture Revolution, dengan izin, sebagai sumber ekonomi negara. Pada ketika itu negara Eropah, Amerika sudah memasuki era industri. Bila kita baru berjinak-jinak belajar untuk cuba memasuki era perindustrian, mereka telah melonjak kepada industri berteraskan teknologi maklumat. Kita sebenarnya tidak terlewat. Hasil dari penglibatan kita dengan perindustrian, kita telah banyak belajar dan banyak juga mendapati kejayaan dan kejayaan ini telah banyak membantu untuk memulihkan keyakinan kita terhadap kebolehan kita. Ini penting, Tuan Yang di-Pertua.

Sekarang kita telah boleh berani menceburi bidang-bidang yang sebelum ini hanya dikuasai oleh segolongan negara sahaja. Kita telah membuktikan bahawa segenap bidang, kita boleh berjaya melakukannya. Industri automotif, dalam perkara ini wajar saya mengambil kesempatan ini mengucapkan takziah kepada keluarga Tan Sri Yahaya Ahmad, bahawa kita telah kehilangan satu tokoh. Tokoh ini bukan membuktikan kejayaan keluarga mereka, tetapi membuktikan kejayaan

'Malaysia boleh' atau 'orang Melayu sendiri itu boleh'. Kita belajar dan kita telah berjaya juga dalam telekomunikasi dan elektronik. Ini semua telah merupakan success story. Dalam akhbar juga hari ini kita telah membaca, dalam pengangkutan 'Malaysia Airline' juga nampaknya sudah boleh bersaing dengan syarikat-syarikat besar antarabangsa dalam penerbangan. Namun, kita mesti mengingati diri kita sendiri, Tuan Yang di-Pertua, kejayaan hari ini tidak bermakna kejayaan hari esok.

Kita mesti berusaha untuk memastikan bahawa kita akan terus mengecap kejayaan demi kejayaan di dekad-dekad yang akan datang. Oleh itu, saya mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana telah mengambil satu inisiatif dalam dasar IT dengan mengemukakan konsep Multimedia Super Corridor. Jadi, tidak perlulah saya menghujah dan menyentuh lebih panjang, sebab sudah ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang perkara ini.

Tadi, Yang Berhormat dari Ipoh pun sudah menyentuh, tetapi saya belum dengar Jelutong tentang perkara ini. Tidak tahulah Jelutong menggunakan E-mailkah, sudah mula ya? Atau suruh isteri membuat E-mail, sebab saya nampak isteri Yang Berhormat dari Jelutong macam partner dalam syarikatnya. Mungkin isterinya yang menggunakan E-mail bagi pihak beliau. Tetapi saya mengucapkan syabas kepada Jelutong sebab kita dengar banyak dia memberikan khidmat peguam, kadang-kadang free kepada orang yang memerlukan. Itu diucapkan syabas. Tetapi jangan memberi khidmat free untuk melawan UMNO - itu saya tidak bersetuju. [Ketawa] Kesungguhan kerajaan untuk memastikan dasar ini adalah jelas. Baru-baru ini kita dengar dalam Dewan ini akan dibahaskan empat rang undang-undang.

Saya mengucapkan syabas kepada DAP. Saya nampak sudah ada kebangkitan baru dalam agenda negara memastikan kita tidak tertinggal di dalam dunia IT, tetapi nampaknya DAP ada satu agenda dengan negara. Baru-baru ini saya rasa bangga benar Ketua Pembangkang sendiri mencadangkan supaya diadakan satu jawatankuasa all parties untuk kita berbahas, berbincang tentang isu macam mana negara kita hendak membangunkan IT ini supaya kita tidak ketinggalan dalam era kita memasuki information edge. Tetapi PBS saya tidak dengar cerita lagi. Dia masih cerita lama, cerita Sabah sahaja, tidak ada langsung agenda nasional - saya belum dengar, cerita tentang Sabah sahaja. Hendak menjadi pemimpin Sabah sahaja atau pemimpin negara kita? Saya ingat elok belajar daripada DAP - elok sekali. Ini tidak ada agenda lain.....

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tuaran bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Habis, saya boleh beritahu - boleh. Dahulu saya tidak beri, saya hendak habiskan - penghujung.

Yang sebenarnya PBS pun saya difahamkan dalam agenda IT dia ada bersama dengan kita. Dalam perkara ini saya mengucapkan syabas juga kepada Kementerian Pendidikan bahawa dalam pembangunan IT, era information edge, dengan izin, sumber atau komoditi yang terpenting ini ialah ilmu. Oleh kerana itu kilang atau usaha kerajaan untuk memastikan kita mendapat ilmu yang cukup dalam IT ialah di sekolah-sekolah dan universiti. Oleh itu kita mengucapkan syabas dengan pengkorporatan, dengan mengadakan dasar baru dalam Kementerian Pendidikan, mengadakan concept corporatisation dan banyak lagi usaha-usaha yang lain seperti Sekolah Bistari dan lain-lain nampaknya menyahut saranan kerajaan untuk membangunkan sumber anak-anak kita nanti yang cukup ilmunya dalam bidang komputer supaya tidak ketinggalan bila negara kita memasuki era information edge ini.

Kita tidak mahu, Tuan Yang di-Pertua, keadaan seperti yang ada ini. Dalam negara yang ada sekarang ini, dalam dekad kita, dalam keadaan ekonomi negaranya yang berasaskan industri, ada kelompok-kelompok yang tertinggal dalam industri masih lagi dalam era pertanian. Kita tidak mahu bila negara memasuki era information edge, dengan izin, masih ada kelompok-kelompok tertentu terutamanya di luar bandar tertinggal. Kita tidak mahu bahawa identifikasi yang maju dalam IT ini nanti tertumpu kepada satu kaum sahaja. Jadi, kita minta kalau boleh pelaksanaan IT nanti semua sekali. Saya yakin kalau kita pada masa sekarang ini bersedia, macam kita dengar keputusan SPM baru-baru ini, kalau dahulu semasa saya sekolah, jika semuanya 'A' itu semuanya orang bukan Melayu - orang Cina sahaja. Tetapi sekarang ini kalau semua 'A' pun, Cina pun ada, Melayu pun ada, India juga ada, keluarga Jelutong juga ada. Betul ya, Jelutong?

Tuan R. Karpal Singh: Betul.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Bermakna kita sudah menggambarkan bahawa bila kita kata negara kita berjaya, bila kita kata masyarakat Malaysia berjaya, semua kaum berjaya. Itu yang kita mahu. Kalau ini menjadi usaha kita, cara kita bergerak ke dekad akan datang, insya-Allah, negara kita akan terus maju dan kekal. Apa yang berlaku dahulu, apa

yang kita sebut di tahun-tahun yang lepas, kita minta 'simpang' supaya tidak berlaku di tahun 2000 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya ingin membawa sedikit kepada keadaan sekarang ini. Kita bangga dengan kejayaan ekonomi negara kita. Success story kalau dahulu seperti saya kata success story dalam pendidikannya, dahulu hanya terkait kepada satu bangsa sahaja, tetapi sekarang ini kalau kemajuan keputusan sekolah semua bangsa berjaya, Melayu pun penuh 'A', India, Cina pun penuh 'A'.

Di bidang perniagaan pun kalau kita lihat success story ini juga kita ada, semua bangsa melambangkan kejayaan kita. Namun demikian, saya hendak memberitahu PBS termasuk juga orang Kadazan di Sabah.....

Seorang Ahli: Jangan lupa orang Melayu pun ada.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kadazan. Saya pun sebut 'Kadazan'. Kadazan yang saya cakap tadi!

Seorang Ahli: Murut pun ada.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bumiputera semuanya termasuk....

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada yang minta jalan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Lagi baiknya kalau PBS masuk Barisan Nasional kita buat official policy terus. *[Ketawa]*

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tuaran hendak minta jalan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sedikit.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga sahabat saya dari Rompin.

Saya tertarik dengan kenyataan beliau mengenai 'kita diam tentang pembangunan information technology ataupun MSC' dan mungkin juga beberapa perkara mengenai agenda negara. Tetapi saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat dari Rompin, kalau kita bersetuju di dalam sesuatu hal itu bukankah baik kalau satu sahaja suara iaitu suara negara yang disampaikan oleh ketua.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Yunof Edward Maringking: Nanti dahulu, saya belum habis. Disampaikan oleh ketua negara dan kalau kita bersetuju, kita diamlah. Itu perkara pertama. Saya minta penjelasan. Bukankah itu baik?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bersetuju. Tetapi ha!

Tuan Yunof Edward Maringking: Nanti, nanti....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Masa sudah habis.

Tuan Yunof Edward Maringking: Ada penjelasan yang satu lagi.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sedikit sahaja.

Tuan Yunof Edward Maringking: Mengenai dengan hal-hal yang kita tidak bersetuju, kita bebas dalam dunia demokrasi ini, yang kita amal di negara Malaysia ini, tidak diberi peluang untuk menyuarakan supaya pihak kerajaan akan menjadi prihatin terhadap masalah masyarakat. Justeru itulah PBS menyuarakan masalah di Sabah yang selalu ketinggalan - 30 tahun sudah lebih, tetapi masih ketinggalan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Okay, terima kasih.....

Tuan Yunof Edward Maringking: Itulah sebabnya, setuju atau tidak setuju....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Cukup.

Seorang Ahli: Cukuplah bah!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini masa saya. Dia mengambil masa saya ini. Saya tidak benarkan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tidak boleh.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Lain kali jangan buat lagi.

Tuan Yunof Edward Maringking: Kini....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua kata masa sudah hendak habis.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tetapi saya belum habis.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak ambil balik, saya hendak ambil balik.

Tuan Yunof Edward Maringking: Setujukah kalau kita menyuarakan masalah....

Seorang Ahli: Cukuplah itu.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Cukuplah, cukuplah.

Tuan Yunof Edward Maringking: Masalah itu mesti disuarakan, betul?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini injury time, kena tambah balik masa itu, sebab dia kacau saya.

Saya bersetuju kita satu suara. Tetapi satu sahaja 'let the playing field must be level'. Kalau misalnya keadaan kita sama rata - betul, tetapi masalahnya mereka yang di luar bandar itu tidak sama rata dengan yang di dalam bandar. Itu kena betulkan. Bila kata luar bandar itu bukan orang Melayu sahaja, semua yang duduk di luar bandar.

Tuan Yunof Edward Maringking: Itu kita cagak kalau.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang keduanya, kita terima pandangan pembangkang tetapi mesti konstruktif. Sekarang dalam isu IT DAP sokong kita, kita sambut dengan baik. Saya tidak ada katakan dia ada "udang di sebalik batu". Tidak ada, saya tidak persalahkan langsung sokongannya. Tidak! Tetapi PBS ini kadang-kadang dia main politik juga. Dia sudah, berapa tahun dahulu jadi kerajaan di Sabah? 10 tahun apa dia buat? Ramai lagi yang miskin. Kita beri peluang tetapi peluang dibuat habis dipolitikkan sahaja.

Yunof Edward Maringking: Rompin tidak tolong juga.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Ketawa] Habis-habis, cukup. Tuan Yang di-Pertua, masa sudah dekat hendak habis. Satu lagi perkara saya hendak sebut. Walaupun sudah ada kejayaan, kita nampak visible, semua kaum termasuk bumiputera, Melayu dan lain-lain namun demikian, dari segi, kalau kita bandingkan dengan saiz kelas menengah ini, walaupun kelas menengah kita sudah meningkat tetapi ke peratus kelas menengah yang bumiputera itu peratus dengan penduduknya tidak begitu baik. Ini jelas kita lihat kerana bumiputera merupakan mereka yang bekerja dengan kerajaan - polis, askar, guru - all are salaried, dengan izin. Kerana itu kalau ada pertumbuhan ekonomi manfaat kepada mereka terhad. Mereka hanya mendapat bonus, kenaikan gaji yang tertentu tetapi mereka yang terlibat dengan sektor swasta, lonjakan pendapatannya lebih tinggi sebab mereka ini merupakan entrepreneur dan berniaga.

Di dalam Dewan ini saya ingin menyatakan bahawa kita perlu satu pendekatan yang khusus, sebab itu saya mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini,

beliau mengatakan bahawa kerajaan amat bimbang bahawa saiz menengah dan interpretasi saya bumiputera amat kurang saiznya kalau dibandingkan dengan population bumiputera itu yang tersendiri. Oleh kerana itu saya ingin mengesyorkan dan sebelum itu syabas kepada Kementerian Pembangunan Usahawan difahamkan telah diminta oleh Kabinet untuk menggariskan pendekatan tertentu bagaimana membesarkan golongan saiz middle income ini supaya benar-benar menggambarkan warganegara kita ini supaya proportion ataupun kadar nisbah bumiputera dan bukan bumiputera dalam kelas menengah ini lebih seimbang. Dalam hal ini saya juga mencadangkan supaya digalakkan pembangunan usahawan bumiputera itu sendiri. Kita bimbang kerana agenda bumiputera ini kadang-kadang tertinggal. Kadang-kadang kita minta supaya diteruskan agenda bumiputera ini merupakan agenda nasional yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua juga janganlah kita serahkan agenda membela yang tertinggal ini sama ada agenda membantu bumiputera, agenda membantu mereka yang lemah ini dilepaskan bulat-bulat di bahu kerajaan sahaja. Sektor swasta perlu juga mengambil tanggungjawab ini. Sebagai contoh, banyak projek telah diswastakan - dua minit lagi, saya menggulung, Tuan Yang di-Pertua - banyak projek telah diswastakan oleh kerajaan. Kadang-kadang penyertaan kaum bumiputera dalam projek-projek yang diswastakan ini amatlah membimbangkan. Kadang-kadang projek-projek ini dikuasai oleh bumiputera itu sendiri.

Mengapa tidak agenda bumiputera ini juga dipikul bersama oleh pihak swasta terutama sekali swasta bumiputera. Akhirnya, sebagai menggulung Tuan Yang di-Pertua, masa sudah habis ya? Ada lagi? Sedikit lagi ya? [*Timbalan Yang di-Pertua mengangguk*] Ya.

Oleh itu saya minta supaya kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan memastikan digariskan pendekatan yang khusus. Saya minta supaya kalau hendak membangunkan usahawan bumiputera ini mestilah ada targetnya. Kalau dahulu semasa Dasar Ekonomi Baru itu hanya 1% sahaja penyertaan bumiputera dalam bidang ekonomi, dalam 20 tahun target kita 30%, mengapa tidak dalam pembangunan usahawan bumiputera ini kita ada sasaran ataupun targetnya cukup dengan strategi dan cukup dengan pelan tindakan.

Akhirnya dalam kita berbangga dengan kemajuan ekonomi kita yang ada, success story yang kita dengar hari-hari negara kita melalui sektor swasta menerokai di antara dunia dalam pengembangan

perniagaan kita, kita jangan lupa bahawa kita perlu memastikan ekonomi kita terus kukuh. Kita jangan lupa bahawa perkara-perkara yang telah kita lalui dahulu seperti recession tidak akan berlaku ke negara kita lagi. Di Thailand, kita jangan lupa kejatuhan besar sahamnya amat buruk sekali. Di Singapura sendiri eksport keluarannya telah menurun. Oleh kerana itu, di Malaysia saya mengesyorkan kerajaan perlu mengambil tindakan-tindakan jika perlu yang drastik pun untuk memastikan ekonomi kita yang kukuh. Oleh kerana itu kita mengucapkan syabas kepada Bank Negara yang baru-baru ini telah mengetatkan kuota pinjamannya untuk tujuan pinjaman hartanah.

Saya sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, ingin mengucapkan syabas terhadap ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Penampang.

4.57 ptg.

Tuan Paul Noutin [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyertai perbahasan Usul Terima Kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kita berbangga dengan tahap pembangunan negara yang begitu pesat dan kita juga perlu yakin bahawa dengan perancangan dan usaha yang sedang dan akan dilaksanakan berpandukan kepada saranan-saranan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, negara kita akan terus membangun ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, keseimbangan pembangunan di antara negeri-negeri di Malaysia dan juga di antara bandar dengan luar bandar adalah fakta yang amat penting sekali yang harus diambil kira dalam usaha membangunkan negara. Semua lapisan rakyat di setiap negeri hendaklah menikmati hasil pembangunan. Walau bagaimanapun, nyata sekali keseimbangan itu kurang dititik beratkan dalam istilah pembangunan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, jurang perbezaan pembangunan amat ketara sekali semakin jauh di antara negeri-negeri terpencil seperti Sabah dan Sarawak dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Ini adalah disebabkan pembangunan infrastruktur dan ekonomi adalah tertumpu di Semenanjung Malaysia. Kalaulah trend ini berterusan dan usaha tidak dipertingkatkan untuk pendekatan jurang perbezaan itu, maka negeri Sabah dan juga

Sarawak akan terus ketinggalan dalam arus pembangunan. Situasi seumpama itu akan serba sedikit menghindar pencapaian integrasi nasional yang diharap-harapkan.

Oleh yang demikian, Kerajaan Persekutuan haruslah mengambil langkah-langkah yang berpatutan dan memastikan negeri Sabah dan juga Sarawak tidak lagi ketinggalan dalam semua aspek pembangunan sebelum berakhir Rancangan Malaysia Ketujuh. Untuk mencapai hasrat ini usaha-usaha harus dilipatgandakan dan ini sudah tentu memerlukan peruntukan yang lebih banyak. Saya bercadang agar kadar royalti minyak yang diberi kepada negeri Sabah dinaikkan dari 5% ke sekurang-kurangnya 30% sehinggalah pembangunan di negeri Sabah mencapai tahap setaraf dengan negeri-negeri yang lain di Semenanjung Malaysia. Selepas itu, bolehlah diturunkan kembali ke kadar asal iaitu 5%.

Tuan Yang di-Pertua, komitmen dan sistem Kementerian Kerja Raya dalam usaha menaikkan taraf jalan raya di negeri Sabah harus dikaji semula. Kerap kali apa yang dijanjikan tidak dikotakan mengikut jadual. Umpamanya, Menteri Kerja Raya telah memaklumkan bahawa pembinaan jalan raya dua hala dari bangunan KDCA ke Pekan Donggongon di kawasan Penampang iaitu kawasan yang saya wakili akan bermula awal tahun ini tetapi hingga pada hari ini belum ada tanda-tanda ianya akan dimulakan.

Begitu juga dengan pembinaan ring road Lidoh Kepayan juga di kawasan Penampang yang dikatakan akan siap pada bulan September tahun ini. Tetapi pada penglihatan saya jalan raya tersebut tidak akan siap dalam masa yang dijadualkan kerana kerja pembinaan dilaksanakan dengan terlalu perlahan dan sering terhenti walaupun keadaan cuaca baik. Saya difahamkan bahawa pembinaan jalan-jalan raya di kawasan lain di negeri Sabah seperti Jalan raya Beaufort-Menumbuk dan juga Beaufort-Masapol juga dilanda masalah yang sama.

Adalah diharapkan menteri berkenaan dapat memberi penjelasan dan bukan alasan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bidang pelancongan adalah antara penyumbang utama pertumbuhan ekonomi negara dan tekanan kerajaan kepada pembangunan industri pelancongan domestik adalah satu langkah yang baik. Walau bagaimanapun, kemajuan dalam bidang ini juga terhindar dengan keadaan infrastruktur yang tidak baik, dan masalah ini nyata sekali di negeri Sabah, umpama, Jalanraya Pan-Borneo Highway yang menghubungkan negeri

Sarawak, Brunei dan Sabah. Sementara jalan raya yang terlibat di negeri Sarawak dan Brunei memang dalam keadaan yang baik dan bertar. Jalanraya Masapol-Beaufort di negeri Sabah yang melengkapkan highway itu masih dalam keadaan 'gravel' yang teruk. Ini adalah fakta yang boleh menghalang tujuan sebenarnya jalan raya tersebut terutama sekali dari segi pelancongan dan integrasi antara rakyat di ketiga-tiga negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, Sukan Komanwel yang akan diadakan pada tahun hadapan memang akan menarik banyak pelancong ke negara kita. Dengan peluang seumpama itu sektor swasta yang terlibat dalam industri pelancongan harus digalakkan supaya menyediakan 'visit Malaysia package' ataupun 'holiday package' yang berkesan untuk menarik para pelancong yang datang untuk menyaksikan sukan itu supaya melancong ke seluruh Malaysia termasuklah Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu, negeri Sabah seharusnya diberi peluang untuk menjadi tuan rumah dalam beberapa acara sukan SUKOM '98 supaya negeri Sabah juga turut mendapat manfaat daripada sukan itu, terutama sekali dari segi pelancongan. Saya percaya dengan kemudahan yang sedia ada, negeri Sabah mempunyai kemampuan dan keupayaan untuk menjadi tuan rumah bagi beberapa acara sukan seperti badminton, pingpong dan acara sukan laut. Adalah diharapkan perkara ini dapat diambil perhatian oleh kementerian berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit dalam bidang pendidikan. Sementara kerajaan mengambil langkah meningkatkan mutu pendidikan dengan mengambil kira perkembangan terbaru dalam bidang teknologi maklumat dan multimedia, penyelesaian masalah berkaitan dengan guru-guru dan murid-murid harus sentiasa diberi keutamaan. Adalah dilaporkan bahawa lebih kurang 10,000 guru telah memohon 'earlier retirement' setakat ini, iaitu lebih kurang 200 guru setiap bulan. Alasan sebahagian mereka itu ialah mereka sudah bosan dengan profesion sebagai guru.

Saya difahamkan bahawa Kementerian Pendidikan telah menolak kebanyakan permohonan tersebut kerana masalah kekurangan guru. Isu ini amat membimbangkan, kerana sementara kementerian ingin menyelesaikan masalah kekurangan guru, harus juga diingatkan bahawa guru-guru yang sudah bosan mengajar ataupun sudah kehilangan minat untuk mengajar akan secara

langsung menjejaskan mutu pendidikan kepada murid-murid. Justeru itu, kementerian sepatutnya memberi tumpuan kepada langkah-langkah alternatif untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru selain daripada memaksa guru-guru yang bosan dan tidak lagi berminat mengajar untuk meneruskan karier mereka sebagai guru.

Analisa terperinci harus dibuat untuk mengenal pasti punca dan sebab-sebab para guru ingin meninggalkan profesion mereka supaya langkah-langkah penyelesaian yang berpatutan boleh diambil di peringkat awal. Adalah juga dilaporkan bahawa ada golongan guru yang tidak puas hati dengan sistem penilaian prestasi untuk guru-guru di mana penilaian prestasi dibuat oleh penyelia pendidikan kawasan. Mereka mahu penilaian itu dibuat dengan lebih adil iaitu melalui Guru Besar yang lebih mengetahui prestasi mereka sebenarnya. Mungkin ini adalah di antara banyak sebab-sebab yang tidak menyenangkan para guru dan seterusnya menguatkan lagi keinginan mereka untuk bersara awal dari perkhidmatan. Di harap kementerian dapat memberi perhatian dalam perkara ini, termasuk juga sistem ganjaran para guru seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Gaya kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua, saranan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengenai dengan kesihatan amat dialu-alukan. Sistem pencegahan kesihatan sememangnya perlu dipertingkatkan di kawasan-kawasan luar bandar khususnya di negeri Sabah dan Sarawak. Bagi rakyat terpencil di luar bandar, penswastan hospital yang melibatkan berjuta-juta ringgit tidak akan membawa faedah yang diharapkan kerana mereka masih terpaksa berjalan kaki berbatu-batu untuk mendapatkan khidmat daripada hospital yang terdekat di samping terpaksa membayar khidmat perubatan tersebut.

Dalam pada itu, walaupun mungkin beberapa bentuk insentif dari segi tax dan lain-lain boleh dirangka demi menggalakkan sektor swasta, namun penyertaan masih bahawa sektor swasta berpandukan kepada financial liability untuk membolehkan penglibatan mereka dalam bidang perkhidmatan kesihatan luar bandar. Dengan fakta ini dan memahami keupayaan dari segi kewangan penduduk-penduduk luar bandar, saya berpendapat saranan kepada sektor swasta untuk memperluaskan penglibatan dalam bidang perkhidmatan kesihatan luar bandar itu amat sukar untuk menjadi kenyataan terutama sekali di negeri Sabah. Oleh yang demikian, Kementerian

Kesihatan haruslah menumpukan usaha untuk mengadakan lebih banyak pusat atau klinik perubatan bagi membolehkan rakyat terutama sekali di luar bandar untuk mendapat khidmat perubatan dengan cepat dan percuma.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhiri, saya ingin menyentuh sedikit mengenai dengan usaha kerajaan membantu para peniaga kecil melalui beberapa skim pinjaman khas yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia. Pinjaman yang boleh diperolehi melalui bank-bank perdagangan itu amat diperlukan oleh golongan peniaga kecil sebagai modal untuk memajukan perniagaan mereka. Walau bagaimanapun, kebanyakan para peniaga itu terutama sekali di negeri Sabah tidak mengetahui langsung wujudnya skim-skim pinjaman itu. Saya percaya punca utama ketidaksedaran itu ialah masalah penyampaian maklumat mengenai pinjaman tersebut kepada para peniaga. Tambahan pula pihak bank-bank perdagangan selalunya enggan memaklumkan adanya skim pinjaman khas itu kerana mungkin skim tersebut tidak menguntungkan kepada mereka. Adalah diharapkan agar kementerian berkenaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya agar semua skim pinjaman yang diperkenalkan, terutamanya bagi peniaga kecil dapat menemui sasaran dan mencapai objektif dengan efektif melalui cara penyampaian maklumat yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata sedemikian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jelebu.

5.10 ptg.

Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang kepada saya bersama dengan rakan-rakan bagi membahaskan Titah Ucapan DiRaja ini. Saya dan rakyat Jelebu merakamkan rasa terima kasih

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Yunus bin Rahmat: Siapa yang cakap tu? Kacau aje!

Saya dan rakyat Jelebu merakamkan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang penuh pengertian bagi rakyat jelata di negara ini. Cita-cita Malaysia menjadi sebuah negara industri sepenuhnya menjelang tahun 2020 nanti kini mula menampakkan realitinya. Sudah berbagai projek pembangunan gergasi seperti bangunan berkembar PETRONAS, Putrajaya dan

sebagainya dilaksanakan dan kini projek Koridor Raya Multimedia telah muncul sebagai satu lagi komponen penting terhadap merealisasikan matlamat futuristik negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertengahan Mei 1997 ini, dijangka bermulalah pembangunan MSC di lokasi utamanya yang di namakan Siberjaya. Ianya akan memberikan sebuah bandaraya multimedia yang merangkumi kawasan seluas 2,800 hektar yang membangun sebagai suatu kawasan penempatan industri multimedia oleh syarikat pengendalinya Cyberview Holdings.

Pembangunan Siberjaya di kawasan terletak bersebelahan Putrajaya itu dijangka akan juga memberikan faedah hasil pembangunan kepada Negeri Sembilan dan penduduknya. Alhamdulillah dan insya'-Allah, semoga cetusan idea Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini akan juga di nikmati oleh golongan bumiputera di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana membangunkan pembangunan inprasarana dan keghairahan Kuala Lumpur, dibangunkan dengan projek-projek gergasi dan serba mewah yang tumbuh melata di merata ceruk Kuala Lumpur akhirnya Kuala Lumpur dalam usia ke23 tahun dilanda banjir kilat yang serius hanya dengan curahan hujan lebat selama enam jam tanpa henti-henti. Sejarah banjir ini berulang lagi setelah dalam tahun 1992 juga ianya berlaku di Kuala Lumpur yang mengakibatkan masalah kepada penduduk persekitaran. Walaupun tiada kemalangan jiwa berlaku, namun ia agak mencemaskan apabila berpuluh-puluh kenderaan termasuk kenderaan perkhidmatan awam di tenggelami air. Ianya menjadi lebih menyedihkan apabila beratus-ratus penduduk Kuala Lumpur yang dilanda musibah itu terpaksa di pindahkan. Mereka mengalami kerugian besar akibat kerosakan dan kemusnahan harta benda. Suka saya menyarankan agar DBKL memandang serius perkara ini dan menjalankan kajian terperinci dan menyeluruh terutamanya ke atas sistem perparitan di dalam kawasan Kuala Lumpur yang agak kacau-bilau. Mungkin ianya di sebabkan oleh pembangunan mewah yang berlaku di sekitar bandaraya kini.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan teknologi di dalam kehidupan manusia memang perlu namun ianya haruslah setimpal dengan kemampuan dan kekuatan ekonomi dan ketahanan diri kelompok manusia itu sendiri. Kita lihat apa yang dilakukan oleh Telekom Malaysia melalui talian Info 600.

Mahu menghilangkan kesepian, telefon 600, atau ingin rebut hadiah RM1,000 sehari, sila dail 600, akibatnya Tuan Yang di-Pertua, bil telefon seseorang itu akan melambung tinggi. Perkara ini harus dilihat dan dikaji semula oleh Telekom kerana ianya menarik minat anak-anak muda dan remaja yang kini rata-ratanya mengalami masalah kebejatan sosial kerana mereka mahu menghilangkan 'tension' walaupun mereka tahu caj yang dikenakan mahal iaitu RM1.95 sen sesaat. Hasilnya diberitakan syarikat itu telah mengaut keuntungan sebanyak RM40 juta setahun hasil perkhidmatan termasuk talian Info 600 ini. Kita menyarankan agar Syarikat Telekom Malaysia mengharamkan sama sekali talian 600 ini kerana menyedari ia mendatangkan keburukan terhadap kehidupan manusia hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sememangnya mengamalkan dasar berbaik-baik dengan semua negara di dunia ini terutamanya negara Islam dan pemimpin-pemimpin negara kita memang tidak mahu rakyatnya diperhinakan malah yang beragama Islam tentunya tidak mahu melihat rakyat beragama Islam ditindas oleh kaum agama lain seperti apa yang berlaku di seluruh dunia kini. Seolah-olah mereka ingin melihat kehancuran Islam itu sendiri. Melihat kepada suasana ini, pemimpin-pemimpin kita telah menyeru dunia Islam agar memperkukuhkan dan menguatkan persaudaraan dan hubungan bagi menghadapi golongan penghancur Islam itu. Kekayaan material sahaja tidak mencukupi untuk membina kekuatan sesebuah negara islam tanpa disertakan dengan keadaan politiknya yang stabil serta sebuah kerajaan yang kuat pengetahuan sains dan teknologinya serta terkenal dengan sikap toleransinya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini, Malaysia telah dicemuh oleh jiran kita Singapura dengan kenyataan liar Menteri Kanan Singapura, saudara Datuk Lee Kuan Yew. Kita mengucapkan tahniah dan syabas kepada Ketua Pemuda UMNO Malaysia yang juga Ahli daripada Bagan Datok bersama barisan Exco dan Ketua Pemuda Negeri mereka yang telah bertindak pantas dan cemerlang dalam usaha menamatkan kegawatan serta kekarutan yang berlaku. Kita bukan mahu menjadi 'hero' sebagaimana yang didakwa oleh sesetengah pihak tetapi Pemuda UMNO khususnya Pemuda Johor merasakan maruah orang-orang negara Malaysia telah dicabar oleh seseorang yang juga dilahirkan di Johor.

Apakah kita mahu melihat sahaja ianya berlaku tanpa tindak balas positif dari pendukung parti UMNO yang menunjangi pemerintahan negara ini. Menyedari hakikat itulah Pemuda UMNO bertindak

dan mahu supaya Lee Kuan Yew menarik balik kata-kata tuduhannya dan mengarahkan peguam beliau menarik balik perkataan yang menyinggung di dalam affidavitnya berhubung kes saman terhadap Tang Liang Hong. Alhamdulillah, semuanya telah selesai di dalam suasana yang baik dan penuh rasa tanggungjawab, kesabaran, kematangan kerana Malaysia dan rakyatnya serta pemimpinnya lebih bijak bertata-susila, bersopan dan lebih berpendidikan dari Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, kita mahu agar semua ini jadi pengajaran kepada Singapura agar pemimpinnya jangan begitu celupar tak tahu adat berjiran, terasa terlalu ego dan terlalu mementingkan diri sendiri. Adalah wajar ianya di lihat semula akan hubungan ini dan saya menyarankan agar Malaysia mengkaji semula akan perjanjian bekalan air ke Singapura oleh Johor yang di buat pada tahun 1961 dan akan tamat pada tahun 2061 selama 100 tahun. Yang keduanya, mungkin penting juga untuk di kaji.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Rompin bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Sila sahabat dari Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: Saya mengucapkan syabas ucapan Jelebu, mungkin salah satunya Kebawah Duli Yang di-Pertuan Agong daripada Negeri Sembilan, yang keduanya tadi banyak bercakap tentang Pemuda, mungkin Exco Pemuda. Saya nak tanya, syor Jelebu tadi supaya dikaji kembali bekalan air ke Singapura. Ini merupakan syor Pemuda UMNO Malaysiakah? sebagai Exco, saya ingat Yang Berhormat Jelebu boleh membuat kenyataan sebab daripada sana pun ada seorang Exco lagi. Saya minta sedikit penjelasan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Rompin. Sebenarnya kita akan melihat realiti sesuatu perjanjian, mana ada perjanjian dalam dunia ini sampai 100 tahun? Satu perkara yang harus kita renungkan semula. Walaupun perkara ini dibangkitkan dan saya tidak boleh menganggapkan bahawa ini adalah merupakan satu syor daripada Pergerakan Pemuda UMNO, tetapi adalah syor dari saya, Ahli Parlimen dari Jelebu.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: Terima kasih.

Tuan Yunus bin Rahmat: Kedua, perjanjian ruang udara Malaysia-Singapura juga haruslah dan wajar dikaji semula. Kita tidak mahu melihat kapal terbang daripada Singapura, tentera Singapura sewenang-wenangnya terbang bebas di ruang angkasa kita di Johor Bahru. Tuan Yang di-Pertua,

semua ini perlu supaya Singapura akan lebih menghormati Malaysia serta rakyat dan pemimpinnya.

Tuan Yang di-Pertua, kebejatan sosial yang melanda remaja kini perlu dilihat dengan lebih positif. Malaysia kini dihuni lebih 60% oleh golongan remaja dan belia, maka tentunya program ke arah pembentukan peribadi yang bersepadu di aspek rohaniah, akhlak dan jasmaniah yang mampu berdikari akan menjadi penggerak kepada kemakmuran, agama, bangsa, negara, dunia dan alam sejagat selaras dengan cita rasa dan wawasan 2020 ke arah pembentukan masyarakat muda di masa akan datang. Golongan remaja, belia adalah wajar diberikan tumpuan oleh semua pihak agar strategi pembangunan belia hari ini benar-benar akan mencakupi aspek-aspek pendidikan, latihan, ketertiban diri melalui usaha sukarela, pemberian hak dan kuasa berorganisasi dan bersuara, beriman, berilmu, beramal, berjiwa besar, berketerampilan, berkepemimpinan, berbudaya, beretika, bertenaga dan berwawasan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, gerakan ke arah ini wajarlah digembleng agar semangat perkongsian di antara badan agensi kerajaan dengan pertubuhan belia serta badan-badan bukan kerajaan, swasta dan sebagainya dapat dijana ke arah membolehkan para remaja dan belia ini diterapkan dengan program-program pendidikan dan latihan, tempat-tempat serta kemudahan belia beraktiviti, saluran-saluran maklumat dan juga bimbingan, perkaderan dan latihan kepimpinan. Ke arah gerakan ini, ingin dicadangkan agar tenaga pengurus remaja dan belia ini benar-benar dapat berfungsi dan berinteraksi agar para remaja dan belia benar-benar dapat merasakan mereka diperlukan dan dirasakan kehadirannya, perkara-perkara berkaitan haruslah dilihat oleh kementerian yang berkenaan.

Pertama, pegawai-pegawai dan kakitangan di pejabat belia negeri dan daerah perlu ditambah, dinaiktaraf agar setanding dengan pegawai-pegawai di agensi kerajaan yang lain. Pejabat belia daerah wajar dilengkapi dengan prasarana dan kakitangan boleh digunakan secara terbuka oleh para belia. Taraf profesionalisme para pengurus belia wajar ditingkatkan dan diberi peluang melanjutkan pelajaran.

Pengambilan pegawai-pegawai kakitangan pengurus belia ini juga diambil kira kelulusan serta kebolehan dan keaktifan mereka di dalam kerja-kerja kemasyarakatan. Ini dirasakan dapat menjamin agar gerakan ke arah pembentukan remaja dan belia yang produktif dapat dilahirkan dan dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, kerjasama di antara agensi kerajaan, swasta, NGO, media massa dengan ahli serta pengurus kelompok ini dijangka dapat menjamin ke arah melahirkan golongan remaja dan belia yang berilmu dan berkeperibadian mulia. Mungkin lebih jauh dari itu, ingin saya mencadangkan agar agensi di atas memikirkan wajarnya perkara berikut dapat dilaksanakan secara terancang.

Pertama, wakil-wakil belia dan remaja akan diterima di dalam organisasi JKKK ataupun JKRR di dalam rancangan majlis daerah, perbandaran, jawatankuasa masjid dan jawatankuasa surau dan sebagainya.

Kedua, pengiktirafan ketua jabatan kepada kakitangan yang aktif dalam persatuan dan aktiviti belia diambil kira untuk kenaikan pangkat dan penganugerahan sijil-sijil.

Ketiga, ketua-ketua jabatan kerajaan, swasta bersama mengikuti program belia yang dianjurkan di samping memberi bantuan dan tunjuk ajar serta sokongan.

Keempat, penyediaan tempat-tempat latihan dan peluang lanjut pelajaran kepada pekerja-pekerja di sektor swasta hendaklah diwujudkan.

Kelima, kompleks membeli belah juga wajar menyediakan ruang pusat sumber belia yang dilengkapi dengan kemudahan yang perlu dan bekerjasama dengan jabatan belia dan persatuan-persatuan belia.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu di taman-taman perumahan, disarankan untuk diwajibkan membina ataupun menyediakan kemudahan sukan, sosial, rekreasi seperti surau, padang, dewan, gelanggang permainan, taman perumahan kanak-kanak, tentunya peralatan-peralatan khusus yang diperlukan akan dilengkapi.

Konsep dan aktiviti belia hendaklah diperkenalkan di sekolah-sekolah menengah melalui kokurikulum serta mewujudkan kelab-kelab belia di sekolah-sekolah dan jawatan pegawai belia mungkin boleh ditempatkan di sekolah-sekolah.

Penggunaan dan kemudahan di jabatan kerajaan seperti dewan, padang serta peralatan lain untuk menjadikan golongan dan kelompok belia boleh bermesyuarat, berseminar, berceramah dan berinteraksi dan sebagainya boleh diberikan secara percuma sebagai suatu usaha galakan.

Tuan Yang di-Pertua, segala-galanya dijangka dapat menjamin ke arah pembentukan generasi muda, remaja dan belia ini ke tahap yang lebih baik dan menguntungkan sama ada kepada golongan ini di bandar ataupun di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dasar persyarikatan dan juga penswastaan. Dasar persyarikatan yang telah menjadi salah satu daripada dasar pembangunan kerajaan, semenjak tahun 1980 telah banyak membawa perubahan dalam pertumbuhan ekonomi negara. Semua ini adalah disebabkan wujudnya gandingan yang mantap di antara sektor awam dan sektor swasta. Fenomena ini amat berbeza sekali sebelum dasar persyarikatan diperkenalkan.

Dasar ini bukan sahaja memberi peluang kepada pertumbuhan ekonomi malah ia juga dapat mengeratkan lagi perhubungan antara sektor awam dan swasta dalam menerajui arus pembangunan yang lebih terancang dan sistematik.

Kalau dahulu, tugas dan tanggungjawab untuk membangunkan negara dan negeri dipikul oleh kerajaan semata-mata, kerana telah menjadi kelaziman kerajaan yang lebih menurus kepada kebajikan dan tanggungjawab sosial, manakala di pihak swasta khususnya ahli-ahli perniagaan, mereka lebih mengutamakan keuntungan iaitu 'profit making' setelah dasar persyarikatan wujud, keadaan ini berubah, kerjasama yang sedia terjalin kini telah dapat menerokai pembangunan ekonomi dan pembangunan sosial yang membawa lonjakan dan mempercepatkan lagi pencapaian matlamat wawasan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya tidak dapat dinafikan sama sekali bahawa pertumbuhan pesat ekonomi negara ini telah dapat dirasakan dan dapat dilihat dengan begitu drastik sekali. Pertumbuhan pesat bandar-bandar baru, taman-taman perumahan, kawasan-kawasan perindustrian, pusat-pusat membeli-belah dan penyediaan pelbagai infrastruktur memperlihatkan kejayaan dasar persyarikatan dan penswastaan yang menjadi amalan dan memprogramkan dasar pembangunan dan kemajuan negara ini.

Kejayaan demi kejayaan yang dinikmati sekarang ini melalui dasar persyarikatan diperolehi melalui penghayatan secara spiritual, mental dan fizikal dalam membentuk kelompok perancang dan pelaksana program pembangunan negara secara kolektif dan efisien. Konsep kerjasama ini dalam menggembungkan idea dan usaha melalui dasar ini telah terbukti kejayaannya seperti yang telah dicapai oleh negara-negara Newly Industrialised Countries (NIC), dengan izin seperti Korea Selatan, Taiwan dan Singapura.

Jadi, framework pembangunan negara berkenaan perlulah dijadikan modul perseragaman dalam perancangan pembangunan ekonomi dan sosial negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan yang berterusan tentunya memerlukan satu perancangan pembangunan yang sistematik dan memerlukan suatu formula atau modul yang boleh dijadikan database yang akan menjadi panduan asas program pembangunan.

Cara ini juga menjadi landasan program yang diatur selari dengan kehendak dan keperluan negara dan rakyat keseluruhannya. Untuk memastikan perancangan pembangunan tidak mendatangkan masalah dalam pelaksanaannya, beberapa perkara dicadangkan untuk dijadikan modul pembangunan di negara ini.

Antaranya Bersikap Action Orientated; Setiap ahli dalam sektor awam dan swasta disarankan perlu ada semangat saling bantu-membantu dan daya saing yang sihat dalam memastikan setiap perancangan program pembangunan dapat dijayakan dengan berkesan. Terlalu banyak birokrasi dalam pentadbiran dan pengurusan sama ada di sektor awam mahupun sektor swasta akan melambatkan proses pembangunan yang dirancang.

Sebagai contoh, untuk meluluskan sesuatu projek pembangunan kawasan perindustrian terpaksa mengambil masa yang terlalu lama, terlalu banyak perkara perlu mendapat kelulusan dan terlalu banyak jabatan kerajaan yang terlibat. Keadaan ini sungguh menyulitkan pihak pemaju, kesannya akan membantutkan lagi program pembangunan yang dirancang.

Justeru itu, soal-soal terlalu banyak birokrasi dan peraturan perlu diatasi oleh pihak kerajaan. Terlalu banyak peraturan dan birokrasi akan menjejaskan pelaksanaan program yang dirancang. Setiap yang terlibat haruslah lebih bersikap 'action orientated' dalam memastikan keberkesanan program pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak faktor yang menyebabkan peniaga-peniaga Melayu tidak mendapat peluang untuk berniaga di kompleks perniagaan yang dibina di negara ini. Antaranya ialah kes kadar sewa yang tidak mampu dibayar oleh peniaga Melayu.

Yang kedua, produk yang dihasilkan oleh usahawan Melayu khususnya dalam industri makanan sukar sekali menembusi pasaran di kompleks tersebut bukan dihasilkan oleh usahawan tempatan.

Kadar sewa-beli untuk memiliki premis perniagaan terlalu tinggi dan hanya peniaga yang mempunyai modal besar sahaja yang mampu

menyewa atau membelinya. Sedangkan peniaga yang bermodal kecil terus dipinggirkan.

Jadi, perkara-perkara yang sedemikian haruslah dilihat dan direnungkan untuk sekurang-kurangnya golongan bumiputera akan dapat juga faedah apabila sesuatu pembangunan itu dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin menyentuh masalah yang berlaku dan diberitakan baru-baru ini, di mana Jabatan Pengangkutan Jalan telah menyuarakan masalah untuk tidak membenarkan pemegang PDL ataupun lesen belajar memandu untuk menunggang motosikal di jalan-jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini harus direnungkan kerana kita lihat mengapa mereka mengambil Lesen 'L' ataupun PDL? Kita tahu bahawa seluruh masyarakat yang ada di negara kita ini memerlukan ikhtiar. Jadi, kebanyakan mereka yang mengambil dan memiliki Lesen 'L' kenderaan ini, motosikal, menggunakan kenderaan itu sebagai jentera untuk mencari makan. Di kampung-kampung dan di luar bandar khususnya para penoreh dan petani menggunakan motosikal untuk menambah rezeki mereka dan menjadi punca kepada pendapatan mereka.

Saya melihat perkara ini tidak ada rasionalnya untuk kementerian menerima cadangan yang akan diutarakan oleh pihak JPJ. Walaupun dua tahun ditentukan oleh kerajaan, untuk seseorang pemegang Lesen 'L' itu, boleh menggunakan lesen berkenaan dan apabila selepas dua tahun lesen itu akan tamat kuatkuasanya. Namun

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya akan gulung. Namun, kita harus melihat secara positif perkara ini bahawa keperluan orang ramai untuk mendapatkan PDL ini akan dapat diteruskan tanpa mengenakan syarat sebagai disebut itu dan memandangkan keperluan semasa mereka dan ini merupakan sebagai latihan kepada mereka yang memiliki PDL untuk menyediakan diri sebelum diuji.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, sedikit yang terakhirnya, saya menyarankan JPA supaya melihat semula akan pelaksanaan Sistem Saran Baru ini supaya dapat ditambah ataupun diperbesarkan lagi kuota kadar melintang dan juga menegak. Yang melintangnya 2% dan menegaknya 3% haruslah diperbesarkan.

Ini kerana alasan dan rasionalnya ialah untuk melihat dan menjamin kesetiaan dan juga minat kakitangan kerajaan terus berkhidmat dengan jabatan-jabatan kerajaan.

Saya bimbang dan kuarir kalau keadaan ini berleluasa dan terus dilaksanakan, semangat cintakan pekerjaan dan perkhidmatan kepada kerajaan semakin lama semakin luput.

Tuan Yang di-Pertua, sekian dengan itu, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bukit Bendera.

5.30 ptg.

Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]: Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mengumumkan bahawa kerajaan telah menubuhkan satu perbadanan perumahan nasional bagi tujuan mempercepatkan pembinaan rumah kos rendah dan bertanggungjawab merancang dan melaksanakan projek perumahan kos rendah.

Penubuhan perbadanan perumahan nasional ini adalah satu langkah yang sesuai, walaupun jangka masa untuk menubuhnya adalah begitu lama. Setakat ini saya juga ingin bertanya kementerian tentang bilakah perbadanan perumahan negara ini akan dikuatkuasakan dan siapakah yang akan menjadi ahli-ahli lembaganya dan apa fungsi utamanya, dan apakah modal utamanya?

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketujuh bercadang membina sebanyak 350,000 buah rumah kos rendah dan sederhana atau low medium cost housing, yang berharga di antara RM26,000 dengan RM60,000 untuk golongan berpendapatan pertengahan dan rendah. Ini adalah satu langkah yang amat baik kerana tekanan dan permintaan untuk rumah kos rendah akan diringankan. Bertambah dengan 200,000 unit perumahan kos rendah yang berharga RM25,000 itu yang akan dan dijangkakan dibina di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh ini.

Ini bermakna bahawa sejumlah 550,000 unit perumahan kos rendah atau rumah kos sederhana rendah akan dibina dalam tempoh lima tahun ini. Tetapi masalahnya adalah pelaksanaan dan pengagihan unit perumahan di tempat keperluannya. Dalam hal ini, perbadanan perumahan nasional boleh memainkan peranan dalam hal pelaksanaan dan pengagihan rumah-rumah kos rendah dan kos sederhana ini serta mengatasi masalah perumahan di negara kita khasnya untuk golongan rakyat termiskin.

Tetapi untuk mengatasi masalah perumahan ini memerlukan cara dan idea yang begitu inovatif, kreatif dan fleksibel. Kita memerlukan strategi yang berlainan di antara bandar dan luar bandar. Di luar

bandar harga tanah adalah rendah jika dibandingkan dengan harga tanah di pusat bandar. Jadi, cara pembinaan rumah seperti perumahan berkelompok atau 'cluster zinc side and services' secara membina sendiri, 'self help' atau 'core housing concept' dan sebagainya boleh digunakan.

Tetapi di pusat bandar di mana harga tanah lebih tinggi, kita perlukan satu strategi 'cross subsidy' sebelum rumah kos rendah dapat dibina. Skim perumahan rumah sewa untuk rakyat yang termiskin di bandar dan luar bandar yang dilaksanakan oleh kerajaan melalui Bank Negara patutlah digalakkan. Dengan cara ini, sekurang-kurangnya masalah perumahan untuk rakyat termiskin khasnya di pusat-pusat bandar dapat diatasi.

Tetapi isu yang telah timbul sekarang adalah isu rumah pangsa kos rendah yang bercorak dua bilik, sekarang ada permintaan bahawa unit perumahan kos rendah sekurang-kurangnya mempunyai tiga bilik tidur. Saya berpendapat bahawa rumah bercorak dua bilik, sepatutnya terus dibina, tetapi rumah kos rendah yang mempunyai tiga bilik patut digalakkan. Mungkin harga selling sebanyak RM25,000 ini untuk perumahan tiga bilik ini mungkin dibenarkan kenaikannya.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang wujud sekarang merupakan satu situasi 'mismatch'. Lebih banyak kawasan perumahan setinggan dan bangunan di bawah kawalan sewa terdapat di pusat bandar. Jadi, masalah perumahan di pusat bandar adalah lebih rumit, jika berbanding dengan masalah di luar bandar. Tetapi oleh kerana harga tanah di luar bandar lebih rendah, lebih banyak perumahan kos rendah telah dibina di luar bandar dan keadaan yang wujud sekarang ialah masih terdapat rumah kos rendah di luar bandar yang masih kosong kerana tiada orang yang ingin membelinya.

Sebagai satu langkah untuk mengatasi masalah 'mismatch' ini ialah dengan cara untuk memaksa segala projek perumahan kos rendah dibina di pusat bandar dan bukan di luar bandar, jika projek pemaju itu terletak di pusat bandar. Mungkin sebagai satu cara untuk menggalakkan pembinaan perumahan kos rendah di bandar ialah dengan satu skim perumahan kos rendah yang lebih fleksibel di mana harga se unit perumahan kos rendah adalah tertakluk kepada harga tanah, lokasi, bilangan bilik tidur sama ada dua atau tiga dan kualiti pembinaannya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada 'mismatch' yang berkaitan dengan pengagihan rumah dan lokasi, satu lagi 'mismatch' yang berlaku adalah berkenaan dengan pengagihan rumah kos rendah

di antara golongan miskin yang mana terdapat permohonan yang tidak layak pun dapat rumah kos rendah. Kejadian seperti ini boleh dikurangkan jika Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menubuhkan satu sistem database pemohon-pemohon berkomputer untuk seluruh negara dengan kerjasama semua kerajaan negeri supaya satu senarai pemohon yang lebih sempurna dapat diwujudkan.

Dan jika senarai ini dapat diselaraskan dengan rekod komputer di Jabatan Hasil Dalam Negeri atau rekod komputer nilai harta atau 'assessment' di majlis perbandaran atau tempatan, kerajaan dapat tahu maklumat yang lebih tepat tentang latar belakang pemohon-pemohon rumah kos rendah dan barulah kita tahu tentang pemohon rumah kos rendah yang palsu dan mereka ini patutlah di tolak permohonannya.

Dan jika senarai pemohon yang sebenar dan berkomputer ini dapat diselaraskan dengan bank untuk stok unit perumahan kos rendah yang saya akan cadangkan nanti, saya yakin bahawa kita boleh mewujudkan satu pengagihan rumah kos rendah yang lebih adil dan saksama di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah bercadang memulakan satu bank untuk pokok. Di sini, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan sebuah bank untuk unit perumahan kos rendah untuk pusat bandar dan luar bandar. Dan dengan bank perumahan ini, kerajaan boleh menambahkan stok perumahan kos rendah yang boleh dijual atau disewa kepada rakyat termiskin dan bank untuk perumahan ini boleh juga digunakan sebagai satu stok yang mana pemaju yang ingin memaju dan memenuhi syarat-syarat membekal rumah kos rendah boleh membelinya.

Sebagai satu cara alternatif juga, pemaju-pemaju boleh dibenarkan membayar sumbangan wang kepada satu tabung perumahan yang boleh digunakan oleh kerajaan untuk membina rumah kos rendah secara cross subsidy. Dan dengan strategi cross subsidy dan dengan cara penubuhan tabung perumahan serta satu bank untuk stok unit perumahan kos rendah dan melalui penyelarasan perbadanan perumahan nasional, saya yakin bahawa kita boleh mengatasi masalah perumahan yang dihadapi oleh golongan termiskin.

Kita mesti sedar bahawa masalah perumahan untuk golongan miskin akan menjadi lebih serius apabila Akta Kawalan Sewa dimansuhkan pada 1hb. September 1997. Dalam jawapan kepada soalnya tentang jumlah bangunan di bawah Akta

Kawalan Sewa, Pulau Pinang mempunyai lebih kurang 12,000 bangunan yang terlibat dan lebih kurang 16,000 keluarga yang terlibat. Jika kerajaan dapat menubuhkan satu bank untuk perumahan kos rendah, serta satu tabung sumbangan perumahan kos rendah untuk membantu Perbadanan Perumahan Nasional dan dengan satu sistem yang lebih fleksibel dan dengan satu sistem perumahan yang begitu inovatif dan dengan memberi kebebasan untuk pembeli memilihnya, barulah satu sistem demokrasi kepunyaan rumah (house owning democracy) dapat diwujudkan dalam masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan, Dewan ini telah diberitahu bahawa kerajaan akan melaksanakan beberapa strategi penting seperti pengkorporatan institusi pengajian tinggi supaya institusi tersebut lebih dinamik serta dapat mengoptimumkan segala kemudahan dan sumber yang dimiliki. Telah lebih setahun selepas beberapa akta-akta berkenaan dengan pendidikan yang diluluskan oleh Parlimen. Akta-akta seperti Akta Pendidikan; Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta; Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan); Majlis Pendidikan Tinggi Negara dan Akta Lembaga Akreditasi Negara, semua ini telah diluluskan untuk tujuan pengkorporatan universiti tempatan serta penubuhan universiti dan pusat pengajian swasta. Tetapi sehingga sekarang nampaknya tiada apa-apa perkembangan tentang pengkorporatan universiti tempatan serta penubuhan universiti swasta, kecuali Universiti Telekom dan sebagainya.

Sehingga sekarang ramai di kalangan kakitangan universiti khususnya kakitangan akademik masih gelap tentang butir-butir dan pelan-pelan pengkorporatan universiti tempatan. Ramai di kalangan kakitangan akademik cuba mendapat butir-butir dan maklumat yang lebih lanjut, tetapi sentiasa menghadapi jalan mati. Jadi, apakah butir-butir dan pelan yang terperinci tentang pengkorporatan universiti tempatan yang boleh diedarkan kepada para akademik di universiti-universiti tempatan. Apakah jawatankuasa yang telah ditubuhkan di peringkat pusat atau di peringkat universiti untuk menyelaraskan pelaksanaan pengkorporatan universiti ini?

Tetapi sebelum universiti-universiti tempatan dikorporatkan, saya berharap beberapa masalah yang masih wujud dapat diselesaikan supaya usaha pengkorporatan universiti dapat menubuhkan satu universiti atau pusat pengajian tinggi yang cemerlang dan bukan cuma satu wajah yang baru dari segi rupanya, tetapi bukan dari isi kandungannya.

Semua orang tahu bahawa yuran pendidikan akan dinaikkan selepas pengkorpotan universiti. Tetapi apakah kadar kenaikan yuran ini dan apakah jangka masa ini, sama ada kenaikan yuran pendidikan universiti ini adalah secara peringkat atau sekali gus? Kekurangan maklumat yang lebih terperinci telah mengakibatkan keraguan yang telah timbul di kalangan pelajar dan ibu bapa mereka. Apakah tabung pinjaman wang sama ada dari pihak universiti, agensi baru kerajaan ataupun bank-bank swasta yang telah ditubuhkan untuk membantu mereka yang tidak mampu membayar yuran cadangan yang baru ini.

Saya bercadang bahawa satu tabung biasiswa wawasan ditubuhkan untuk membantu pelajar-pelajar universiti tempatan yang miskin, yang telah mencapai keputusan peperiksaan yang cemerlang dalam Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia atau semasa tahun pertama universiti tanpa mengira kaum atau agama, mungkin untuk memastikan bahawa mereka ini adalah dari golongan yang termiskin.

Satu laporan tentang pendapatan ibu bapa atau latar belakang boleh didapati dari Jabatan Hasil Dalam Negeri atau dari Pegawai Daerah atau Jabatan Kebajikan Masyarakat perlu dilampirkan dengan permohonan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita nampak di beberapa pusat bandar yang besar seperti Pulau Pinang, di mana ramai orang berbaris dan merebut untuk mendapat borang-borang permohonan kemasukan universiti tempatan sehingga terdapat kejadian yang tidak diinginkan dan ada pula orang yang cedera dalam huru-hara ini.

Kejadian merompak dan kekurangan borang permohonan kemasukan universiti berulang setiap tahun. Apakah langkah-langkah yang telah diambil atau akan diambil oleh Kementerian Pendidikan supaya masalah-masalah kekurangan borang permohonan ini dapat diatasi dan kejadian yang tersebut tidak berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat minta gulung.

Tuan Chia Kwang Chye: Ya, saya akan gulung, Tuan Yang di-Pertua.

Saya berpendapat bahawa Kementerian Pendidikan boleh mengikut contoh yang diambil oleh syarikat pengeluaran saham dalam usaha penyenaian syarikat-syarikat di papan Bursa Saham Kuala Lumpur. Untuk panduan orang awam, mungkin borang-borang ini dapat dicetak dan diedarkan melalui surat khabar dan dengan cara ini lebih ramai orang boleh dapat borang ini.

Akhir sekali, kita adalah dalam zaman siber atau elektronik dan Malaysia menuju ke arah

Multimedia Super Corridor. Dengan projek seperti Smart Card dan Smart School kita perlu memberi kesempatan kepada pemohon-pemohon masuk universiti, mengisi borang dan membuat permohonan mengikut Internet, kerana dengan cara pengisian borang melalui Internet atau E-mail, barulah kita dapat meninggikan produktiviti ini. Dengan ini saya mohon menyokong, sekian terima kasih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam atau manakala selesai perbahasan pada hari ini, yang mana terdahulu.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada sebuah Usul yang berbunyi:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam atau manakala selesai perbahasan pada hari ini, yang mana terdahulu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam atau manakala selesai perbahasan pada hari ini, yang mana terdahulu.

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Perbahasan disabung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong.

5.50 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Titah Ucapan ke bawah Duli

adalah merangkumi banyak bidang, saya tidak sempat menyentuh semua kerana masa yang singkat untuk semua ahli yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh tiga perkara. Pertama, keputusan SPM 1996, yang kedua, permasalahan sosial dan yang ketiga, iktibar salah pengurusan Perwaja.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama mengenai keputusan SPM. Pada 31hb. Mac 1991, Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah mengumumkan keputusan peperiksaan SPM tahun lepas yang merupakan yang terbaik dalam sejarahnya dengan mencatatkan 69.7% kelulusan - peningkatan sebanyak 2.6% dari tahun sebelumnya iaitu 67.1%. Pada tahun lepas seramai 290,215 pelajar telah mengambil SPM manakala 15,917 lagi menduduki peperiksaan SPM Vokasional.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat banyak faktor yang mempengaruhi keputusan peperiksaan seperti SPM. Yang Berhormat Menteri mengatakan pencapaian tersebut merupakan hasil usaha Kementerian Pendidikan yang mengadakan gerak gempur bagi mata pelajaran matematik dan sains serta penjadualan semula cuti sekolah dan tempoh peperiksaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri telah mencapainya publisiti yang baik. Di dalam sejarah Kementerian Pendidikan ini publisiti yang paling baik sekali. Saya berharap keputusan tersebut dapat benar-benar membayangkan bakat-bakat yang akan dididikan menjadi pakar, para profesional dan para pekerja mahir yang diperlukan untuk mencapai satu negara yang benar-benar maju. Saya belum menyaksikan satu kajian yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan untuk mengetahui pertalian di antara keputusan peperiksaan seumpama SPM dan SPVM dengan bilangan pakar profesional dan pekerja mahir yang berkaliber yang bakal diwujudkan.

Walaupun keputusan tersebut nampaknya baik, ia tidak semestinya akan membayangkan hasil masa depan. Sekiranya kajian secara praktikal dapat diadakan kita akan mengetahui apakah kelemahan-kelemahannya lalu mencari langkah-langkah untuk memperbaikinya. Sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru supaya Kementerian Pendidikan mengkaji secara praktikal pertalian atau perkaitan di antara keputusan peperiksaan SPM dan SPVM dengan bilangan pakar, ahli profesional dan pekerja mahir yang dapat diwujudkan di negara ini untuk menyahut milenium yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Selamat datang ke Parlimen, Kepong. Sudah malam baru sampai. Soalan saya adakah Kepong tidak menghayati atau tidak bersetuju bahawa kita perlu memberikan satu kalung bunga kepada guru-guru kerana usaha merekalah yang gigih mengadakan gerak gempur tertentu, ada yang malam bukakan kuliah, kelas tambahan, ada saya dengar cerita mereka keluarkan wang mereka sendiri untuk menyediakan kopi kepada anak murid. Adakah ini tidak diberi pengiktirafan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah itu Yang Berhormat. Sila, sila ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rompin, saya memang menyetujui bahawa bagi semua guru yang berdedikasi, kita mesti mengatakan syabas di sini, memang! Tetapi adakah kalau kolej itu mencapai keputusan 100%, ini menggambarkan keadaan yang sebenar? Adakah? Kalau itulah gambaran yang tulen, saya bersetuju, kalau tidak, maka ini untuk publisiti sahaja kerana kalau kita hendak dapat 100% cara songsang pun boleh diambil. Kita hanya turunkan markah kelulusan, maka 100% dicapai. Itu maksud saya. Saya tidak mengatakan Lembaga Peperiksaan berbuat demikian, cuma saya menyeru satu kajian yang praktikal dibuat untuk mengetahui pertalian atau perhubungan atau kaitan di antara keputusan peperiksaan dengan hasil yang bakal diadakan di negara ini, kerana kita perlukan ramai saintis, profesional dan pekerja mahir untuk menyahut era baru. Saya tidak ada masa, masa depan kita boleh berbahas lagi untuk masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah sosial. Pada masa yang lalu saya berulang kali menyuarakan permasalahan sosial. Misalnya, pada tahun lalu saya menekankan bahawa begitu pentingnya bagi pembangunan rohani dan jasmani dan juga saya membangkitkan satu bom jangka sosial ekonomi yang mungkin akan meletup jika kita tidak mengambil langkah-langkah yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, memang permasalahan sosial ekonomi telah timbul sejak adanya manusia di bumi manusia ini. Malaysia dengan pembangunan ekonomi, teknologi dan sains, penjenisan dan peratusan permasalahan sosial telah berubah. Sama ada bertambah dengan banyak ataupun tidak, saya tidak pasti. Walaupun Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan

Masyarakat mempunyai perangkaan untuk trend bagi permasalahan sosial masa kini, kita berpendapat kementerian tersebut belum lagi membuat kajian yang mendalam untuk mendapat tahu keadaan yang sebenarnya.

Oleh kerana masa yang singkat, saya tidak dapat membincangkan dengan lebih mendalam, cuma angka dari pihak kementerian ialah, misalnya, bilangan kes penganiayaan kanak-kanak telah meningkat daripada 511 pada tahun 1990 kepada 1,009 pada tahun 1996 dan banyak lagi, ada 14 ataupun lebih 20 kes dan masalah yang disebutkan di sini, cuma satu lagi saya beri - jenayah remaja. Jenayah di kalangan remaja telah meningkat dari 2,480 kes pada tahun 1980 kepada 4,012 kes pada tahun 1995. Daripada angka-angka seumpama ini, kita tahu adalah masalah itu menjadi lebih serius.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Jawatankuasa Kabinet bagi membanteras masalah-masalah sosial yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri serta Majlis Perundingan Pembangunan Masyarakat Negara dapat membuat satu kajian menyeluruh untuk mengetahui permasalahan sosial yang benar-benar membayangkan keadaan sebenar di negara ini. Itu satu seruan dari saya kerana ini bukan satu masalah atau isu di kalangan masyarakat, bahkan ini satu isu nasional.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi untuk menangani masalah yang begitu rumit ini ialah mengadakan satu agensi, satu payung untuk menyelaraskan semua aktiviti untuk membanteras masalah sosial di negara ini.

Kerana yang kita tahu banyak agensi yang terlibat, termasuk agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan yang juga hendak mengemukakan langkah-langkah untuk menyelesaikan masalah sosial ini. Kalau kita ada agensi payung yang dapat menyelaraskan semua aktiviti ini, mungkin kita dapat mewujudkan langkah-langkah yang lebih berkesan di negara ini.

Akhirnya, perkara yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, mengenai iktibar yang hendak kita pelajari daripada salah urusan Perwaja. Walaupun ada masalah ini ada dibangkitkan tahun yang lepas, dan ada jawapan pada zahirnya daripada pihak Kementerian Kewangan, tetapi setakat ini kita tidak tahu laporan mengenai masalah Perwaja ini sama ada telah dibentangkan kepada Kabinet. Kalau dibentangkan kepada Kabinet, bilakah dapat diumumkan untuk diketahui oleh umum. Ini satu perkara yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengingatkan Dewan yang mulia ini....

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, cuma saya hendak minta keterangan lanjut sebab saya hendak kena gulung Yang Berhormat cakap tadi. Tadi jawapan, pada zahirnya lain jawapan. Pada batinnya - apa yang dimaksudkan jawapan....

Dr. Tan Seng Giaw: Maksudnya 'superficial answer', itu maksud saya.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Superficial.

Dr. Tan Seng Giaw: Pada muka sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: 'Superficial' itu maknanya 'zahir'. [Ketawa]

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Sebab kalau dia kata 'zahir', maksudnya saya kena jawab secara batin.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya sukalah kalau dia hendak jawab secara batin, kerana kita hendak tahu laporan batin yang bakal dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memperingatkan Dewan yang mulia ini mengenai Perwaja. Yang pertama, salah urusan. Factory prototype yang belum lagi diujikan, dibeli daripada pihak Jepun untuk kilang di Kemaman, Terengganu. Ini kita sudah pun disembelih oleh pihak Jepun. Betul-betul disembelih. Kemudian, apabila ada perubahan, iaitu pihak urusan Perwaja ada buat betul juga kerana kilang yang baru didirikan dan ada kaedah yang lebih kurang betul. Kerana saya setuju, kita hendak melaburkan dalam industri berat modalnya memanglah sangat tinggi. Kita tidak nafi pakar profesional dan pekerja mahir mengambil masa, saya setuju. Tetapi walau bagaimanapun, salah urusan termasuk kilang di Kemaman dan kemudian besi yang dikeluarkan dari Kemaman diangkut ke 'Gerun'. Tambahan kos pengangkutan lebih RM100 satu tan. Keluaran 400,000 setahun, cuba bayangkan, Tuan Yang di-Pertua, begitu mahal, dan pelaburan itu tidak munasabah. Itu masalah salah urusan.

Mungkin faktor politik, kerana hendak bangun industri di Kedah. Saya tidak menafikan kita mesti membangunkan industri di negeri Kedah. Tetapi dengan cara yang lebih munasabah. Ini salah urusan, Tuan Yang di-Pertua, kerana setiap tan besi sponge, iaitu billet 'brigated iron', sponge iron itu dikeluarkan di Kemaman, kemudian dijadikan brigated dan diangkut ke 'Gerun', dengan tambahan....

Seorang Ahli: Gu....gu. Gurun.

Dr. Tan Seng Giaw: Gurun. Walau bagaimanapun, ini tambahan bagi setiap tan besi itu, kos pengangkutan tambah lebih RM100, Tuan Yang di-Pertua. RM800,000 setahun, bayangkan begitu mahal pengangkutannya dan tidak munasabah. Tambahan pula kilang di Gurun, pada mulanya kilang ini oleh pihak syarikat Itali itu dimaksudkan untuk Iraq - Saddam Hussein. Kerana di pihak Saddam Hussein itu ia hendak jadikan kilang ini untuk membuat peluru, senjata dan sebagainya. Kerana Iraq menceroahi Kuwait dan timbulkan perang Teluk, dan pihak syarikat Itali tidak dapat jualan kilang ini kepada Saddam Hussein dan dijual kepada Malaysia. Tetapi itu satu kilang yang canggih. Rolling Mill yang sangat canggih yang tidak dapat digunakan di Gurun dengan lebih baik, dengan lebih efektif. Cuma untuk rolling mill sahaja.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, kita hendak pergi ke Gurun dari Kuala Lumpur, kita boleh naik Proton Saga ataupun boleh naik BMW yang termahal ataupun Mercedes yang termoden, kita boleh. Tetapi kita sampai di situ juga. Kalau had laju lebu raya kita, 110 kilometer satu jam. Walaupun Proton Saga ataupun Mercedes yang termoden kita sampai di situ masa yang lebih kurang sama sahaja. Kita beli kilang daripada Itali yang dimaksudkan untuk Saddam Hussein kerana perbuatan Saddam Hussein tidak dapat dijual kepada Iraq dan kemudian dijual kepada kita yang didirikan di Gurun. Itu masalah kita. Ini kilang yang sangat canggih bukan main.

Saya setuju ada pekerja-pekerja mahir di situ yang dilatih menjadi lebih mahir, itu satu hasil yang baik. Walau bagaimanapun, kilang itu begitu sophisticated. Kita tidak dapat menggunakan dengan baik. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kilang itu RM400 juta, kita mesti keluarkan dengan produksi itu tinggi. Dengan RM400 juta kilang mungkin kita keluarkan 800,000 tan ataupun lebih dua-tiga-empat kali ganda yang dikeluarkan sekarang. Itu cara yang baik. Inilah satu salah pengurusan yang wujud dengan Syarikat Perwaja. Kita perlu mempelajari dari iktibar ini, kerana salah pengurusan ini adalah selama lebih satu dekad.

Tuan Yang di-Pertua: Minta gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya gulung, Tuan Yang di-Pertua. Saya memang mematuhi kepada arahan daripada Kerusi, Tuan Yang di-Pertua.

Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, saya ada menyebutkan mengenai keputusan peperiksaan SPM dan SPTM yang kita tidak mengetahui sama

ada membayangkan hasil yang bakal diwujudkan di negara ini, hasil para profesional, hasil pakar, hasil pekerja mahir.

Yang kedua, mengenai permasalahan sosial yang kita perlu mengadakan kajian secara praktikal, kajian menyeluruh untuk seluruh negara kerana ini isu nasional dan juga satu agensi payung untuk menyelaraskan semua langkah yang diambil oleh pelbagai agensi kerajaan, akhir sekali saya menyeru supaya laporan 'batin' dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini mengenai iktibar Perwaja selama lebih satu dekad. Sekian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Segambut.

Tuan Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang membahas pada petang ini. Sebelum saya memulakan ulasan saya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi Titah Diraja Baginda. Saya menyokong dengan sepenuhnya daya usaha kerajaan untuk membangunkan negara Malaysia bagi kebaikan rakyat Malaysia.

Masalah sosial pemuda Malaysia - Pada masa ini masalah sosial yang di alami oleh pemuda kita telah mencapai kadar yang mencemaskan. Sebahagian daripada mereka mengambil pil-pil ecstasy supaya mereka boleh berhayal. Sebahagian yang kecil lagi mengambil dadah. Pil-pil ecstasy dan dadah ini di katakan senang didapati daripada pengedar-pengedar dadah di kelab-kelab malam. Apa yang memburukkan situasi ini ialah kenyataan bahawa sesetengah daripada rakyat Malaysia yang kaya memanjakan anak-anak mereka yang kadang kala semuda 15 tahun dengan memberikan mereka kad-kad kredit dan wang tunai yang terlalu banyak. Oleh kerana itu, pemuda kita mampu membeli pil-pil ecstasy dan dadah daripada pengedar-pengedar dadah di kelab-kelab malam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed, Perdana Menteri kita telah menyatakan bahawa kita berhasrat menjadi negara maju selewat-lewatnya pada tahun 2020 di mana rakyatnya memegang teguh kepada nilai-nilai moral dan tingkah laku yang tinggi. Bagi mencapai wawasan ini rakyat Malaysia mesti membanteras masalah-masalah tersebut yang di alami oleh pemuda kita. Di sini saya ingin mengemukakan beberapa cadangan bagi membanteras masalah-masalah tersebut.

Cadangan pertama, kita mesti memupuk nilai-nilai kejiwaan dan keagamaan di kalangan pemuda kita. Kita hanya akan berjaya berbuat demikian jika

ibubapa-ibubapa Malaysia telah dipupuk dengan nilai-nilai kejiwaan ini ataupun mereka sendiri boleh mempelajari dan menyedari nilai-nilai kejiwaan ini melalui agama mereka masing-masing. Nilai-nilai kejiwaan ini sangat penting bagi membanteras masalah sosial pemuda kita. Apa sahaja agama yang kita amalkan mesti membawa kepada perubahan cara kehidupan dan perubahan sikap kita. Selanjutnya ibu bapa-ibu bapa Malaysia seharusnya lebih menitikberatkan nilai-nilai kejiwaan ini dan kurang menitikberatkan falsafah materialisma kepada anak-anak mereka.

Cadangan kedua, kita mesti membina unit keluarga yang teguh. Unit keluarga yang teguh bermakna keluarga yang bertakwa, keluarga yang mempunyai perhubungan yang kukuh di antara satu sama lain dan keluarga di mana ahli-ahlinya menghormati satu sama lain dan menghormati orang-orang lain. Ini boleh dicapai dengan proses-proses pelajaran dan penyedaran oleh kesemua ahli keluarga terutamanya oleh ibu bapa-ibu bapa Malaysia.

Cadangan ketiga, ibubapa-ibubapa kita mesti mempunyai kemahiran ataupun kecekapan membesarkan anak-anak mereka. Yang penting sekali di sini ialah kenyataan bahawa ibu bapa mesti menjadi teladan kepada anak-anak mereka. Misalnya, jika seorang bapa merokok bagaimanakah dia boleh melarang anaknya merokok?.

Cadangan keempat, kerajaan harus menyediakan atau memerlukan aktiviti-aktiviti yang produktif bagi pemuda kita supaya mereka boleh meluangkan masa dengan penuh daya cipta. Kemudian kerajaan harus mempengaruhi pemuda kita supaya menyertai aktiviti-aktiviti tersebut. Kementerian Belia dan Sukan harus menyertai rancangan seperti ini, mungkin Kementerian boleh merancang untuk menjadikan program rakan muda lebih menyeluruh. Dia juga boleh merancang untuk membina pusat-pusat masyarakat tempatan ataupun "community centres" ataupun "community club" yang mempunyai berbagai kemudahan bagi aktiviti-aktiviti pemuda.

Penswastaaan - Pada masa kini adalah nyata bahawa dasar penswastaaan negara kita tidak mempertingkatkan proses penswastaaan yang dapat diperhatikan oleh rakyat dengan terang dan jelas. Rakyat memerlukan proses penswastaaan yang terang dan jelas kerana bersatu bagi sesetengah projek penswastaaan semua rakyat dikenakan bayaran tarif sama ada rakyat Malaysia sudi membayarnya ataupun tidak. Misalnya projek perkhidmatan pembedaan Indah Water Konsortium dan projek pengurusan sisa pepejal negara yang belum dilaksanakan lagi.

Kedua, bagi sesetengah projek penswastaaan, aktiviti-aktiviti kawalan awam diserahkan kepada sektor swasta, misalnya PUSPAKOM.

Ketiga, setengah badan yang diswastakan mempunyai kewajipan

moral bagi menyediakan perkhidmatan yang efisien bagi rakyat misalnya Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia Berhad.

Keempat, sesetengah badan yang diswastakan mengeluarkan produk-produk yang dilindungi oleh cukai-cukai import misalnya kereta-kereta yang dikeluarkan oleh Proton Berhad dan diedarkan oleh EON Berhad.

Kelima kesemua badan yang diswastakan adalah badan-badan yang diwujudkan dan dikendalikan dengan kewangan awam di mana aset-aset, labiliti-labiliti dan operasi-operasi badan-badan tersebut telah ataupun akan diserahkan kepada sektor swasta.

Bagi memastikan supaya projek-projek penswastaaan diperhatikan dengan terang dan jelas oleh rakyat, kerajaan terutamanya agensi-agensi seperti Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Unit Perancangan Ekonomi haruslah berunding dan meminta pandangan daripada rakyat atau wakil-wakil rakyat bagi perkara-perkara penting di dalam perjanjian-perjanjian konsesi dan juga di dalam rang undang-undang yang akan melancarkan sesetengah projek penswastaaan.

Sebuah jawatankuasa perundingan yang disertai oleh kumpulan-kumpulan yang mempunyai kepentingan-kepentingan dalam menjayakan dasar penswastaaan negara kita mungkin boleh ditubuhkan untuk membantu kerajaan dengan proses perundingan tersebut. Kerap kali apabila kami selaku ahli-ahli Parlimen meminta kenyataan dari kerajaan mengenai sesebuah projek penswastaaan kami selalu akan diberitahu bahawa semua perancangan dan perundingan yang diadakan bagi projek tersebut adalah sulit. Perancangan bagi projek-projek penswastaaan di negara kita sememangnya "fait accompli" iaitu sesuatu yang dilakukan dan oleh kerana itu tidak perlu dipersoalkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana situasi 'fait accompli' ini, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Ahli-ahli Parlimen dan jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat terpaksa menyelesaikan masalah seperti kesesakan lalu-lintas yang teruk, misalnya di Kuala Lumpur, jalan-jalan raya yang terlalu sempit, timbunan sampah-sarap yang menyalahi undang-undang dan sekolah-sekolah yang tidak mempunyai bilik darjah yang mencukupi.

Proses penswastaaan yang terang dan jelas boleh diadakan pada semua tahap proses tersebut iaitu dari proses tender sehingga penyerahan aset-aset, liabiliti-liabiliti dan operasi badan awam yang berkenaan kepada sektor penswastaaan. Sebagai kesimpulan, saya telah mengulas tentang masalah sosial pemuda Malaysia dan juga tentang penswastaaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Hulu Langat.

6.21 ptg.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya seperti juga rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain menjunjung kasih Kebawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Baginda tempoh hari. Dan juga syabas kepada Kerajaan Malaysia kerana kejayaan memajukan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun, dalam kesempatan yang singkat ini, saya cuma mengambil beberapa kesempatan untuk membangkitkan beberapa masalah walaupun sebahagiannya telah pun disebut oleh rakan-rakan yang lain, tetapi saya mulakan dengan masalah kemalangan jalan raya iaitu kemalangan maut yang terus meningkat seperti yang kita ketahui sehari dua ini heboh lagi diperkatakan.

Tetapi mengikut perangkaan yang berdasarkan penyelidikan yang dibuat oleh seorang pakar yang terlibat dalam jalan raya, seorang pakar dari sebuah universiti tempatan, 41% daripada mereka yang maut adalah remaja yang berusia di bawah 21 tahun, manakala 21% lagi daripada jumlah itu adalah mereka yang berusia 16 tahun ke bawah.

Tuan Yang di-Pertua, inilah yang harus dibanteras, kerana golongan ini merupakan golongan pelapis, jika dalam usia 21 tahun mereka telah berkubur di jalan raya, apakah akan terjadi dalam masa sepuluh tahun yang akan datang ini? Kilang-kilang atau industri sangat-sangat memerlukan mereka, tetapi dalam perjalanan ke kilang, mereka maut di jalan raya. Kalau mereka tidak maut kerana kecuaiian sendiri, mereka maut seperti saudara-saudara kita yang tujuh orang yang dilanggar oleh kereta kelmarin. Ini amat membimbangkan! Turut membimbangkan ialah mengenai 21% lagi iaitu mereka yang berusi 16 tahun ke bawah, tentulah mereka ini tidak mempunyai lesen kerana lesen dikeluarkan kepada mereka yang berusia 16 tahun ke atas.

Di sinilah kita harus menitikberatkan penguatkuasaan iaitu mengambil tindakan terhadap golongan ini, umpamanya yang hendak saya tekankan ialah terhadap golongan yang di bawah 16 tahun ini, siapakah mereka? Mereka belum layak

sangat dipanggil remaja, tetapi kebanyakannya adalah pelajar-pelajar sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, di sinilah peranan kita sebagai ibu bapa, saya, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain semuanya mempunyai anak, peranan kita ialah membanteras mereka, bukannya menunjukkan kasih sayang dengan membelikan motosikal.

Kita tidak boleh menunjukkan kasih sayang semata-mata dengan membelikan motosikal sementara kita sebagai ibu dan bapa sibuk mencari rezeki, sibuk meningkatkan ekonomi, anak kita sibuk dengan motosikal. Inilah kesilapan yang harus kita betulkan.

Ini merupakan perangkaan yang agak besar - 21%. Tadi saya katakan, kalau 21% maut di jalan raya, tak ada pekerja nanti, sepuluh tahun nanti, kilang-kilang kita kosong, kakitangan kerajaan tak apa jugalah, sebab kita hendak kurangkan. Bagaimana dengan badan-badan yang diswastakan, kilang-kilang ini? Kemudian 21% lagi maut di jalan raya, merupakan pelajar-pelajar yang berusia 16 tahun yang kita harapkan hendak jadi pemimpin, yang kita harapkan hendak menjadi teknokrat, dengan sibuk-sibuk kita dengan Koridor Raya Multimedia (MSC), tiba-tiba besok kita tidak ada orang.

Harapan kita ialah supaya Kementerian Pengangkutan, Jabatan Pengangkutan Jalan khususnya akan terus menguatkuasakan undang-undang dan mengambil apa juga langkah yang positif untuk membendung atau membanteras masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mencadangkan supaya JPJ atau pihak polis atau siapa juga pihak berkuasa tidak hanya menjalankan kegiatan pembanterasannya ini bersendirian, tetapi hendaklah bersepadu. Umpamanya, saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan yang kebetulannya adalah Pengerusi Belia 4B kerana mengambil daya usaha menggerakkan Belia 4B di peringkat Persekutuan, disalurkan ke negeri dan kemudiannya ke kawasan supaya sama-sama terlibat dalam satu program yang dipanggil Belia di Jalan Raya. Salah satu programnya ialah ahli-ahli jawatankuasa belia di kawasan bekerjasama dengan polis dan JPJ mengadakan operasi keselamatan, operasi mencegah perlumbaan haram dan sebagainya.

Ini adalah lebih baik daripada pihak polis atau JPJ melaksanakan tugas mereka bersendirian. Umpamanya dalam satu operasi yang dijalankan di Kajang minggu lepas, 12 orang polis dan 12 orang

ahli jawatankuasa belia, sekurang-kurangnya 12 orang belia ini merasa mereka mempunyai peranan dan mereka mempunyai kesedaran tentang perlunya menjaga keselamatan di jalan raya.

Saya harap bukan sahaja Belia 4B tetapi badan-badan yang lain di bawah MAYC atau apa-apa juga badan bukan kerajaan akan turut terlibat dan dilibatkan dalam program membanteras kemalangan maut di jalan raya ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan masalah di jalan raya ini, kita lihat sudah ada usaha untuk melarang pemandu menggunakan telefon bimbit, tetapi bagaimana pula dengan penunggang motosikal? Ada juga yang menggunakan telefon. Saya salah seorang yang menunggang motosikal, tetapi tidak adalah menggunakan telefon sambil menunggang motosikal. Tetapi saya melihat sendiri, ada juga sambil bermotosikal boleh lagi menggunakan telefon. Kita pun berasa hairan, dia sanggup buka topi keledar sebelah dan dengar di sebelah lagi, akhirnya kedua-dua tangan tidak pegang handle motosikal. *[Ketawa]* Ini amat merbahaya. Kalau sebelah pun sudah bahaya, kalau kedua-dua tidak pegang handle motosikal, lagilah merbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan remaja kita khususnya yang dibiarkan menghisap rokok ketika menunggang motosikal. Ke mana konsentrasi mereka? Saya tidak hisap rokok, saya tidak tahulah betapa nikmatnya. Tetapi menurut rakan-rakan kalau hisap rokok itu ada kenikmatan yang istimewa.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Sedap!

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Ha, sedap, kata Ahli Yang Berhormat dari Maran. Barangkali, saya tidak tahu! Tetapi yang saya pasti tahu ialah konsentrasi, perhatian mereka akan berubah. -Konsentrasi mereka ialah pada rokok bukannya jalan raya. Tiba-tiba dah tersadai, dah tergolek di jalan raya, asap lain yang datang. Itu nasib baik kalau sedar, adanya asap, kalau terus maut? Bertambah naik lagi jumlah 41% tadi.

Jadi, kita berharap kerajaan akan membuat sesuatu menguatkuasakan ataupun membuat peraturan melarang golongan penunggang motosikal menghisap rokok, makan atau menelefon ketika mereka menunggang. Kalau hendak juga melakukan ketiga-tiga perbuatan ini, berhentilah dahulu di tepi jalan, kita ada banyak tempat yang boleh berhenti. Takkanlah sibuk sangat sehinggakan tak boleh berhenti.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan jalan raya ini sebenarnya ada juga kaitannya dengan masalah sosial, tetapi saya perkatakan dalam masalah sosial ini untuk dikaitkan dengan kemalangan jalan raya dengan bermotosikal ialah perlumbaan haram, banyak muda mudi yang terlibat. Dahulu kita sibuk mendengar, wanita dijadikan hadiah atau habuan kepada mereka yang menang dalam perlumbaan motosikal. Tetapi empat hari lalu, kita melihat di Melaka, kita membacanya di akhbar seorang gadis berusia 17 tahun maut di jalan raya kerana terlibat dalam perlumbaan haram. Dia benar-benar tidak serik, menurut laporan sepuluh hari sebelum maut beliau telah terlibat dalam kemalangan jalan raya dan dimasukkan ke hospital, tetapi nampaknya tidak berkesan juga pengajaran sepuluh hari yang sebelum daripada itu. Nampaknya kesedaran tidak ada. Terpaksalah kita ataupun kerajaan untuk menyedarkan golongan ini betapa pentingnya menjaga keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah sosial. Kita telah banyak kali mendengar masalah rumah kecil, rumah sempit, rumah yang dua bilik, yang sering disalahkan sebagai tempat yang tidak sesuai untuk dihuni sehinggakan mereka melepak ke tempat lain dan menimbulkan masalah sosial.

Bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya percaya rumah yang tidak ada bilik pun kadang-kadang tidak ada masalah juga, tidak ada bilik, tetapi anak boleh dapat 8-10 orang juga - tidak ada masalah.

Satu lagi, rumah yang banyak bilik, banyak juga masalah, sehingga ibu bapa tidak tahu siapa yang ada dalam bilik. Jadi, bukanlah dua atau tiga bilik yang menjadi masalah, tetapi apa yang menjadi masalah ialah isi rumah yang bermasalah. Anak-anak tidak dapat dijaga, tidak dapat diawasi, kerana lantaran seperti yang saya katakan awal-awal tadi, ibu bapa sibuk untuk berusaha mencari nafkah atau meningkatkan ekonomi masing-masing. Yang ada pun di rumah barangkali pembantu rumah dari Filipina atau Indonesia.

Izinkan saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, supaya kita mengembalikan fungsi atau tanggungjawab ibu dan bapa. Di sinilah saya mencadangkan supaya kita memberikan pengiktirafan sebesar-besarnya kepada suri rumah tangga, dengan membenarkan suri rumah tangga yang bekerja atau kakitangan yang menjadi ibu bekerja tidak sampai 8 jam, izinkan mereka bekerja 4 jam atau 5 jam sahaja supaya baki 3 atau 4 jam

mereka kembali ke rumah melihat anak, mendidik anak-anak di rumah, kerana pengiktirafan terhadap tugas dan peranan mereka ini adalah lebih penting. Tugas mereka bukan sekadar melahirkan anak, tetapi melahirkan generasi yang dapat melapiskan kita kemudian kelak, yang dapat menggantikan kita. Kalau mereka boleh melahirkan anak-anak yang bagus, warganegara yang bagus, tentulah negara kita juga sihat. Tetapi kalau sekarang sahaja kita bagus, ibu bapa sibuk dengan peningkatan ekonomi, tetapi anak kita sudah hancur dengan gejala maksiat dan segala jenis gejala 10 atau 20 tahun lagi atau menjelang tahun 2020 hancur keseluruhan negara kita.

Cadangan saya ini hendak juga saya bataskan atau saya syorkan, kalaulah hendak dilaksana elok juga berhati-hati supaya kita dapat juga mengawasi ibu-ibu ini tidak menyalahgunakan pula nanti. Kalau diberi kelonggaran 3-4 jam sehari ada yang sibuk pergi ke parti tuperware pula. Ada juga yang sibuk dengan parti-parti lipstick, menjual make-up atau apa-apa juga.

Tujuan saya membuat cadangan ini ialah supaya mereka kembali ke rumah, mengawasi anak-anak supaya mereka tahu apa yang dilakukan. Saya mengambil contoh tentang betapa satu keluarga tidak tahu tentang apa yang terjadi pada anak.

Saya berharap ianya tidak berlaku pada kita, khususnya saya sendiri. Tetapi inilah pengalaman yang pernah saya lihat, seorang pelajar Tingkatan Dua ditangkap oleh gurunya melaluinya PIBG kerana menonton video lucu. Apabila bapanya dipanggil ke sekolah, bapanya diharapkan mengambil tindakan, tetapi bapanya berkata 'La! Mat, yang Mat tengok ayah punya video buat apa?' katanya. Sudahlah dia tidak tahu apa yang anaknya buat, dia pula terlupa di mana meletakkan video. Apabila kita mengharapkan polis dan sekolah supaya tindakan diambil, itulah sahaja komen yang diberikan. Tetapi kalaulah dapat ada ibu di rumah yang dapat mengawasi perjalanan rumah ini tentulah kalau ada kesilapan bapa dapat dibendung oleh ibu yang dapat pulang ke rumah dalam masa 3 atau 4 jam sahaja.

Masalah sosial ini memang berat, telah pun dinyatakan semalam oleh Ketua Pengarah bahawa banyak finding atau penemuan-penemuan yang mengejutkan. Saya juga baru diberi taklimat oleh Pengarah Kebajikan Negeri Selangor, saya pun amat terkejut iaitu berlakunya gejala maksiat di satu tempat, yang tidak mahu saya sebutkan, yang mana melibatkan pelajar Darjah 2, pelajar perempuan yang

terlibat dengan maksiat dan setiap kali dia 'bersetubuh' dengan umpanan video lucu, dibayar 50 sen sahaja, sekian lama ibu bapa tidak tahu. Dia cuma dapat tahu apabila sekolah memberitahu abang kepada pelajar ini bahawa adiknya banyak kali tidak datang ke sekolah. Abangnya menjalankan siasatan bukan ibu bapanya - abangnya menjalankan siasatan dan mendapati adiknya pergi ke rumah remaja dan berlaku sesuatu yang amat mendukacitakan dan dibayar 50 sen untuk setiap perkhidmatan. Kita tidak boleh menyalahkan kanak-kanak ini, dia baru berusia 8 tahun. Apa pun tidak tahu, nilai 50 sen pun tidak tahu, yang dia tahu dapat ice-cream sebatang, dapat gula-gula, tetapi kita sebagai ibu bapa apa yang kita dapat? Kita akan dapat masyarakat yang runtuh, masyarakat yang akhirnya akan menjadi bukannya 'aset' bukannya 'harta' tetapi menjadi racun kepada masyarakat yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tinggalkan masalah itu kerana banyak yang telah diperkatakan, tetapi saya tidak dapat mengelak untuk menyatakan betapa sedihnya tentang kes 50 sen itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi mengenai ketegasan dan penguatkuasaan kita untuk membanteras atau mengatasi masalah-masalah. Apa juga tindakan, ketegasan yang dilakukan oleh pemimpin hendaklah disokong. Kakitangan sokongan di jabatan-jabatan kerajaan atau apa-apa juga agensi atau NGO hendaklah sama-sama mengatasi masalah ini.

Bulan lalu Ahli Dewan Udangan saya di kawasan Kajang telah dibelasah. Saya tidak tahu apa sebenarnya sebab beliau dibelasah. Tetapi saya dengar-dengar ada kaitan dengan ketegasannya. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak polis kerana tiga orang yang disyaki telah pun ditahan. Tetapi malam tadi sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pengarah DBKL menerima musibah yang sama. Kereta BMWnya dilontar dengan bom, saya sekali lagi tidak tahu apa punca, tetapi saya amat mengesyaki ini ada kaitan dengan ketegasan Datuk Noordin menjalankan tugasnya, hampir saban malam mengetuai operasi demi operasi di Kuala Lumpur. Saya percaya ini ada kaitannya, ataupun apa juga sebab-sebab yang lainnya. Tetapi kenapakah perkara ini, gejala ini terus berlaku bukan sahaja di peringkat besar-besar. Kita tengok dari kecil-kecil lagi, di sekolah murid-murid hentak guru dengan pasu bunga, ditumbuk, berusia 15 tahun sudah melakukan pembunuhan, semata-mata kerana cinta tiga segi. Di luar sekolah ada yang menikam, guru kena tikam. Ada Ketua Pengarah, ADUN kena belasah. Apakah ini masyarakat kita?

Tentu ada sesuatu yang tidak kena sekarang ini Tuan Yang di-Pertua. Marilah sama-sama kita menggembelngkan tenaga, merapatkan pemikiran kita, mencurahkan pandangan-pandangan sama-sama mengatasi, jangan sekali-kali kita menyalahkan mana-mana pihak, tetapi hendaklah kita duduk semeja membincangkannya, mencari penyelesaian.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada satu lagi tajuk iaitu pendidikan 'ko-ko' yang disebutkan oleh sahabat saya daripada Arau tadi. 'Ko-ko' itu ialah 'Kokurikulum' di sekolah-sekolah. Banyak kegiatan yang dijalankan, cuma satu kegiatan yang saya harap-harapkan dapat dilaksanakan di sekolah-sekolah ialah guru-guru mendedahkan pelajar-pelajar tentang sikap berdikari, mengajar mereka bagaimana dapat mengumpulkan wang, mencari sumber, menubuhkan dana kewangan untuk bergerak, tidak lagi mereka ini atau pelajar-pelajar ini diajar atau didedahkan kepada budaya meminta derma atau meminta sumbangan. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, tidak ada yang tidak didampingi oleh pelajar-pelajar ini - semua orang, saya berani kata membohong kalau tidak ada.

Saya tidak mengatakan salah, tetapi adakah ini budaya yang hendak kita dedahkan, mengajar mereka meminta sumbangan peribadi, minta duit, dari mula sekolah sehinggalah ke tahun akhir di universiti - kecenderungan ini masih ada - meminta-minta, bukankah lebih baik kita mendidik anak-anak ini bagaimana membuka atau meluaskan kegiatan mereka melalui kegiatan-kegiatan koperasi. Meminta mereka mengendalikan kantin sekolah. Meminta mereka mengendalikan kedai buku sekolah atau mewujudkan kedai dobi di asrama-asrama sekolah yang berasrama penuh. Kegiatan ini boleh dilakukan dengan kerjasama PIBG.

Saya melihat sebuah sekolah, bukanlah sekolah di kawasan saya, tetapi letaknya sahaja di kawasan saya iaitu Sekolah Menengah Agama Persekutuan di Kajang. Apabila saya pergi merasmikan Mesyuaraf Agung PIBG minggu lepas, saban tahun saya melihat dia mampu mengumpul RM200,000 tanpa meminta-minta pada orang. Mereka menjalankan kegiatan seperti yang saya katakan tadi. Tidak cukup wang dianjurkan penjualan meja untuk mengadakan jamuan malam, buka kedai dobi, mengadakan Hari Kantin, Hari Koperasi dan segala-gala jenis, sehingga mereka mampu memungut RM200,000 - tidak termasuk sumbangan dari mana-mana pihak yang mereka minta-minta. Saya belum pernah mendengar mereka meminta-minta.

Ini harus digalakkan di kalangan pelajar-pelajar supaya mereka boleh berdikari. Mereka dapat menilai sendiri mata pencarian mereka, kalau mereka

diajar dan dididik untuk meminta-minta, meminta sumbangan, meminta derma, suatu hari nanti itulah mereka akan dijadikan oleh pelajar-pelajar ini sebagai panduan hidup iaitu masyarakat subsidi yang telah lama pun kita tinggalkan. Jika dahulu kita memberikan banyak subsidi sekarang sudah tidak ada lagi. Kita tidak mahu mereka hidup senang pada mula dengan subsidi, dengan sumbangan dan derma ini tetapi akhirnya mereka membentuk satu masyarakat yang sangat sulit dan susah hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk kepada projek penswastan iaitu penswastan dua buah lebuhraya yang akan dilaksanakan di kawasan Hulu Langat. Yang pertama telah berulang kali saya nyatakan di dalam Dewan yang mulia ini iaitu lebuhraya dari Cheras ke Kajang yang dilaksanakan oleh Grand Saga. Sehingga hari ini masih lagi menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat tempatan kerana banyak tanah yang akan diambil, ada orang yang telah mendapat duit tetapi masih banyak lagi yang tidak tahu berapa banyak tanah mereka akan diambil, berapa pampasan akan diberi dan ke manakah mereka akan pergi selepas ini. Saya berharap kepada kerajaan khususnya di EPU yang memberikan projek konsesi ini supaya memastikan syarikat-syarikat yang bakal melaksanakan projek penswastan agar membawa perkara ini ke meja perundingan. Beritahulah wakil-wakil rakyat, ketua-ketua masyarakat, ketua kampung, penghulu dan masyarakat tempatan tentang apa yang akan dilaksanakan di depan mata mereka.

Satu lagi lebuhraya akan dibina ialah Lebuhraya Kajang-Seremban yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Seremban kelmarin. Lebuhraya ini akan dilaksanakan oleh Syarikat Lebuhraya Kasih. Namanya 'Kasih' tetapi saya tidak tahu dia kasih kepada siapa? Sehingga hari ini kami hanya mengetahuinya melalui membaca akhbar dan yang lebih menyakitkan telinga ialah diberitahu melalui telefon sahaja. Saya ingat sibuk sangat mereka hendak mencari saya tetapi apabila saya bertanyakan kepada rakan saya dari Seremban, katanya sama juga. Hanya diberitahu melalui telefon bimbit. Adakah itu caranya? Kemudian dihebahkan melalui akhbar, siapakah yang akan menjawab, rakyat bertanya kepada kami? Kami tidak tahu hendak menjawab. Di mana alignment? Mana laluan jalan? Siapa yang terlibat? Bila dibuat? Semua kami tidak tahu tetapi telah dihebohkan di dalam akhbar dan kami cuma dimaklumkan melalui telefon bimbit. Inilah budaya yang kurang baik. Janganlah memberitahu melalui telefon sahaja. Bawalah sekali lagi, saya katakan, bawalah perkara ini berbincang

dan maklumkan kerana tidak ada siapa pun yang akan menentang projek-projek pembangunan tetapi pelaksanaannya haruslah baik supaya kita sama-sama dapat faedahnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah kepada satu lagi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa sudah suntuk untuk Yang Berhormat.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sila gulung.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Ya, terima kasih. Iaitu mengenai pembinaan rumah. Saya menyentuh ini dengan menyebut empat perkara secara ringkas iaitu kuota kos rendah. Kalau mengenai kuota ini memanglah pemaju-pemaju sering memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh kerajaan tetapi yang hendak saya persoalkan ialah kenapakah rumah-rumah kos rendah ini selalunya dibina di pinggir-pinggir hutan atau di hujung-hujung projek? Kalau di tengah-tengah projek pun hanya di tepi-tepi kolam najis. Adakah itu sahaja tempat atau taraf mereka yang layak menduduki rumah yang berharga RM25,000? Tidak adakah tempat lain yang sesuai untuk mereka? Eloklah diubah prinsip ataupun dasar oleh pihak-pihak pemaju ini. Binalah rumah sebaik banglo berharga suku juta.

Begitu juga dengan nama-nama yang digunakan untuk taman perumahan. Gunakanlah nama-nama tempatan dan sehubungan dengan ini pihak berkuasa tempatan haruslah tegas. Majlis-majlis Daerah, Majlis-majlis Perbandaran haruslah tegas, janganlah mengagung-agungkan nama orang luar. Kita ada banyak nama tempatan yang boleh kita agung-agungkan. Apakah istimewanya orang luar daripada orang kita. Berilah pengiktirafan ini kerana kalau kita tidak mengiktiraf nama-nama tempatan orang lain tidak akan pakai. Sedangkan kita sendiri tidak pakai, kita menggunakan nama orang, usah haraplah orang hendak pakai nama kita.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi ialah mengenai rumah-rumah....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, harga ini ialah....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ini tidak ada kesudahannya, Yang Berhormat.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Satu sahaja iaitu harga yang munasabah hendaklah diberikan, bukannya selepas rumah RM25,000 terus kepada harga RM125,000, siapakah yang hendak membeli? Gapnya terlalu luas. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tanjung Aru.

6.46 ptg.

Dr. Yee Moh Chai [Tanjung Aru]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Usul Ucapan Terima Kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung.

Dalam kesempatan ini saya ingin mengingatkan kerajaan mengenai beberapa perkara yang memerlukan perhatian segera yang masih dihadapi oleh negeri Sabah. Sementara dalam usaha memodenkan negara kepentingan penjagaan kesihatan harus tidak diketepikan. Amat mengecewakan sekali bahawa negeri Sabah masih ketinggalan jauh dari segi perancangan yang berkesan dan pembiayaan dari kerajaan dalam bidang penjagaan kesihatan. Nyata sekali kurang tumpuan diberi ke atas perkara ini dan ianya dapat digambarkan ketika penyakit cholera melanda di Semenanjung Malaysia pada tahun lalu.

Fenomena itu serta-merta diambil perhatian yang amat serius sehingga selalu menjadi headline dalam media nasional tetapi kerajaan nampaknya tidak menghiraukan masalah penyakit cholera yang lebih teruk melanda negeri Sabah pada masa yang sama. Kejadian seumpama itu membangkitkan persoalan mengenai keikhlasan kerajaan mengenai masalah penjagaan kesihatan di negeri Sabah. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "it needs no reminder to anyone that until and unless some of the very basic health care infrastructure, such as more clinics and health workers are set in place in Sabah, any talk of benefits from some of the multi-million ringgit health care privatisation is meaningless to the Sabahan."

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa Malaysia harus maju ke hadapan selaras dengan perkembangan teknologi maklumat termasuklah konsep Multimedia Super Corridor. Sementara kerajaan menyedari pentingnya teknologi maklumat itu saya tidak memahami mengapa rakyat harus disekat untuk mendapatkan maklumat yang sememangnya mudah didapati seperti maklumat yang terdapat melalui satelit TV. Sekatan itu tidak seharusnya berlaku kerana matlamat utama

teknologi maklumat itu adalah demi mempercepatkan dan memudahkan penyampaian serta penerimaan data dan maklumat.

Senario seumpama ini jelas dilihat sebagai 'a combination of big brother knows best and a monopoly for Astro,' dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap kerajaan ikhlas dalam usaha memastikan teknologi maklumat boleh diperolehi oleh rakyat dengan kadar bayaran yang murah. Kerajaan seharusnya membenarkan rakyat untuk mendapatkan satellite TV signal tanpa sekatan demi memastikan teknologi maklumat termasuklah Multimedia Super Corridor benar-benar dapat membawa faedah kepada semua rakyat dengan berkesan.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "Indeed if we, as a nation, are not matured and confident enough to trust our own people to know how best to utilize all the informations which is already available freely world wide, are we not handicaping ourself and defeating the objective of Multimedia Super Corridor." Justeru itu, saya minta agar kerajaan mengkaji semula pendekatan yang diambil dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhiri saya ingin menyentuh sedikit mengenai dengan masalah bekalan elektrik di negeri Sabah yang sekian lama berlarutan tetapi masih belum diselesaikan lagi. Mengikut janji-janji Kerajaan Barisan Nasional semasa pilihan raya negeri pada tahun 1994 seharusnya masalah ini tidak wujud lagi. Tetapi di sebaliknya masalah itu semakin teruk dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Sementara itu rakyat di negeri Sabah masih ternanti-nanti rebate yang dijanjikan oleh kerajaan ke atas kerugian akibat gangguan elektrik yang berterusan. Saya menyarankan agar kerajaan mengambil tindakan segera untuk menunaikan segala janji-janji itu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Bintulu.

6.53 ptg.

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh keadaan kehidupan yang dihadapi oleh rakyat peribumi di Sarawak, 'native of Sarawak' ataupun 'indigenous people of Sarawak' serta pencabulan serius ke atas hak asasi kemanusiaan mereka, hak untuk mereka hidup dalam gaya mereka sendiri, hak untuk mengamalkan adat resam mereka dan hak tradisi dalam pemilikan tanah sentiasa dinafikan. Semua ini dilakukan atas nama skim pembangunan kelapa sawit oleh syarikat perladangan gergasi yang

berasal dari Semenanjung, bahkan berselindung di sebalik nama pembangunan negeri Sarawak.

Manusia pertama yang mendiami Bumi Kenyalang ialah rakyat peribuminya. Selama berabad-abad lalu mereka bekerja dan membanting tulang di atas tanah mereka yang mana menerusi adat, mereka telah membentuk sistem undang-undang mereka sendiri untuk mengurus masyarakat dan pemilikan tanah mereka. Pada hari ini hak pemilikan tanah tersebut telah dinafikan. Rakyat peribumi terutama kaum Iban telah diusir sedikit demi sedikit dari tanah warisan mereka bagi memberi laluan kepada skim penanaman kelapa sawit. Jika keadaan ini berterusan tanpa berhenti, pada suatu masa nanti rakyat peribumi Sarawak akan berkesudahan seperti Red Indian Amerika yang terpaksa tinggal dalam kawasan-kawasan penempatan semula yang pernah menjadi milik datuk nenek mereka sebelum orang kulit putih datang.

Saya ingin mendedahkan dua contoh hidup antara banyak kes berlaku dalam kawasan saya pada hari ini bagi menggambarkan betapa seriusnya bahaya ini. Pertama, tanah di Sungai Sebatu Hilir Suai, kini terdapat lebih kurang 20 rumah panjang dalam kawasan ini, dan surat-surat dari pejabat daerah menunjukkan mereka telah berada di situ sejak tahun 1950-an, kira-kira 40 tahun lalu. Selama kini mereka merupakan kaum peribumi perintis dan peneroka penempatan di kawasan Hilir Suai. Mereka menebang hutang, mengerjakan tanah dan hidup sehingga kini atas usaha dan susah payah mereka sendiri. Akan tetapi, kini bagaikan petaka buruk yang menimpa mereka dan rakyat peribumi Sarawak yang berselindung di sebalik nama skim pembangunan tanah, maka tanah warisan mereka telah dirompak. Saya maksudkan rompakan siang hari tanpa berunding, berbincang dan tanpa menghormati hak rakyat peribumi ke atas tanah mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pada 22hb. Mac, 1985 Kerajaan negeri Sarawak telah mengambil tanah NCR rakyat peribumi Sungai Sebatu Hilir Suai dengan berselindung atas nama 'Land Custody Development Authority Sarawak.' Pihak Penguasa Penjagaan dan Pembangunan Tanah Sarawak lantas menukarkan tanah-tanah tersebut menjadi tanah-tanah zon campuran supaya mereka boleh menjual di kemudian hari. Maka pada 12hb. April, 1996 lebih kurang 11 tahun kemudian, semua 9,300 ekar tanah zon campuran telah dijual kepada Sachiew Plantation Sdn. Bhd. bagi sejumlah harga RM930,000 ataupun RM100 setiap ekar.

Saya pasti jika tanah zon campuran itu dijual pada kadar RM100 seekar, tentulah ia akan direbut tanpa mengira masa. Mengapakah orang lain tidak diberi peluang membelinya? Mengapakah rakyat peribumi tidak diajak berunding terlebih dahulu sebelum tanah hendak dijual atau tidak. Jika hendak dijual, apakah harga jualan, dan bagaimanakah mereka boleh mendapat faedah dari tanah warisan tersebut? Mengapakah tanah tersebut hanya dijual kepada Sachiew Plantation Sdn. Bhd., kepada syarikat usaha sama dari Semenanjung, yang mana orang-orang seperti Mohamad Rejab bin Hashim dari Bukit Mertajam, Chew See Kong dan Choo Keng Heng, kedua-duanya dari Pulau Pinang sebagai Pengarah serta Jainal Abidin bin Ahmad dari Kuching.

Kini Tradewinds Plantations Services Sdn. Bhd. yang berpejabat di Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur telah melantik kontraktor tempatan, Johnson Enterprise, Bintulu untuk menolak dan membersihkan tanah-tanah NCR yang mereka panggil sebagai Ladang Sachiew. Pada Julai 1996, kontraktor Johnson Enterprise telah mengirinkan sepucuk surat tidak bertarikh kepada penduduk-penduduk rumah panjang yang terlibat dengan menawarkan RM100 setiap ekar bagi pembelian tanah NCR mereka. Penduduk rumah panjang merasakan ia suatu persendaan kerana masakan tanah warisan mereka bernilai hanya RM100 seekar. Mereka membuat keputusan menolak tawaran tersebut. Kemudian kontraktor tempatan Johnson Enterprise bertindak mencero boh dan menolak tanah NCR.

Pada 17hb. Disember, 1996 penduduk rumah panjang diketuai oleh tuan rumah berjumpa Pegawai Daerah di Miri, Encik William Nyuallau bagi menceritakan kejadian tersebut. Pegawai Daerah kemudiannya telah menulis surat rasmi kepada Johnson Enterprise supaya memberhentikan kerja menolak tanah, kerana tanah NCR itu masih hak milik penduduk peribumi dan Johnson Enterprise sepatutnya berunding dan mendapatkan persefahaman dengan penduduk rumah panjang sebelum meneruskan kerja-kerja. Walaupun demikian, Johnson Enterprise terus mengerjakan tanah tersebut dengan mengenyapkan bantahan penduduk-penduduk serta surat Pegawai Daerah Miri. Apabila penduduk-penduduk rumah panjang mengadakan upacara 'Miring', iaitu satu upacara istiadat membersihkan dan merestui tanah mereka dari ancaman nasib buruk, bahan-bahan upacara 'Miring' itu pun telah dimusnahkan dengan jentolak.

Penduduk-penduduk yang sudah hilang kesabaran telah bertindak merampas kunci jentolak dan menyerahkan kepada Balai Polis Batu Niah dengan harapan tanah mereka tidak akan dicero boh

lagi. Hari berikutnya satu pasukan anggota polis bersama-sama dengan Pengurus Johnson Enterprise datang ke rumah panjang dengan menaiki dua buah land cruiser. Pengurus Johnson Enterprise bertanya seorang anggota polis bernama Luhut Wan: "Besok boleh kerjakah?" "Boleh! Besok boleh kerja." Kata Luhut Wan. Sejak itu Johnson Enterprise telah mempergiatkan kerja-kerja membersihkan dan menolak tanah dan segala tanaman yang terdapat di atas tanah NCR.

Pada 8hb. Disember penduduk-penduduk bertindak menghalang para pekerja menolak tanah mereka dengan merampas kunci jentolak sekali lagi dan menyerahkannya kepada Balai Polis Batu Niah. Kemudian pihak polis datang ke rumah panjang dan membawa balik ke balai, lima orang penduduk di mana di situ pengurus kontraktor tempatan telah menuduh mereka mencuri jentolak syarikatnya.

Pihak polis menahan reman lima penduduk untuk siasatan lanjut. Kelima-lima penduduk menafikan yang mereka mencuri jentolak, tetapi hanya menahan jentolak dari meneruskan kerja-kerja memusnahkan tanah dan tanaman serta harta mereka.

Kontraktor tersebut telah datang ke pejabat saya sambil memberitahu bahawa beliau akan meminta pihak polis mereman jika mereka masih mengganggu kerja-kerja pembersihan, malah katanya jika 30 atau 50 orang penduduk sekali pun maka penduduk ini akan di reman oleh polis. Beliau berkata bahawa beliau telah menawarkan pampasan RM100 setiap ekar kepada penduduk-penduduk rumah panjang, tetapi jika mereka enggan menerimanya maka lebih baik diserahkan kepada pihak polis.

Pihak polis mestilah tidak memihak apabila bertindak pada bila-bila masa. Tetapi mengapakah terjadi begini apabila penduduk-penduduk membuat laporan ke balai polis di Batu Niah mengenai pencerobohan Johnson Enterprise ke atas tanah mereka, aduannya tidak diterima. Sebaliknya, apabila mereka menyerahkan kunci di balai, mereka telah ditahan reman.

Mengapakah penduduk rumah panjang mengambil kunci jentolak pada awal lagi? Siapakah yang berada dan mencero boh tanah terlebih dahulu? Apakah terjadi kepada hak mereka atas tanah NCR? Pada hari ini, terdapat satu contoh lagi, tanah NCR penduduk peribumi di sepanjang Jalan Sebauh dan Sebungan, Bintulu yang mana tanah seluas 17,500 ekar tanah NCR telah ditukar syarat menjadi tanah jual campuran dan dijual kepada Ladang Tabung Haji Sabah dan Sarawak Sdn. Berhad dan Semai Mekar Sdn. Berhad dalam bulan Disember 1996 pada kadar harga RM296 seekar.

Penduduk peribumi ini tidak menyedari perkara ini dan tidak pernah diajak berunding tentang tanah yang menjadi warisan turun-temurun dan kini telah dijual di belakang mereka. Saya difahamkan juga bahawa kerja-kerja pembersihan akan dimulakan dalam tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka meminta syarikat-syarikat gergasi Semenanjung supaya menghormati hak rakyat peribumi ke atas tanah adat mereka di Sarawak. Berbincang dengan mereka terlebih dahulu, sama ada mereka menerima konsep penanaman ini atau tidak. Dan kemudian mencari jalan penyelesaian sebaik mungkin dan dalam bentuk ganti rugi wang tunai atau lain-lain pampasan. Ia boleh jadi dalam bentuk pegangan saham oleh setiap unit rumah panjang atau secara individu supaya kedua-dua pihak baik syarikat perladangan dan rakyat peribumi Sarawak boleh menikmati secara bersama semua faedah dari projek pembangunan tanah mereka. Sikap mengabaikan rungutan dan keluhan mereka apabila tanah mereka dicerobohi adalah merupakan satu penafian hak asasi manusia peribumi Sarawak dan kewujudan masyarakat tersebut di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari Isnin 31hb. Mac, 1997 baru-baru ini, Ketua Menteri pertama Sarawak, Tan Sri Amar Stephen Kalong Ningkan telah meninggal dunia di Kuching dalam usia 76 tahun. Mendiang merupakan Ketua Menteri pertama sebuah negeri yang baru bergabung dalam sebuah negara baru Malaysia.

Saya bercakap untuk menarik perhatian Dewan tentang jasa-jasa mendiang yang harus dikenang oleh zaman. Mendiang yakin terhadap fahaman demokrasi dan amalan kepelbagaian kaum, 'multi racialism' di negara kita. Semasa berucap di Sibu dalam satu kempen menentang Chinese Communist Organisation (CCO) pada masa itu, semasa ia menjadi Ketua Menteri pertama Sarawak, mendiang berkata, 'saudara kaum peribumi dan bumiputera yang hidup dalam keadaan aman, harmoni secara tradisi dengan saudara kaum Cina, jangan cuba mengambil atau menjalankan undang-undang secara sendiri kerana kerajaan akan memastikan bahawa kedaulatan undang-undang akan sentiasa dipelihara'.

Beliau juga memberi jaminan bahawa kerajaan akan berbuat sesuatu selama ia berkuasa untuk meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat tanpa mengira kaum, kepercayaan atau agama di mana kita mempunyai sebuah kerajaan yang diasaskan kepada idealisme demokrasi sebuah kerajaan yang mempercayai sepenuhnya kebebasan berfikir dan bersuara.

Mendiang juga berkata kepada saudara-saudara Melayu, bahawa tidak ada pilih kasih atau sikap memihak dalam mengagihkan peruntukan sambil menjamin mereka bahawa orang Melayu akan sebenarnya diwakili dalam Parlimen Persekutuan.

Mendianglah orang yang membantu supaya Konsep Gagasan Malaysia diterima selepas mendiang menyedari akan faedah yang rakyat perolehi dan berjuang sehingga dikenali sebagai salah seorang jaguh Malaysia. Semasa mendiang berucap dalam satu kempen, menahan Chinese Communist Organisation di Sibu semasa menjadi Ketua Menteri

.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Chiew Chiu Sing: Ya, saya gulung. And I quote, saya petik. "*When we say 'Hidup Malaysia' we should not merely pay lip service to Malaysia. It should be an exhortation as well as a prayer and I sincerely hope that Sarawakians of all races always consider it as their watch word and sincerely cooperate with the forces of law and order in the establishment of peace and security' and he ended his speech that day by saying, 'it is therefore the bounden duty of everyone young and old in Sarawak to work together in peace, friendship and harmony to achieve the golden future that awaits this country as a partner in the Federation of Malaysia. Peace be to you all. Hidup Malaysia!'*"

Mendiang merupakan seorang pemimpin kaum Iban yang ulung, seorang rakyat bumiputera Sarawak yang berjaya menzahirkan impian sebuah Malaysia demokrasi dan multi racialism yang seharusnya hidup dalam sanubari setiap rakyat Malaysia sama ada dalam bentuk tugu peringatan dan sebagainya dan kita sebagai rakyat Malaysia sewajarnya memberitahu generasi masa depan kita mengenai pemimpin besar Iban yang merupakan salah seorang 'Bapa Pengasas Sarawak' dalam Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Balik Pulau.

7.09 mlm.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian menyokong Usul yang dikemukakan oleh rakan saya daripada Sungai Petani untuk mengucapkan terima kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sesuai dengan usul yang dikemukakan itu pada Pembukaan Penggal Ketiga, Parlimen Kesembilan ini dan saya akan hanya bercakap tentang institusi Parlimen ini sendiri dan peranan kerajaan dan juga pemerintahan di dalam negara kita hari ini.

Pada hari Isnin pada masa Yang di-Pertuan Agong merasmikan pembukaan Penggal Ketiga dalam Parlimen Kesembilan ini, ianya merupakan satu upacara yang telah berlangsung dengan penuh adat istiadat, yang gilang-gemilang yang dihadiri oleh semua cabang kerajaan, bahagian perundangan kita di sini dan juga kehakiman serta jentera pentadbiran kerajaan dan perwakilan daripada kor diplomat dan sebagainya.

Majlis pembukaan sebegini sekali sekala merupakan ketika di mana ketiga-tiga komponen Parlimen berkumpul pada satu tempat iaitu Yang di-Pertuan Agong sendiri, Ahli-ahli Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat.

Upacara yang penuh adat istiadat ini adalah bersesuaian dengan kedudukan Parlimen sebagai sebuah institusi politik yang terulung di dalam sistem pentadbiran negara kita hari ini. Parlimen bukan sahaja satu simbol, tetapi juga merupakan sebuah institusi perundangan yang tertinggi di dalam negara kita.

Sistem politik kita menetapkan bahawa kuasa memerintah bermula di sini dan juga berakhir di Dewan yang mulia ini khususnya. Dewan inilah yang meluluskan undang-undang yang menetapkan hak dan juga sempadan hak setiap individu di dalam negara kita. Dewan inilah juga yang menetapkan hukuman ke atas pencabulan hak-hak yang telah ditetapkan itu. Dewan inilah juga yang telah memberi dan mengambil hak kepada individu, kepada rakyat dalam negara kita ini. Dewan ini jugalah mempunyai kuasa untuk mencukai dan Dewan inilah juga mempunyai kuasa untuk menetapkan bagaimana wang awam hendak dibelanjakan. Dewan ini jugalah menjadi mekanisme untuk mengawasi perjalanan pentadbiran kerajaan agar semua dasar dan undang-undang yang diluluskan di dalam Dewan ini dilaksanakan bertetapan dengan hasrat asalnya. Begitulah hebatnya kedudukan Dewan ini pada teorinya dan begitu hebat serta beratnya tanggungjawab yang dipikul oleh institusi ini keseluruhannya dan juga oleh setiap daripada kita hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai sejarah yang panjang dalam sistem perundangan. Sebelum datangnya penjajah, kita sudah dan ada pun majlis-

majlis perundangan di bawah Kesultanan Melayu masing-masing dan juga di Sabah dan di Sarawak. Dengan datangnya penjajah khususnya penjajah Inggeris, kita telah ada Majlis Negeri-negeri Selat pada hampir 200 tahun yang lalu.

Beberapa tahun selepas Perjanjian Pangkor kita sudah ada Majlis Perundangan untuk Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1909. Apabila kita mengalahkan konsep Malayan Union, kita menubuhkan Majlis Perundangan Persekutuan dan Majlis tersebut berlangsung sehinggalah kita mewujudkan Parlimen yang pertama pada tahun 1959. Hari ini kita berada pada Parlimen Yang Kesembilan khususnya kepada Penggal Yang Ketiga dalam Parlimen Kesembilan ini.

Saya timbulkan perkara-perkara sebagai latar belakang kerana saya hendak mengutarakan ataupun melahirkan satu perasaan bahawa walaupun begitu panjangnya sejarah perundangan kita, walaupun tingginya kedudukan Parlimen ini, Dewan Rakyat dan Dewan Negara juga keseluruhan Institusi Parlimen ini, saya merasakan bahawa sekarang kedudukan Parlimen ini di tanggapan umum adalah begitu rendah.

Saya ingin mengatakan bahawa perjalanan urusan mesyuarat sama ada di dalam Dewan Rakyat ini, mahupun di Dewan Negara tidak merupakan sesuatu yang relevan pada fikiran rakyat, tidak dijadikan sebagai satu yang penting untuk diikuti. Kita merasakan bahawa hari ini sudah terdapat satu fenomena pengasingan rakyat daripada institusi dan juga proses politik ini. Dengan keadaan yang sedemikian, kedudukan institusi ini sendiri, kedudukan Dewan ini khususnya kedudukan proses politik ini, kedudukan setiap daripada ahli dalam Dewan ini adalah tercemar dan terjejas daripada Tuan Yang di-Pertua, daripada bangku sebelah sini (kerajaan), bangku sebelah sana (pembangkang) dan kesemuanya kita di dalam Dewan hari ini.

Kita tidak perlu melihat pada banyak perkara, kita lihatlah pada Geleri Awam di belakang saya ini. Kalau kita bentangkan Rancangan Malaysia Ketujuhkah. Kalau kita buat apa juga rang undang-undang yang penting, tidak ada siapa pun awam yang datang untuk mendengar perbincangan, untuk kita luluskan apa-apa rang undang-undang ataupun kita hendak membahaskan usul-usul seperti yang ada pada hari ini. Ini menunjukkan bahawa awam tidak melihat perkara-perkara yang dijalankan di dalam Dewan ini sebagai penting, sebagai yang mempunyai kerelevanan dalam hidup mereka.

Kita melihat misalnya dari segi liputan media-massa, baik liputan media cetak mahupun media elektronik. Liputan itu sendiri ada dua 'konotasi'.

Yang pertama, ianya menunjukkan bahawa dari segi penilaian pihak media-massa, dari segi ruang yang diberi, dari segi masa yang diberi ia menunjukkan deliberation yang ada dalam Dewan ini tidaklah begitu penting, tidak ada 'news value' dia.

Yang kedua, cara liputan itu diberi ianya lebih kepada perkara-perkara yang tertentu dan tidak mengengahkan perkara-perkara yang lebih penting.

Saya melahirkan di sini tentang liputan media-massa ini. Misalnya di Dewan ini kita meluluskan peruntukan belanjawan tiap-tiap tahun yang kita beri kepada satu stesen awam yang mana segala perjalanannya, segala peruntukan pembangunan dan juga pengajian kita luluskan dalam Dewan ini. Ia merupakan satu stesen awam - RTM. RTM sendiri tidak memberi ruang masa kepada liputan apa yang terjadi di dalam Dewan ini. Dewan inilah yang meluluskan wang ataupun peruntukan, kalau tidak, RTM tidak akan wujud. Tetapi RTM sendiri sebagai satu stesen awam tidak menjaga kepentingan awam, tidak menjaga peranannya dalam kes ini untuk melindungi dan juga menjaga kedudukan Dewan ini.

Media-massa atau media cetak misalnya, dari segi liputan - mereka yang ada duduk di belakang saya yang hanya ada berapa orang sahaja pun. Media bercetak juga cara liputan yang diberi dan ruang yang diberi sudahlah sedikit yang tidak menampakkan apa yang berlaku di dalam Dewan ini.

Yang kedua, cara dan perkara-perkara yang diketengahkan ataupun yang diketengahkan adalah perkara-perkara yang saya kira tidak mencerminkan secara substantif apa yang berlaku dalam Dewan ini.

Saya ingin mengatakan sejak Penggal Ketiga Parlimen ini dirasmikan pada 24 yang lepas oleh Yang di-Pertuan Agong. Akhbar *The New Straits Times* misalnya mengambil satu sikap untuk menunjukkan kedatangan, kehadiran Ahli Parlimen dalam Dewan Rakyat ini pada pukul 2.30 petang, 4.30 petang dan pada pukul 6.15 petang. Jadi, saya sendiri ingin menegur dari segi sikap yang ditunjukkan oleh *The New Straits Times* itu. Kalaulah benar-benar akhbar hendak memainkan peranannya sebagai 'the guardian of public interest', untuk menjaga kedudukan Dewan ini,

maka ada banyak perkara-perkara lain yang boleh mereka ketengahkan, bukannya perkara-perkara yang remeh seperti yang dilakukan oleh *The New Straits Times* dalam pada meletakkan kehadiran itu. Apakah maknanya meletakkan perkara itu?

Kalau kita hendak betul-betul mahu bertanggungjawab sebagai media-massa, untuk kita menjaga keutuhan proses politik ini, menjaga kedudukan institusi ini, banyak perkara lain yang boleh diketengahkan, cara liputan yang diberi ataupun memperketengahkan apakah isu-isu yang saya bangkitkan sendiri tentang kedudukan dan juga proses perundangan yang berlaku di dalam Dewan ini dan juga di dalam institusi Parlimen ini sendiri. Ini trivialities yang dilakukan oleh media, tetapi saya menghormati hak media untuk melakukan perkara itu ataupun apa-apa juga perkara lain yang mereka hendak lakukan. Tetapi janganlah ada pula satu usaha untuk mencela seolah-olahnya ahli-ahli dalam Dewan ini, institusi ini sendiri, tetapi tidak menyedari bahawa mereka juga mempunyai tanggungjawab yang berat untuk memelihara institusi ini.

Institusi ini adalah penting. Pada hakikatnya, pada prinsipnya institusi ini menjaga kepentingan awam. Ianya menjaga kepentingan awam dalam pada menjalankan tanggungjawabnya dari segi perundangan, dari segi percukaian, dari segi membekalkan perbelanjaan dan juga dari segi sebagai satu badan untuk melihat bahawa semua perjalanan yang dilakukan oleh jentera kerajaan, oleh jabatan-jabatan, kementerian dan pegawai-pegawai kerajaan berlaku dengan seperti yang kita persetujuan di sini. Tetapi hari ini saya ingin bertanya secara ikhlas, seperti yang saya katakan tadi apakah dia kedudukan Parlimen ini? What are we doing here?

Saya merasakan bahawa Ahli-ahli Parlimen yang pada dasarnya adalah merupakan ahli-ahli perundangan (legislators). Adakah peranan itu ada kepada kita hari ini?

Saya merasakan bahawa kita menghormati cabang eksekutif tetapi kita merasakan bahawa peranan legislatif yang ada kepada ahli sekarang ini sudah diambil alih oleh pegawai kerajaan, padahal kitalah yang meluluskan semua undang-undang di dalam Dewan ini. Kitalah secara kolektifnya bertanggungjawab tetapi kita tidak berperanan dalam pada menggubal ataupun memberi pendapat kepada penggubal undang-undang ataupun meluluskan apa juga usul di dalam Dewan ini. Maka, jadilah cabang jentera kerajaan sendiri menjadi lebih kuat daripada badan legislatif ini sendiri sehinggakan

kalau hendak ada apa juga perbincangan dari segi benefits, perks ahli-ahli Dewan ini hendaklah disamakan dengan pegawai-pegawai kerajaan seolah-olah ahli-ahli Dewan Rakyat ini adalah macam pegawai kerajaan jugalah.

Jadi, ini satu yang sedih sebab kitalah yang akhirnya sebagai ahli politik, kitalah sebagai ahli Dewan Rakyat yang bertemu dengan rakyat hari-hari, yang kena berdepan dengan rakyat hari-hari tetapi "the legislative function of the Dewan is being usurped up by the government servants pada pendapat saya dan kita berperanan hanya to clean up the bureaucratic mess on the ground sebab kita yang berdepan dengan rakyat hari-hari. Kitalah yang pergi tengok yang orang dok mai kata apa benda - kita. Kita menjadi ombudsman, kita menjadi macam public affairs office. Itu peranan kita yang saya terima tetapi peranan yang ingin saya kemukakan untuk sama-sama kita berfikir ialah peranan kita sebagai ahli-ahli satu badan perundangan di dalam negara kita ini.

Bahagian Perundangan ini semakin negara maju semakin kita menjadi moden pertindihan-pertindihan hak akan berlaku dengan lebih banyak. Apabila ada pertindihan hak yang sedemikian rupa, maka keperluan perundangan akan menjadi lebih banyak lagi pada hari ini dan juga di masa-masa hadapan. Ini menjadikan peranan institusi ini lebih penting kerana tuntutan perundangan untuk kita lakukan, untuk kita menyediakan prasarana perundangan untuk memelihara kemakmuran dan juga untuk kita bangunkan negara kita ini semakin lama semakin tinggi. Oleh itu adalah perlu untuk kita menjaga keutuhan, memastikan bahawa institusi ini melalui proses kematangannya. Seperti yang telah saya katakan, kita sudah 300 tahun lebih, kalau British punya colonial history kita sudah 200 tahun lebih membuat kerja perundangan walaupun hanya pada tahun 1955 kita ada badan perundangan yang dilantik oleh rakyat sendiri.

Jadi, hendaklah kita sebagai ahli-ahli dalam Dewan ini termasuk Tuan Yang di-Pertua sendiri, kesemua dari kita memikirkan hari ini di manakah kedudukan institusi ini. Dalam konteks itu, saya inginlah mencadangkan kepada pihak yang berwajib dan yang mungkin melakukan perubahan supaya kita duduklah, demi untuk kita menjaga persempadanan kerajaan, memelihara kepentingan awam dan pengurusan pentadbiran awam ini dan menjaga kedudukan institusi ini. Saya cadangkanlah supaya kerajaan memikirkan bagaimana untuk kita memelihara dan menjaga kedudukan institusi

Parlimen ini dengan pertamanya untuk melihat semula kepada peraturan-peraturan mesyuarat.

Kita kena lihat, kita wujudlah apa juga, memang pun ada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat, bermesyuaratlah dan fikirkanlah bagaimana pindaan-pindaan patut ada kepada peraturan-peraturan mesyuarat yang ada sekarang untuk memungkinkan peranan perundangan ahli-ahli yang saya katakan tadi itu lebih mampu, lebih boleh kita nampak. Kita hendaklah menjaga supaya umum, rakyat melihat Parlimen sebagai satu institusi yang penting. Jika ianya tidak lagi berlaku, maka saya pun tidak tahu apa hendak jadi kepada negara ini kalau proses politik semacam ini tidak lagi dilihat sebagai satu yang penting.

Yang keduanya, saya inginlah mencadangkan supaya mekanisme jawatankuasa yang ada dalam peraturan mesyuarat sekarang digunakan di masa-masa akan datang. Kalau tidak pun dalam semua jenis usul, pada usul-usul tertentu, kita hendaklah, saya fikir menggunakan proses jawatankuasa dengan lebih meluas. Saya mengalu-alu penubuhan Jawatankuasa Parlimen untuk teknologi maklumat yang ditubuhkan yang mana keahliannya adalah semua parti-parti di dalam Dewan ini yang dipengerusikan bersama oleh Ketua Pembangkang dan juga Ketua Penyokong Kerajaan tetapi untuk kita memperkaya dan menjaga kedudukan institusi ini di masa-masa akan datang, kita hendaklah menggunakan mekanisme jawatankuasa ini dengan lebih kerap dan mengkhusus kepada bidang-bidang perundangan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, apabila negara semakin maju macam kita lihat dalam rang undang-undang yang ada dalam bacaan pertama, kita ada dua rang undang-undang di sini yang begitu spesifik dan yang bersangkutan dengan pelaksanaan Multimedia Super Corridor iaitu Undang-undang Tandatanganan Digital dan Undang-undang Jenayah Komputer (computer crimes). Keperluan legislatif semakin lama semakin rumit. Apabila negara semakin maju seperti yang saya katakan tadi, keperluan perundangannya semakin rumit. Kalau kita menggunakan mekanisme jawatankuasa ini, kita akan membentuk kepakaran tentang pemahaman bidang-bidang tertentu di kalangan ahli-ahli sendiri. Misalnya, kalau kita ada jawatankuasa-jawatankuasa seperti sains dan teknologi, jawatankuasa ekonomi, jawatankuasa hal ehwal luar dan macam-macam jawatankuasa.

Jadi, ahli-ahli yang menjadi ahli jawatankuasa-jawatankuasa tersebut, dalam pada dia terlibat di dalam perundangan yang tertentu ini akan terbentuk kemahirannya dan apabila terbentuk kemahiran

perundangan dalam bidang yang khusus di kalangan ahli, maka ianya membantu dalam pentadbiran kerajaan pada keseluruhannya. Jadi, mungkin perjalanan mesyuarat sendiri boleh kita perbaiki.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta gulung.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Yang itu satu lagi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya habiskan point ini sedikit sahaja. Saya pun sudah 'putus' idea saya, Tuan Yang di-Pertua suruh saya berhenti. *[Ketawa]*.

Dalam pada kita membentuk kepakaran di kalangan ahli, maka kita boleh menyumbang dan membantu kerajaan. Saya berasa yakin kalaulah dalam jawatankuasa, kalaulah ada ahli daripada pembangkang pun kita merasa yakin di pihak kerajaan ini kita mempunyai kemampuan dan keyakinan bahawa idea kita, idea yang diketengahkan oleh kerajaan boleh kita pertahankan. Cuma, kita hendak merasakan bahawa kita sedikit sebanyak menyumbang kepada penggubalan undang-undang yang tersebut. Penggubalan undang-undang yang akhirnya kita secara persendirian, individu dan secara kolektif kena jawab kepada rakyat.

Jadi, satu lagi perkara yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, ialah kita hendaklah kemaskan sedikit cara perjalanan mesyuarat kita ini. Mungkin kita kena fikir balik semua, mungkin kalau ada sistem jawatankuasa, kita tidak payah bermesyuarat dalam majlis sepanjang masa. Mungkin committee itu boleh bermesyuarat secara serentak dan melaporkan kepada majlis. Jadi, tidaklah wujud, misalnya perbincangan macam hari ini, macam yang dok ada ketika ini, tinggalah 4, 5, 6 orang, nasib baik ahli pembangkang tidak memanggil kuorum. *[Ketawa]* Jadi, kita mungkin boleh melihat semula dengan menggunakan jawatankuasa dan juga dengan melihat semula kepada peraturan mesyuarat - memperbaiki perjalanan keseluruhan urusan mesyuarat di dalam Dewan Negara.

Dan akhirnya sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah kemudahan yang ada di dalam Dewan ini. Saya rasa ini merupakan satu usaha untuk memperbaiki - ini yang dok ada di depan saya ini ada dua, tiga benda - adalah satu usaha untuk memperbaiki perjalanan mesyuarat. Yang ini (lampu) nampak teruk sangat - yang lampu ini - yang ini belum pakai lagi. Misalnya, perkara yang mudah, susunan untuk bercakap, misalnya kita patut ada prosedur yang lain, tidak adalah Ahli-ahli Dewan Rakyat jadi macam bangun duduk, bangun duduk *[sambil*

menggayakannya] macam gitu, mungkin ada cara yang sedikit terhormat lagi. Mungkin ada penjadualan, ada laporan dan penjadualan untuk bercakap dengan lebih tertentu.

Perkara yang satu lagi, sesuai dengan negara akan pergi kepada era teknologi maklumat seperti yang saya pernah bangkitkan. Kita hendaklah menggunakan teknologi maklumat itu sendiri. Satu perkara yang pernah saya bangkitkan mungkin misalnya, sekarang ini satu peraturan mesyuarat di mana kita kena kemukakan soalan-soalan jawab mulut dua minggu sebelum hari pertama penggal bersidang. Kadang-kadang penggal yang bersidang, macam penggal ini panjang juga sampai bulan Mei, dua minggu sebelum 24hb. Mac kita kena kemukakan soalan. Kadang-kadang soalan yang kita kemukakan itu keluar pada 8hb. Mei, jadi dia basi.

Kadang-kadang dalam mesyuarat Belanjawan bulan Oktober, bulan November, Disember - bulan September kemukakan soalan, bulan Disember hujung hampir Krismas baru keluar. Kadang-kadang benda itu jadi basi. Tetapi kalau kita menggunakan teknologi maklumat yang ada yang memungkinkan kita boleh menghantar secara e-Mail, secara apa benda pun, mungkin notis dua minggu sebelum hendak bertanya soalan sudah mencukupi. Sekarang ini tandatangan pun boleh diterima oleh digital, takkanlah soalan Jawab Mulut tidak boleh diterima secara digital.

Jadi, ini merupakan perkara-perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang ingin saya sampaikan. Saya tidak ada masa. Oleh kerana saya menghormati Kerusi, saya memberhenti perbincangan ini. Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

7.32 mlm.

Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof [Dungun]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin memulakan ucapan dengan menyatakan sokongan tidak berbelah bagi bersama-sama dengan rakan-rakan saya dalam Dewan yang mulia ini pada Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bersempena perasmian Mesyuarat Penggal Ketiga, Parlimen Kesembilan pada 24hb. Mac, yang lalu. Titah Ucapan Baginda sekali lagi menegaskan tentang hasrat murni Kerajaan Barisan Nasional yang komited kepada kesejahteraan rakyat tidak kira rupa bangsa dan keturunan mempunyai wawasan yang kemas perancangannya, memiliki perancangan yang baik dilaksanakan. Dari Dasar Ekonomi Baru

sampai ke dasar era siber, dengan adanya Putrajaya dan Siberjaya, Lebuhraya Utara-Selatan, kini pula lebuh raya dari Karak ke Pantai Timur. Dan tidak lama lagi lebuh raya atas gunung antara Cameron Highlands ke Bukit Tinggi, Genting Highlands.

Pembangunan yang pesat baik di bandar mahupun di desa dengan perancangan yang seimbang, dengan keutamaan kebajikan kepada mereka yang kurang berada tanpa merompak hak hakiki mereka yang berada. Semua ini dapat dilaksanakan seadil-adilnya oleh satu kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, pemimpin yang disegani dan dihormati oleh seluruh umat Islam dan warganegara dari negara yang sedang membangun. Manakala sebilangan besar warganegara dari negara maju pun mulai kagum dengan kejayaan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad membawa Malaysia ke satu tahap yang meyakinkan iaitu 'Malaysia boleh'.

Titah Ucapan Baginda menyentuh hampir semua aspek yang penting untuk kita semua menghayati dengan penuh kesedaran dan keinsafan untuk meneruskan perjuangan membina dan membangun masyarakat. Walaupun agenda pembangunan fizikal dan sosial dapat dirancang dengan teratur, kita tidak boleh lari dari permasalahan yang timbul dan perlu diambil tindakan membaiki di peringkat pelaksanaan. Jika ada cacat cela dalam pelaksanaan urusan mentadbir dan mengurus, satu penelitian semula hendaklah diadakan.

Kita masih dengar kegelisahan dan rintihan masyarakat luar bandar dan pedalaman. Kumpulan PPRT masih lagi perlu bantuan dan peruntukan sewajarnya. Kumpulan kelas rendah masih perlu bimbingan dan tunjuk ajar supaya taraf hidup mereka terbela. Kumpulan kelas menengah perlu diperbanyakkan, terutama sekali di kalangan bumiputera. Pelbagai faedah dan keistimewaan patutlah diteruskan.

Dalam usaha kerajaan untuk bergerak pantas, meningkat pembangunan ekonomi dan 'restructuring of society', kita terpaksa berhadapan dengan birokrasi yang perlu diubah suai mengikut keadaan semasa. Satu 'reengineering' diperlukan, baik di peringkat daerah mahupun di peringkat kementerian. Kita tidak boleh menaruh harapan kepada segelintir teknokrat yang patuh kepada pemimpin politik sahaja, tetapi teknokrat yang berwibawa tanpa mengira habuan yang diperolehi, baik dari segi kenaikan pangkat mahupun

penghormatan daripada pemimpin politik atau eksekutif kerajaan.

Di peringkat daerah kita ada Pejabat Tanah Daerah yang dikenali sebagai Pejabat Pentadbiran Tanah Daerah yang pada pendapat saya masih banyak kelemahan apabila rakyat mahu berurusan. Bagi pejabat yang mempunyai fungsi yang khusus, kita perlu profesional yang khusus dalam urusan pentadbiran tanah. Sebagai seorang juruukur tanah berlesen, sering juga saya buat lawatan dan urusan dengan Pejabat Tanah baik di negeri maju seperti di Pantai Barat di Semenanjung Malaysia mahupun di Pantai Timur. Saya dapati pegawai-pegawai yang bertanggungjawab hal ehwal tanah sering mempunyai persepsi yang berbeza-beza. Dalam kefahaman isi-isi kandungan Kanun Tanah Negara, Undang-undang Tanah Negeri dan lain-lain panduan mengenai pentadbiran tanah, kadangkala pegawai memberi kelewatan dalam membuat keputusan kerana segan hendak bertanya dengan pegawai di bawahnya yang lebih berpengalaman. Adakala pegawai-pegawai yang kurang mahir terus serah tanggungjawab kepada pegawai-pegawai di bawahnya untuk membuat keputusan sehinggakan berlaku penyelewengan dan salahguna kuasa yang boleh memberi ruang kepada perbuatan rasuah.

Kalaulah kerajaan serius untuk melicinkan pentadbiran tanah, saya sarankan supaya sekurang-kurangnya semua Penolong Pentadbir Tanah hendaklah daripada profesional yang khusus yang ada pengetahuan hal ehwal tanah, sepertimana profesional di Jabatan Penilaian atau Jabatan Ukur dan Pemetaan. Kalau kita ikut tahap yang ada sekarang, untuk mencari carian rasmi sahaja, kita perlu tunggu dua minggu bagi sebilangan besar Pejabat Tanah, dan ada pula sampai sebulan. Saya ada maklumat-maklumat mengenai tunggakan atau arrears lot-lot yang perlu diukur oleh Jabatan Ukur Negeri yang masih disimpan tanpa tindakan di Pejabat Tanah yang lot-lot ini masih dalam bentuk hak milik sementara.

Oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya berharap perkara-perkara ini boleh dirujuk kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Kalaulah kehadiran Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini disiarkan dalam akhbar, saya rasa tidak salah kalau akhbar ambil peranan untuk menyenaraikan mana-mana Pejabat Tanah yang lembab, yang kurang cekap dari masa ke semasa. Saya dapati banyak opportunity lot berlaku kerana kelewatan Pejabat Tanah bertindak. Lainlah projek itu dikawal

selia oleh Jabatan Perdana Menteri atau projek-projek raksasa di bawah naungan Menteri Besar sendiri.

Satu agensi kerajaan yang perlu di'reengineering'kan ialah Badan Pencegah Rasuah. Akhir-akhir ini BPR sudah hilang glamournya. Banyak kerja belum diselesaikan. Apa telah terjadi kepada penyiasatan ke atas pengurusan Perwaja di bawah pengurusan sebelum ini sebelum diambil alih oleh Kumpulan Maju? Kita diberitahu penyiasatan sudah pun sampai ke peringkat yang kompleks, sukar bagi penyiasat BPR untuk membuat penyiasatan selanjutnya. Apa sudah terjadi kepada penyiasatan terhadap pemberian tender telekom kepada Ericsson. Nampaknya kakitangan yang ada dalam BPR kurang mempunyai kaliber atau keupayaan yang setanding. Apa salahnya kita naikkan keupayaan BPR seperti keupayaan yang ada pada Pesuruhjaya Sekuriti atau Security Commission.

Kita perlu tempatkan 'the best brain', mungkin tangga gaji yang lebih istimewa seperti yang diperolehi oleh pegawai-pegawai yang bertugas di Suruhanjaya sekuriti.

Saya mewakili satu kawasan Parlimen yang mana sebilangan besarnya dari kawasan FELDA. Saya selalu ditemukan dengan permasalahan peneroka FELDA, walaupun dahulu FELDA diberi penghormatan yang paling tinggi, tetapi sekarang kita hanya mendengar keluhan keluarga peneroka FELDA.

Umpamanya, pendapatan bulanan peneroka di tahap kemiskinan, apabila tanah peneroka ditebang

dan ditanam semula. Adakah tidak ada satu formula atau format yang boleh membantu mereka sedangkan FELDA mempunyai keupayaan dalam semua segi seperti kewangan.

Kedua, lot-lot perumahan peneroka tidak ada ruang untuk 'extended family'. Adakah FELDA tidak bercadang untuk menyediakan kawasan yang sesuai untuk perumahan anak-anak peneroka FELDA yang sudah berkeluarga.

Ketiga, bilakah FELDA hendak menyelesaikan pengeluaran hak milik tanah bagi peneroka yang layak mendapat hak milik? Masih banyak peneroka di kawasan saya tidak memiliki hak milik tanah disebabkan birokrasi FELDA.

Saya difahamkan, Unit Ukur Tanah FELDA telah diMBOKan tetapi penyelesaian untuk memberi hak milik kepada peneroka masih di tahap lama. Sampai bilakah peneroka FELDA di kawasan saya patut menunggu untuk mendapat hak milik walaupun semua pembayaran sudah dibuat oleh peneroka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang dapat saya katakan untuk hari ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Nampaknya tidak ada lagi Ahli yang hendak mengambil bahagian, maka dengan itu saya tangguhkan Dewan ini sehingga jam 2.30 petang hari Isnin, minggu hadapan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.42 malam.